

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 18

Selasa

3 Ogos 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 28)
- Menangguhkan Mesyuarat Mengikut P.M. 15(3)	(Halaman 126)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 17(1):	
■ Tindakan Kasar Pihak Polis Terhadap Orang Awam Membantah ISA - <i>YB. Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah</i>	(Halaman 29)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang ewa Beli (Pindaan) 2010	(Halaman 31)
Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010	(Halaman 54)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Pemeriksaan Bahasa Kebangsaan - <i>YB.Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah</i>	(Halaman 126)
■ AUKU dan Penglibatan Politik Mahasiswa - <i>YB. Dr. Syed Husin Ali</i>	(Halaman 131)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 3 Ogos 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Pau Chiong Ung minta menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:-

- (a) apakah pendekatan dan cadangan kementerian untuk menguatkan lagi kerja-kerja kaunseling dan bimbingan terhadap pemuda-pemudi yang bermasalah kerana terdapat 479 orang pemuda beragama Islam di bawah umur 19 tahun telah pun berkahwin dan antaranya terdapat 32 orang adalah di bawah umur 10 tahun pada tahun 2009; dan
- (b) adakah sebarang statistik untuk pemuda-pemudi bukan Muslim yang telah pun berkahwin di bawah umur 19 tahun pada tahun 2009.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, setahu kami di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, angka 479 pemuda beragama Islam di bawah umur 19 tahun yang diutarakan oleh Yang Berhormat, sebenarnya mengikut rekod kami merupakan jumlah individu yang menjalankan ujian HIV sebelum memohon untuk berkahwin, bukan angka mereka yang telah pun berkahwin. Itu mengikut rekod yang ada daripada Kementerian Kesihatan di dalam fail kementerian. Mungkin Yang Berhormat mempunyai maklumat yang lain tentang perkara ini. Mungkin di antara Yang Berhormat dan pihak saya selepas ini kita akan dapat menyelaraskannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pendekatan dan cadangan kementerian untuk menguatkan lagi kerja-kerja kaunseling terhadap mereka yang bermasalah, antara daya usaha kami adalah seperti berikut;

- (i) Pemantauan ke atas perkhidmatan kaunseling yang diberikan oleh kaunselor-kaunselor yang berdaftar melalui Akta Kaunselor 1998. Pada masa ini terdapat seramai 1,827 orang kaunselor yang berdaftar di seluruh negara. Ini termasuklah 48 kaunselor di Jabatan Kebajikan Masyarakat, LPPKN dan Jabatan Pembangunan Wanita;

- (ii) pembangunan profesionalisme dan pemantapan bagi amalan kaunseling dan pekerja sosial. Bagi memastikan mutu perkhidmatan yang terbaik diserapkan kepada komuniti dan masyarakat, pengamal kaunseling dan pekerja sosial perlu mempunyai tahap kecekapan dan kompetensi yang diharapkan. Kementerian sedang menggubal satu rangka undang-undang pekerja sosial yang bertujuan memantapkan standard kompetensi dan pengawalseliaan pekerja sosial di negara ini. Melalui rang undang-undang ini, kecekapan dan keberkesanan amalan oleh pekerja sosial di Malaysia akan menjadi lebih mantap, beretika dan berakauntabiliti;
- (iii) pada 23 April 2010, Kabinet telah meluluskan cadangan kementerian untuk mewujudkan Piawaian Kecekapan dan Pengawalseliaan Kerja Sosial Kebangsaan untuk memastikan bahawa pekerja sosial di negara ini memenuhi piawaian atau standard antarabangsa yang terbaik. Piawaian ini akan menjadi satu penanda aras kecekapan untuk amalan kerja sosial dalam memberikan perkhidmatan kebajikan yang profesional dan berkualiti kepada kumpulan sasaran;
- (iv) pembangunan dan perkembangan strategi dan teknik membantu individu bermasalah secara lebih berkesan. Kementerian melalui Lembaga Kaunselor dan Institut Sosial Malaysia sentiasa memberi latihan dan pendedahan baru kepada kumpulan kaunselor dan pekerja sosial;
- (v) pertambahan bilangan kaunselor dan pekerja sosial profesional. Institut Sosial Malaysia sejak tahun 2002 lagi sehingga kini, telah dan sedang melatih kumpulan pekerja sosial melalui kerjasama pintar bersama Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Utara Malaysia. Usaha melatih ini mendedahkan para pekerja sosial kepada pelbagai pendekatan bersifat pendidikan, bimbingan, penasihat, psikososial dan kaunseling komuniti; dan
- (vi) pertambahan tempat individu mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling daripada kaunselor dan pekerja sosial yang profesional. Pada masa ini, terdapat sebanyak 195 tempat yang disediakan oleh kementerian di seluruh negara untuk membantu individu mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak mempunyai statistik bagi pemuda-pemudi bukan Islam yang telah berkahwin di bawah umur 19 tahun bagi tahun 2009. Walau bagaimanapun, menurut statistik daripada Jabatan Pendaftaran Negara, sehingga tahun 2010, jumlah

perkahwinan bagi pasangan bukan Muslim yang berumur 18 hingga 20 tahun adalah seramai 12,235 pasangan. Terima kasih.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Menteri di atas jawapan yang diberi tadi. Perkahwinan bawah umur merupakan satu kesalahan di negara kita dan ianya menjadi beban kepada keluarga mereka dan masyarakat. Soalan tambahan saya ialah adakah sebarang tindakan akan diambil kepada ibu bapa dan pasangan yang berkahwin bawah umur? Apakah sebab-sebab utama yang mendorong kepada perkahwinan bawah umur? Adakah sebarang usaha diambil untuk mengurangkan dan mengatasi isu tersebut? Sekian.

■1010

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, secara prinsipnya pihak kementerian kita tidak setuju untuk menggalakkan perkahwinan remaja di bawah umur kerana kita mempunyai undang-undang yang menyatakan dengan jelas dan nyata paras umur siapa dia yang boleh berkahwin untuk orang Islam dan bukan Islam. Jika terdapat mana-mana kes di mana sesiapa jua yang melanggar undang-undang, tindakan seharusnya diambil oleh pihak-pihak berkenaan.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar tadi fasal isu kahwin muda. Saya hendak tanya sekarang ini sebab ia berkaitan dengan kahwin juga, hendak tanya mengenai isu kahwin lewat. Jadi saya hendak tahu kerana sekarang ini dah ada zaman moden, ramai di antara muda-mudi yang gemar berkahwin lewat ataupun tidak mahu berkahwin kerana kerjaya, komitmen dan pelbagai alasan lagi. Apakah kemungkinan bercadang mungkin hendak wujudkan macam *cupid club* kah untuk menemukan pasangan-pasangan yang sukar mendapat pasangan ini di majlis-majlis sosial yang dianjurkan.

Atau satu lagi yang saya baru dengar ini. Baru-baru ini, saya hendak pandangan daripada kementerian juga kerana ada juga agen yang dibentuk iaitu satu perniagaan baru yang mengimport masuk wanita daripada luar untuk dijadikan isteri, *especially* wanita daripada Vietnam dan dijadikan isteri lebih-lebih lagi kepada pemuda-pemuda Cina yang dikenakan bayaran lebih kurang RM5,000 bergantung pada paras rupa dan juga kelebihan yang ada pada wanita asing itu. Jadi apa pandangan kementerian kerana saya minta kementerian mengulas isu ini kerana kesan akibatnya kepada isu sosial dan institusi perkahwinan kita. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak maklumkan bahawa di Malaysia semua rakyatnya mempunyai kebebasan untuk membuat keputusan. Bila hendak kahwin, hendak kahwin atau tidak, malah hendak lahirkan berapa anak dan lain-lain, kepada saya, hadiah istimewa kepada rakyat di mana-mana negara ialah apabila pihak kerajaan tidak mengambil alih keputusan untuk individu. Di Malaysia ini, memang betul Yang Berhormat, ada trend di mana terutama wanita yang bekerja, yang mereka berkahwin

dalam umur lebih daripada lingkungan 23 tahun. Malah, kalau mengikut trend pada hari ini, ramai yang tidak mahu kahwin pun. Mungkin kerana apabila mereka memberi perhatian yang teramat sangat kepada kerjaya mereka dan tidak berpeluang untuk bertemu dengan pasangan-pasangan yang secocok. Jadi mungkin itu adalah salah satu sebabnya.

Keduanya, buat masa kini kementerian kita tidak ada rancangan untuk mengadakan, dengan izin, *cupid club*, belum lagi. Mungkin NGO-NGO boleh mengambil kesempatan untuk mengadakan program-program seperti ini dan jika kaedahnya baik, jadi saya tidak nampak kenapa kementerian tidak boleh memainkan peranan sokongan. Kalau Yang Berhormat atau mana-mana Ahli Senator yang ada NGO ataupun program untuk promosi dengan baik, kaedah yang berhemah, saya rasa pihak kementerian tidak ada halangan sebab kita pun khuatir kalau lelaki atau wanita di Malaysia mereka tidak mahu kahwin langsung. Itu pun akan meletakkan negara di paras berbahaya.

Akhir sekali, tentang fenomena jejak Malaysia yang berumur dan yang muda, yang kepingin sangat hendak kahwin, terutama dari segi secara terancang dengan wanita-wanita daripada Vietnam misal kata, mahupun wanita yang hendak kahwin dengan lelaki daripada Lombok misal kata, saya hendak minta fikir banyak kalilah sebab kalau kita tengok fenomena ini, akhirnya, akhir perhubungan itu tidak seindah yang diharapkan. Saya tidak tahu kenapa lelaki Cina suka sangat dengan wanita daripada Vietnam tetapi saya percaya bahawa itu hanyalah segelintir sahaja. Ramai daripada jejak Cina yang kita kenal terutama Ahli Yang Berhormat yang ada di sini, daripada rekod yang kita dapat semuanya minat wanita sama ada Cina atau bukan Cina tetapi wanita Malaysia. Saya harap bahawa fenomena ini akan dikekalkan. Terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, fasal apa ini mungkin soalan yang terakhir. Apa pandangan kementerian Yang Berhormat tentang baru-baru ini Dewan Undangan Negeri Melaka telah meluluskan untuk kanak-kanak dalam lingkungan 13 tahun ke atas berkahwin dan telah pun diluluskan oleh pihak Dewan Undangan dan perbelanjaan perkahwinan akan ditanggung oleh Ketua Menteri sendiri.

Selepas itu, selepas dah kahwin akan tinggal bersama dan pergi sekolah, kecuali kalau dia mengandung lepas dia bersalin. Kemungkinan besar ada satu sekolah khas akan ditubuhkan untuk anak-anak ini pergi bersekolah di sekolah khas ini selepas melahirkan anak-anak mereka. Apa pandangan kementerian tentang perkara ini oleh kerana ini adalah satu kejutan kepada saya bila saya dengar cerita ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kata dengan jelas dan nyata bahawa secara prinsipnya kami, Kerajaan Persekutuan melalui kementerian, kita tidak setuju dengan apa-apa jua usaha untuk menggalakkan kanak-kanak berkahwin kerana kita ada undang-undang mengikut amalan syariah kita. Untuk semua lelaki Islam 18 tahun ke atas dan untuk wanita, remaja wanita 16 tahun ke atas. Kalau hendak kahwin lebih awal, bukan tidak

boleh tetapi mesti mendapat kebenaran daripada Mahkamah Syariah. Mengikut rekod, Mahkamah Syariah mesti aplikasikan kaedah-kaedah yang bukan longgar kerana mereka mesti membuat beberapa pemeriksaan dahulu sebelum memberi kebenaran. Maknanya, secara prinsip di Malaysia kita tidak galakkan perkahwinan remaja bawah umur daripada apa yang diperuntukkan dalam undang-undang sama ada syariah ataupun *civil law*, itu pertama.

Kedua, bila saya baca tentang usaha Kerajaan Negeri Melaka. Pertama, saya faham Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka adalah seorang pemimpin yang mengambil berat tentang isu masyarakat. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka semua orang tahu beliau turun ke padang mengambil berat dan sudah semestinyalah beliau bimbang dengan fenomena yang nampak gaya meningkat tetapi ia bukan menjadi budaya Malaysia. Saya hendak kata satulah, walaupun kita cakap tentang isu kanak-kanak kahwin semua, ini bukan budaya Malaysia tetapi kalau ada satu kes pun bila ia meletup, nampak-nampak bahawa macam seolah-olah semua orang Malaysia umur 12 dan 13 tahun dah nak kahwin, tidak.

Kalau hendak ikut trend, orang Malaysia kahwin lambat. Jadi saya faham *nawaitu* Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tetapi secara prinsip di kementerian kita tidak setuju. Apatah lagi kalau kita hendak kumpulkan remaja wanita yang mengandung dalam satu sekolah. Itu bukan caranya sebenarnya, kalau betul-betul hendak tolong, ia kena ada *holistic approach*, undang-undang satu, program kita kena buat, ibu bapa kena menjalankan tugas dan tanggungjawab. Kalau kita hendak letakkan semua kanak-kanak ini yang mengandung dalam satu sekolah, pertama mungkin *signal* yang kita hantar itu kurang positif.

Kedua, mereka yang menjadi alumni daripada sekolah ini, stigmanya akan ditanggung seumur hidup. Kalau orang tanya, 'you dari sekolah mana?' Sekolah alumni daripada kanak-kanak mengandung luar nikah, itu bukan caranya. Di bawah kementerian, kita ada cukup institusi yang hendak menyerap mereka yang kita namakan Rumah Selamat. Kalau ada kes-kes seperti ini, beritahu sahaja kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita ada kaunselor, kita ada semua mengikut undang-undang, semuanya cukup. Jadi saya tidak setuju. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri mungkin ada kuasa mereka. Saya hendak minta supaya Kerajaan Negeri Melaka berhati-hati, berfikir dengan panjang sebelum memulakan satu trend seperti ini. Terima kasih.

2. **Dato' Azian bin Osman** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah peruntukan yang ditetapkan kerajaan bagi tahun 2010 dan sepanjang RMKe-10 mengikut tahun dan negeri untuk pembangunan bekalan air luar bandar dan perumahan rakyat termiskin.

■1020

Timbalan Yang di-Pertua: Sekali lagi Dewan Negara yang mulia ini mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri kerana datang sendiri menjawab.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peruntukan sejumlah RM4.68 bilion telah diluluskan bagi membiayai pelaksanaan projek pembangunan luar bandar oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sepanjang tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, peruntukan tahun 2010 bagi Program Bekalan Air Luar Bandar adalah sebanyak RM530.25 juta, manakala peruntukan bagi Program Bantuan Rumah (PBR) pula berjumlah RM431.62 juta.

Mengikut pencapaian Program Bekalan Air Luar Bandar hingga Julai 2010, sejumlah 10,524 buah rumah telah mendapat bekalan air bersih di seluruh negara. Ini di mana sehingga kini sejumlah 3,639 buah rumah telah mendapat bekalan air bersih di Semenanjung Malaysia, 5,789 buah rumah di Sabah, dan 1,096 buah rumah di negeri Sarawak. Manakala bagi pencapaian Program Bantuan Rumah sehingga Julai 2010, sejumlah 2,496 buah rumah telah pun siap dibina di seluruh negara di mana sebanyak 950 buah rumah telah siap dibina di Semenanjung Malaysia, 109 buah rumah di Sabah, dan 1,437 di negeri Sarawak. Sementara itu peruntukan bagi kedua-dua Program Bekalan Air Luar Bandar dan Program Bantuan Rumah untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah masih di peringkat penyelarasan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali, terima kasih kerana saya orang luar bandar dan Yang Berhormat Menteri menjaga kepentingan kami. Cuma saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, peruntukan satu bab. Yang satu lagi ialah dasar dan pelaksanaan.

Saya lihat dalam konteks GTP atau PTK - mohon Yang Berhormat Menteri melihat semula dasar-dasar yang ada dari segi membekalkan infrastruktur ke luar bandar, yang mana sekarang ini terlalu berpusat atau *decentralized*. Maksud saya, walaupun sebatang tiang elektrik di bawah projek luar bandar untuk kampung, walaupun secara jenaka - sejengkal jalan pun hendak dibaiki, sejengkal air paip pun hendak dibekalkan, semua keputusan mesti dibuat oleh Putrajaya. Begitu juga dengan BALB dan *infra* yang lain untuk kampung tersusun., hanya setelah 30% rumah dibina di kampung tersusun, barulah kementerian ambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan.

Datuk Akbar bin Ali: Jadi soalan saya, boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri dalam konteks GTP ini merombak semula dasar-dasar tersebut supaya *delivery system* tadi, berkaitan

dengan kementerian Yang Berhormat Menteri dapat dipercepatkan demi untuk kebaikan rakyat?
Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Akbar. Sebenarnya usaha kementerian untuk melaksanakan program bantuan pelbagai termasuk bekalan elektrik, bekalan air dan pembinaan jalan di peringkat luar bandar telah kita tambah baik, kalau melihat daripada apa yang kita telah lakukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Contoh macam penentuan tentang rumah PPRT, kita telah mewujudkan *focus group* di peringkat daerah yang melibatkan pimpinan. Bukan hanya oleh Ahli Parlimen, ADUN-ADUN di situ tetapi pimpinan di peringkat bahagian-bahagian ini untuk menetapkan tentang jumlah dan juga siapa yang patut menerima.

Selain daripada asas yang kita guna pakai - *e-Kasih* di bawah Jabatan Perdana Menteri dan maknanya dari segi penentuan pelaksanaan ini telah kita lakukan. Malahan di sesetengah tempat di sesetengah negeri, kita agihkan sebahagian daripada peruntukan ini ke peringkat negeri menerusi sama ada pejabat daerah, residen - kalau di Sarawak dan di Sabah kita gunakan SDO di situ. Sebenarnya di antara kementerian bila saya mengambil tampuk pimpinan ini, yang saya dapati mengurus tadbir begitu besar jumlah peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan NKRA yang ada RM18 bilion. Itu tidak termasuk Rancangan Malaysia Kesepuluh lagi. Cuma dalam langkah tiga tahun ini, RM18 bilion.

Satu-satu kementerian yang tidak mempunyai rangkaian pejabat, unit yang ada di peringkat negeri-negeri untuk membolehkan kita melaksanakan seperti apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat tadi. Maka dengan itu kita telah mewujudkan unit khusus di peringkat negeri-negeri untuk membolehkan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat ini dapat kita memperkasakan, membolehkan supaya penetapan kuasa delegasinya dapat kita serahkan ke peringkat akar umbi. Itu penambahbaikan daripada yang sedang kita lakukan.

Sebenarnya adalah tidak benar 100% yang kita katakan semua keputusan dibuat di Putrajaya, tidak. Seperti yang saya sebutkan penentuan pelaksanaan. Contoh macam dasar tiang elektrik yang kita bina - dasarnya kita putuskan, setiap kampung 10 tiang yang kita gunakan. Itu pun saya tahu, contohnya macam di negeri Johor baru-baru ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor menyatakan tidak cukup 10 dan itu perlu ada perubahan dasar dan saya akan kemukakan kepada Kabinet, tetapi maklumlah kadang-kadang peruntukannya besar. Setakat ini untuk kita hendak menampung perbelanjaan bekalan elektrik bukan hanya pasang tiang elektriknya, tetapi bekalan bayar bil telah mencecah RM28 juta. Satu jumlah yang besar di seluruh negara setiap bulan ditampung oleh pihak kementerian kita. Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, mengikut daripada jumlah yang begitu banyak yang telah dikatakan tadi, banyak *tender* mungkin telah dikeluarkan. Akan tetapi contohnya di Terengganu, masih lagi tidak ada kerja-kerja bekalan air ini dijalankan buat tahun ini. Selalunya perbelanjaan ini dibelanjakan

pada akhir tahun. Jadi banyak manakah duit yang telah disalurkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, khususnya di negeri Terengganu yang betul-betul mendapat bantuan bekalan air kepada rumah-rumah miskin ini? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat Datuk Roslan, di negeri Terengganu kita telah menyediakan peruntukan dalam jangka tahun 2010 ini. Untuk negeri Terengganu, bekalan air luar bandar sejumlah RM15 juta, dan untuk bantuan rumah RM25 juta. Maknanya hampir RM50 juta untuk negeri Terengganu sahaja. Untuk bantuan bekalan air ini, saya akui bahawa proses sudah siap untuk kita kendalikan iaitu menerusi *open tender* di mana pemberian kepada kontraktor ini agak lewat sedikit dan ini saya akui ada kelambatan. Saya ada minta Kementerian Kewangan supaya mempercepatkan proses pengendalian ini supaya tidak terbantut usaha kita untuk membantu menyediakan bekalan air ke peringkat luar bandar, khususnya di Terengganu ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, usaha berterusan daripada kerajaan untuk memastikan bekalan air bersih sampai kepada setiap rakyat, lebih kurang 40% daripada rakyat di negara kita ini mudah terjejas dengan keadaan dan pasaran ekonomi negara.

Soalannya ialah, setakat ini bekalan air telah pun sampai di kampung-kampung, khususnya di Indonesia Barat dan juga di Malaysia Timur, tetapi yang masih lagi wujud ialah bekalan air kepada setiap rumah yang miskin. Jadi apakah pendekatan dan juga sasaran kerajaan bagi memastikan setiap individu miskin akan mendapat bekalan air bersih. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, ialah setiap saluran air bersih telah pun masuk kepada setiap kampung, tetapi setiap individu masih lagi belum mendapat bekalan air bersih. Apakah pendapatan kerajaan?

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Rusli dan saya ucap terima kasih atas soalan yang telah dibangkitkan. Sebenarnya apabila kita melihat taburan penduduk miskin ini di merata tempat di seluruh negara tidak begitu tersusun rapi. Contoh macam kalau saya sebut di Sarawak, termasuk di Kelantan yang mana Yang Berhormat datang, ia berada di tempat-tempat yang begitu jauh terpencil.

■1030

Pangkalan untuk kita bekalkan air kalau kita lakukan dengan izin, *reticulation*, penyambungan air daripada pusat pangkalannya akan mengambil perbelanjaan yang begitu besar kerana jarak jauhnya, begitu jauh sekali. Contohnya kalau di Sarawak dari kawasan Lombangak yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini datang, hendak jalan naik darat pun sudah hampir sepuluh jam. Kalau kita hendak sambung paip itu, ia akan mengambil perbelanjaan yang saya jangka berbilion ringgit. Dengan itu kita gunakan kaedah untuk mendapat diversiti tetapi kita gunakan pelbagai kaedah yang lain, *alternative source* seperti

tube well dan teknologi yang baru untuk memastikan supaya masyarakat yang miskin ini tidak akan ketinggalan untuk menikmati bekalan air.

Itu antara kaedah-kaedah yang kita guna pakai cuma saya akui kadang-kadang contoh seperti di Kelantan apabila mana kita membantu masyarakat orang miskin, Orang Asli khususnya dan kita bekalkan dan kita beri peruntukan begitu besar untuk menyediakan bekalan air. Akan tetapi kerajaan negeri beri kontrak kepada pembalok-pembalok sehingga pecah bekalan air itu dan menjejaskan penduduk yang miskin untuk mendapatkan bekalan. Perlu ada rancangan yang rapi bila mana saya minta kepada kerajaan-kerajaan negeri khususnya dalam usaha untuk membangunkan negeri mereka yang kita tidak halang tetapi yang penting supaya pembekalan asas, jalan, air, bekalan elektrik dan rumah ini tidak akan terjejas. Perlu ada kerjasama yang begitu rapi untuk memastikan yang penting ialah rakyat yang penting orang miskin mendapat bekalan.

Insyaa-Allah, pada peringkat kementerian kita terbuka dengan menggunakan pelbagai kaedah, teknologi-teknologi yang baru untuk memastikan supaya walau bagaimana jarak jauh mereka berada, kita akan pastikan mereka akan mendapat bekalan. Kalau pun tidak *treated water* sekurang-kurangnya air yang boleh diminum oleh masyarakat luar bandar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Tuan Khoo Soo Seang.

3. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah syarat pemberian Sijil Kemahiran Malaysia melalui pelaksanaan pengiktirafan pencapaian terdahulu atau '*Recognition of Prior Learning*' bagaimanakah seseorang pekerja memohon pengiktirafan tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menjana tenaga kerja mahir di negara ini, beberapa pendekatan digunakan oleh Kementerian Sumber Manusia. Antaranya ialah:

- (i) Menjalani latihan sepenuh masa di pusat-pusat latihan;
- (ii) mengikuti sistem latihan dual nasional iaitu 30% di dalam institusi latihan dan 70% di tempat kerja;
- (iii) melalui kaedah perantisan yang ditaja oleh majikan;
- (iv) kaedah ujian untuk bidang-bidang kemahiran tertentu; dan
- (v) pengiktirafan pencapaian terdahulu iaitu untuk mereka yang sudah mengamalkan satu-satu kemahiran tetapi tidak ada sijil kemahiran.

Syarat-syarat penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia melalui kaedah pentauliahkan pencapaian terdahulu adalah berdasarkan kepada penilaian kompetensi yang dimiliki oleh seseorang pekerja sebagai mana yang digariskan dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan. Kompetensi ini diperoleh melalui kombinasi antara pengalaman kerja, latihan sama

ada secara formal atau tidak dan juga pengalaman hidup seperti hobi dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti sukarela.

Seseorang pekerja yang ingin mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia secara pentauliahkan pencapaian terdahulu boleh memohon secara terus kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia menggunakan borang permohonan SKMPPT yang boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Jabatan Pembangunan Kemahiran pada www.dsd.gov.my. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah berapakah fi yang dikenakan untuk mendapatkan sijil secara pentauliahkan pencapaian terdahulu? Adakah kerajaan menghulurkan segala bantuan kepada mereka yang tidak mampu serta bilangan dan peratus yang berjaya mendapatkan sijil melalui cara sebegitu? Sekian, terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada soalan tambahan Yang Berhormat Senator. Pertama mengenai dengan bayaran. Untuk makluman bersama, apabila memohon perlulah membayar yuran sebanyak RM300 untuk satu-satu tahap atau satu-satu sijil kemahiran. Contohnya calon-calon perlu mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang dipohon iaitu untuk mendapat Sijil Kemahiran Malaysia 1, ia perlu sudah ada pengalaman bekerja sekurang-kurangnya enam bulan; memohon Sijil Kemahiran Malaysia 2 ataupun Tahap 2 yang selalu disebut, perlu ada pengalaman satu tahun bekerja; untuk Tahap 3 atau Sijil Kemahiran Malaysia 3 perlu ada pengalaman dua tahun; dan untuk Diploma Kemahiran Malaysia iaitu Tahap 4 perlu ada sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman dan sekurang-kurangnya lima tahun untuk mendapat Tahap 5 atau SKM 5 iaitu Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia.

Untuk tiap-tiap satu tahap yang dipohon, perlu membayar yuran sebanyak RM300. Sama ada kerajaan membantu atau tidak, di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kita ada memohon peruntukan untuk membantu kerana untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat juga bilangan yang mana memohon tetapi tidak cukup syarat dan kelayakan dan ada sedikit kekurangan dalam kemahiran yang mereka ini kita harap dapat dibantu di dalam latihan-latihan supaya apabila cukup kemahirannya, dia boleh diberikan sijil berkenaan.

Berkenaan dengan bilangan yang telah dilatih, program ini telah bermula pada tahun 1996, Tuan Yang di-Pertua. Sehingga ini, seramai 56,146 orang telah menerima pentauliahkan pencapaian terdahulu dan seramai 373 orang tidak cukup syarat perlu melalui program-program latihan dan apabila mereka cukup kemahiran, mereka boleh ditauliahkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada jumlah pelajar-pelajar ataupun pelatih-pelatih yang menerima sijil SKM1, berapakah peratusan yang telah mendapat sijil SKM2 yang dipantau oleh pihak kementerian? Berapakah pula jumlah pelatih wanita yang telah mendapat sijil SKM tersebut?

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kalau kita lihat sehingga kini daripada 55,979 orang yang telah ditauliahkan, kita dapati seramai 23,102 orang telah menerima SKM1; 22,174 orang SKM2; 8,901 orang SKM3; 1,759 orang Diploma Kemahiran Malaysia ataupun dipanggil Tahap 4; 43 orang mendapat Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia. Bilangan wanita Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyemak angkanya, saya rasa terdapat juga bilangan wanita yang telah menerima sebahagiannya tetapi kalau boleh saya beri secara bertulis, Yang Berhormat. Saya mengambil masa untuk saya membeleknya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. silakan Dr. Malasingam a/l Muthukumar.

4. Dr. Malasingam a/l Muthukumar minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan mekanisme yang disediakan bagi menangani trend dan paradigma kehidupan terutama keruntuhan moral di bandar mahupun luar bandar akibat ledakan jalur lebar apabila RMKe-10 bakal menyaksikan sektor ICT berkembang dengan pesat di seluruh pelosok negara.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, dalam era dunia tanpa sempadan ini, alam siber menawarkan pelbagai jenis aktiviti dan aplikasi yang boleh diakses oleh rakyat melalui pelbagai saluran termasuklah melalui kemudahan jalur lebar.

■1040

Kesemua jenis kandungan berangkai termasuk kandungan laman web di internet adalah tertakluk kepada undang-undang negara seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Keselamatan Dalam Negeri, termasuk juga Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau singkatannya AKM. AKM mengandungi beberapa peruntukan mengenai kandungan terlarang termasuk seksyen 211 dan seksyen 233 yang melarang pemberian kandungan yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, menyakitkan hati, menganiayai, menggugat atau mengganggu orang lain.

Sukacita saya memaklumkan bahawa menerusi maklumat tambahan kementerian ini, jenis-jenis aduan di bawah perenggan lucah misalnya berjumlah 207. Mengancam atau yang bersifat jelik, 196. Tentang sumber-sumber palsu dan sumbang, 2. Jumlahnya ialah 405 kesemuanya. Ini adalah contoh yang menunjukkan bahawa aduan-aduan yang diperbuat oleh masyarakat diambil tindakan segera oleh SKMM atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Tindakan-tindakan itu adalah susulan daripada aduan-aduan yang dibuat dan data-data yang telah diumumkan sebelum ini menunjukkan tindakan tegas. Sukacita saya menyatakan bahawa bukan jalur lebar yang perlu dipersalahkan atau dianggap sebagai penyalur maksiat dan berita-berita yang tidak menyenangkan tetapi ialah kandungan sesuatu jaringan. Justeru pihak berkuasa akan menjurus lebih kepada kandungan tersebut dan jalur lebar bukannya entiti yang harus dipersalahkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Malasingam.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Utama, Menteri yang memberi jawapannya yang tepat dan jelas. Soalan tambahan, apakah kementerian akan meneliti garis panduan dalam memberi lesen kepada pengusaha internet kafe yang rata-ratanya dikunjungi oleh pelajar-pelajar sekolah atau remaja bawah umur, memandangkan pengusaha siber kafe hanya mementingkan keuntungan. Apakah langkah yang diambil bagi memastikan pengusaha-pengusaha ini turut menghayati tanggungjawab sosial mereka terhadap pengunjung kafe. Terima kasih.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih diucapkan. Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab perihal berkaitan kafe internet, ini sesungguhnya berada di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. Bukan ianya berada di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Namun, apabila kandungan sesuatu komputer menyalahi undang-undang negara dan jika aduan diperbuat barulah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia mengambil tindakan atau pihak-pihak penguat kuasa undang-undang lain berbuat sedemikian.

Pandangan ini harus kita jurus kepada perihal tersebut oleh kerana bidang yang diadakan bagi disusul oleh kementerian ini adalah di bawah jawapan yang diberi sebentar tadi. Bagi menghadapi masalah anak-anak yang menjurus kepada kafe-kafe internet ini. Tanggungjawab itu seharusnya bukan sahaja dikenakan oleh pihak berkuasa kerajaan tempatan tetapi juga oleh sekolah-sekolah dan Kementerian Pelajaran yang seharusnya menentukan etiket dan cara kelakuan anak-anak kita selepas mengadakan pelajaran dan pembelajarannya di sekolah-sekolah.

Untuk makluman, lesen yang dikeluarkan oleh PBT menggariskan syarat-syarat yang harus dipatuhi. Justeru penguatkuasaan harus ditingkatkan dan ini akan diberi kerjasama oleh kementerian saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Dunia sekarang tanpa sempadan, dengan adanya Internet dan segala-galanya boleh dilakukan di alam maya. Teringat saya kata-kata Hitler, "*idea bukan perlu disekat tetapi perlu diperdebatkan.*"

Permasalahan yang kita ada sebagai contoh blogger, yang sebahagiannya membuat tulisan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ya, tidak payah contoh.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Jadi maksudnya bagaimanakah SKMM ini dan kementerian hendak mengatasi fitnah-fitnah dan sebaran maklumat yang tidak betul, yang terkena kepada semua pihak bukan satu pihak. Terima kasih.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan khususnya terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Haji Muhamad Yusof. Keprihatinan Yang Berhormat ini sesungguhnya saya beri penghargaan yang tinggi. Justeru jawapan yang bakal saya huraikan secara ringkas ini juga diharap menepati apa yang berada dalam tanggapan dan hajat murni Yang Berhormat itu.

Ada dua perkara yang penting kita lihat dari sudut supaya tidak wujud angkara yang memusnahkan fabrik kemasyarakatan. Kedua ialah untuk menentukan supaya undang-undang negara dihormati. Jadi sebelum kita pergi jauh ataupun menentukan sikap sebenar dari sudut penguatkuasaan, usaha-usaha preventif inilah yang perlu kita tekankan, bukan hanya oleh kementerian ini tetapi oleh semua yang bernama ibu bapa, semua yang bergelar guru dan kita sebagai pemimpin.

Tugas ini harus kita laksanakan dalam bentuk yang luas. Jadi ia merupakan satu elemen pembudayaan tanah air kita. Dengan hal yang demikian semua stesen radio, televisyen dan juga badan-badan bukan kerajaan telah dipohon oleh kementerian supaya memainkan peranan positif agar nilai hidup di Malaysia ini dapat kita tentukan menurut harakat yang diterima oleh sosiobudaya dan agama kita.

Kedua ialah secara tegas kita mesti melaksanakan penguatkuasaan undang-undang. Sebahagian daripada undang-undang tadi sempat saya sebut, sebahagiannya tidak dan sebahagian daripada yang harus kita tekankan ialah di bawah seksyen 211, 233, 234 Akta Komunikasi dan Multimedia. Akan tetapi hal-hal yang berhubung dengan berita palsu ataupun mentohmah pihak-pihak lain, maka undang-undang negara yang biasa perlu dikuatkuasakan.

Data-data yang ada pada kami misalnya 405 yang disebutkan tadi seluruhnya adalah menjurus kepada tindakan. Sukacita, Tuan Yang di-Pertua bagi saya memaklumkan iaitu tenaga penguatkuasaan SKMM sedang ditokok dan ditambah oleh kerajaan kita supaya kerja-kerja penguatkuasaan berjalan dengan berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Nor Hayati.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawatan yang diberikan oleh Kementerian Penerangan tadi, Yang Berhormat Menteri sendiri yang menjawabnya. Saya hendak mewakili orang kampung, saya duduk daripada kawasan kampung dan orang kampung saya semuanya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan. Tidak payah cerita kampung...

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Bagaimanakah cara... Ya, saya hendak tanya ini. Saya hendak tanya, orang kampung suruh tanya apakah syarat-syarat terperinci untuk mereka mendapatkan *laptop*? Ini cerita jauh-jauh ini tetapi *laptop* pun tidak ada. Caranya ataupun syarat-syarat terperinci untuk mereka mendapatkan *laptop* dan satu lagi untuk orang bandar juga. Ada yang bertanya bahawa bagaimana jalur lebar ini, yang dikatakan telah melebar tetapi ada kawasan-kawasan yang dikategorikan kawasan jalur lebar tetapi tidak sampai servis itu di kawasan, umpamanya di Subang Jaya.

Sudah di kategori tetapi servis itu tidak dapat dinikmati oleh orang Subang Jaya dan sekali lagi kawan saya minta tolong tanyakan tadi, ada servis kepada Astro. Astro kalau kita hendak bertanya sekali pun...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Satu RM800 tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua: Beri peluang Menteri menjawab. Cukup, cukup.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Satu RM800 tetapi kita kena bayar servis itu dengan harga RM10. Itu pun orang persoalkan juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Lain kali tidak akan diberi peluang lagi. *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Dalam cara beliau menyoal ini tentu sekali saya menyorot kepada peribahasa lama iaitu "*petaknya lain, ruangnya pun lain.*"

■1050

Perkaranya pun tidak menyorot kepada hal-hal yang berada di hadapan saya pada pagi ini. Namun sukacita saya memberi reaksi secara am, iaitu huraian kepada jalur lebar ini setiap hari diperbuat di televisyen dan juga di radio. Maka Yang Berhormat bolehlah menyusul program-program itu dan manakala sampai ke kawasan yang disebutkan tadi, kami akan menyusun agihan-agihan *note book* ataupun komputer riba ini kepada pihak-pihak yang berwajib mengedarkannya.

Secara ringkas boleh saya nyatakan iaitu sejuta komputer riba ini akan diagihkan ke seluruh kawasan tanah air, tetapi adalah dikhususkan bagi anak-anak sekolah menengah dan universiti selain dari badan-badan bukan kerajaan yang diperakukan oleh kerajaan kita. Proses ini sedang berjalan dan beberapa infrastruktur sedang disusul dan didirikan termasuk di Sabah dan Sarawak. Satu penjelasan yang kita akan umumkan dalam tempoh terdekat ialah bagaimana penembusan jalur lebar ini akan sampai ke kampung-kampung menerusi program kampung WiFi atau kampung tanpa wayar.

Dengan yang demikian Yang Berhormat Senator tunggu sebentar manakala nasi masak dan apabila masak nasi ini segera kita akan hidangan *insya-Allah*. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sekali lagi Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kerana datang sendiri untuk menjawab. *[Tepuk]*

5. **Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kajian menyeluruh yang dijalankan bagi mengenal pasti jenis sukan yang boleh membawa persaingan Malaysia di persada dunia, serta penumpuan yang diberikan, agar kadar peruntukan yang diberikan lebih nilai tanding.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui hasil kajian yang dijalankan mulai tahun 2002, Kementerian Belia dan Sukan sudah mengenal pasti sebanyak 26 jenis sukan berprestasi tinggi daripada 42 jenis sukan bagi dimasukkan ke dalam Program Latihan Atlet Elit Majlis Sukan Negara. Berdasarkan kepada strategi dan justifikasi di mana sukan-sukan tersebut diyakini mempunyai peluang untuk memenangi pingat di temasya Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

Manakala melalui Konvensyen Sukan Negara 2008, keputusan juga telah dicapai untuk menyenaraikan beberapa jenis sukan daripada semua sukan tersebut untuk dibangunkan sebagai sukan tumpuan bagi penyumbang pingat di temasya sukan yang akan datang seperti berikut:

- (i) lapan jenis sukan untuk Sukan Olimpik di Rio de Janeiro, 2016;
- (ii) 16 jenis sukan di Sukan Komanwel di Glasgow, 2014;
- (iii) 35 jenis sukan di Sukan Asia di Incheon 2014.

Bagi faedah bersama, suka saya nyatakan bahawa antara jenis sukan negara yang mendapat kedudukan terbaik dunia sehingga kini termasuklah sukan skuasy, badminton, *lawn bowls*, berbasikal, memanah, pin boling, akuatik terjun, wusyu, pelayaran dan angkat berat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan kategori sukan tadi. Jadi yang ingin kita tanyakan ialah supaya kita dapat lihat perbandingan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan dan juga penajaan oleh swasta supaya benar-benar tumpuan yang diberikan itu dianggap sebagai *value for money*, dengan izin. Jadi kita imbas kembali beberapa sukan tadi yang kita pentingkan supaya ia mampu untuk mencapai prestasi baik kerana kalau kita bergantung kepada sepak takraw – semalam kita kalah kepada Korea Selatan 2-1. Kita bergantung kepada Silat Olahraga, kita pernah kalah dengan pesilat Eropah sebelum ini. Dua sukan yang kita sendiri buatkan peraturan.

Jadi ingin saya tanyakan ialah tentang bagaimana tumpuan dari segi peruntukan dan juga sokongan yang sebenar kita berikan kepada sukan-sukan ini? Ini kerana khususnya saya melihat beberapa sukan terakhir ini yang memberikan nama kita melonjak seperti mana Nor Farah Atiqah yang mendapat keenam dalam World Championship Junior Shooting, di Munich

dan juga pemanah-pemanah negara yang mendapat tempat untuk menyertai di sukan pemanah dunia di Auckland, USA.

Apakah peruntukan kerajaan dan juga sokongan kerajaan supaya penajaan ini diberikan tumpuan kepada sukan-sukan elit yang dikenal pasti tadi? Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM112 juta bagi tahun 2010, di mana RM125 juta untuk belanja mengurus manakala RM18 juta untuk belanja pembangunan, RM63 juta untuk belanja program dan RM4 juta untuk Road to London 2012. Antara penerima bantuan kewangan yang terbesar adalah sukan badminton. Kalau kita tengok daripada tahun 2006 hingga 2009, sebanyak RM29 juta, hoki di tempat kedua dengan RM20 juta, dan pin boling RM23 juta, olahraga RM19 juta dan skuasy RM17 juta.

Ini untuk tempoh 2006 hingga 2009 dan saya ada banyak lagi. Cuma saya hendak nyatakan pembangunan sukan di negara kita banyak bergantung kepada dana kerajaan. Mungkin kalau saya sebut RM211 juta ada yang beranggapan bahawa jumlah tersebut elok digunakan untuk kita bangunkan kawasan luar bandar membuat perumahan dan sebagainya. Akan tetapi untuk pengetahuan Ahli Dewan, untuk pasukan bola sepak Korea Selatan, mereka mempunyai dana sebanyak RM340 juta setahun hanya untuk bola sepak. Daripada jumlah tersebut, dana itu datang hanya tiga peratus daripada kerajaan iaitu lebih kurang RM10 juta.

Maknanya baki RM330 juta, pasukan Korea Selatan memperolehnya daripada syarikat swasta. Jadi saya rasa untuk negara kita, sehingga hari ini kebanyakan persatuan sukan sebanyak 44 buah persatuan yang ada hanya menerima bantuan kewangan daripada kerajaan. Saya percaya rakyat Malaysia termasuk Ahli Yang Berhormat ingin melihatkan satu pencapaian yang sangat tinggi dalam bidang sukan dan eloklah kita sama-sama memikirkan kerana Program Pembangunan Sukan tidak boleh dijalankan dalam masa setahun. Sebab itu saya nyatakan dalam Konvensyen tahun 2008, kita telah mengenal pasti sukan-sukan yang boleh berjaya bukan dalam Sukan Olimpik di London 2012 tetapi di Rio de Janeiro, Brazil 2016 kerana pembangunan sukan untuk satu jenis acara memakan masa yang panjang.

Sebab itu saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat, kalah dengan Korea Selatan dalam acara sepak takraw sukan tradisi rakyat negara kita adalah sangat mengecewakan. Akan tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pasukan takraw yang kita hantar untuk Kings Cup adalah pasukan yang kita bentuk selepas kekecewaan di Sukan SEA, di mana kita memanggil kembali seluruh pemain baru dan lama untuk kita membuat pemilihan. Untuk kejohanan tersebut, regu yang kita hantar adalah regu yang kita pecah-pecahkan atas dua sebab iaitu yang pertama untuk memastikan kita dapat memilih pemain yang lebih baik. Kedua disebabkan persiapan Sukan Asia di Guangzhou, China bagi kita memastikan pasukan lawan tidak dapat menghidu strategi kalau kita hanya mengekalkan pemain-pemain yang sama dalam setiap kejohanan.

Namun begitu itu bukan alasan untuk kita tewas kepada pasukan Korea yang banyak belajar sepak takraw daripada negara kita. Saya mengambil baik pandangan Yang Berhormat, cuma tentang belanjawan, itulah sahaja jumlah yang diperuntukkan dan dengan jumlah tersebut, banyak kebanggaan yang dapat kita cungkil terutamanya Datuk Nicol Ann David yang telah selama 49 bulan memenangi hampir kesemua kejohanan antarabangsa kecuali satu iaitu terbuka Kuala Lumpur tahun lepas. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian bagi meningkatkan tahap sukan di negara kita. Akan tetapi menjadi trend sekarang ini, banyak negara telah memberi kerakyatan kepada atlet-atlet dan ahli-ahli sukan yang ternama supaya mewakili negara tersebut. Contohnya di dalam pesta ataupun World Cup 2010 baru-baru ini di mana kebanyakan negara yang berjaya walaupun di tahap dengan izin, *quarter final* sendiri pun mempunyai pemain-pemain yang mempunyai dua kerakyatan. Di Australia sendiri sebagai sebuah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat soalan ya.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Sampai di situ Tuan Yang di-Pertua telah mengubah akta kerakyatan negara itu dengan memberikan kerakyatan kepada ahli sukan dengan secara *fast track*.

■1100

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kita bersedia menimbang semula untuk menerima ahli-ahli sukan yang ternama yang boleh memberi kita *gold medal* di Olimpik secara *instant*, yang pertama dan yang kedua, dengan kos yang jauh lebih murah kalau kita nak membelanjakan seorang ataupun membina ataupun kita mengasuh seorang ahli sukan itu sehingga ke tahap antarabangsa? Terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Najeeb. Saya rasakan negara kita juga mempunyai atlet-atlet dari luar sebelum ini seperti Yu Fang dalam acara berjalan kaki dan Hidayat Hamidun dalam acara angkat berat. Saya lebih percaya bahawa mengambil atlet berbanding dengan mengambil jurulatih dari luar, kita lebih banyak dapat melatih atlet-atlet kita. Sebagai contoh, jurulatih dari Korea Selatan dalam acara memanah telah menempatkan atlet kita sebagai salah seorang atlet memanah terbaik di dunia yang mana beliau sendiri pernah mengalahkan atlet dari Korea Selatan di Sukan Olimpik di Beijing baru-baru ini. Ini kerana kita lihat tidak semua atlet dari luar mampu untuk menaikkan nama negara kerana dalam sukan, *fair in games* – begitu juga dengan WADA di mana pengambilan dadah terlarang semasa bersukan menjadi satu perkara yang dipertimbangkan oleh badan-badan sukan dunia supaya persaingan itu lebih kepada manusia bukan dengan bantuan luaran.

Begitu juga dengan pertimbangan mengenai atlet dari luar yang hari ini menjadi trend. Walaupun tidak ada sekatan daripada badan antarabangsa mengenai pemberian kerakyatan kepada atlet seperti ini, namun saya percaya, untuk kita menjadi sebuah negara yang boleh

dibanggakan dalam bidang sukan, adalah lebih baik untuk kita lahirkan atlet di dalam negara sendiri. Walaupun pertimbangan itu masih tidak kita tutup, namun saya percaya *transfer* ataupun peralihan kemajuan teknik sukan melalui jurulatih dan pegawai akan turut membantu kepada pencapaian atlet kita dalam sukan-sukan temasya di dunia. Terima kasih Yang Berhormat.

6. Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah bilangan keseluruhan pemegang kad kredit, pemegang baru kad kredit, pemegang kad kredit bermasalah dan berapa orang telah diisytiharkan bankrap disebabkan oleh masalah kad kredit untuk 5 tahun terakhir iaitu pada 2005, 2006, 2007, 2008 dan 2009.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, setakat akhir tahun 2009, sejumlah 10.8 juta kad kredit telah dikeluarkan, manakala bilangan orang yang memegang kad kredit adalah seramai 3.2 juta orang. Tahap pinjaman tak berbayar atau *non performing loan (NPL)* dengan izin, kad kredit masih terkawal. Pada akhir tahun 2009, tahap NPL telah menurun kepada 2% daripada jumlah hutang belum jelas kad kredit berbanding dengan 4.3% pada akhir tahun 2005. Bank Negara Malaysia sentiasa memantau penggunaan kad kredit dari semasa ke semasa bagi memastikan para pemegang kad menggunakan instrumen pembayaran tersebut secara berhemah.

Sepanjang tahun 2009, bilangan pemegang kad kredit yang diisytiharkan bankrap semakin berkurang iaitu daripada 1,656 orang pada tahun 2006 kepada 405 orang. Secara purata, pemegang kad kredit yang diisytiharkan bankrap hanya merangkumi 0.04% daripada jumlah orang yang mempunyai kad kredit utama pada lima tahun yang lepas. Sekian.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, adakah Kementerian Kewangan bercadang menurunkan faedah kad kredit daripada 18% kepada 10% dan adakah kementerian bercadang dihadkan kepada mereka yang berpendapatan RM3,000 sebulan ke atas untuk mengelak orang-orang Melayu muda mulai bankrap? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, buat masa ini kadar faedah kad kredit untuk negara kita adalah di antara 9% hingga 17.5%. Kadar ini kalau dibandingkan dengan negara yang lain seperti Singapura – 18% hingga 27%, Australia – 9.99% hingga 19.5% dan untuk Jepun – 12% hingga 18%, manakala Amerika – 7.74% hingga 32%. Memang hal ini Bank Negara pun ada buat kaedah iaitu kita pecahkan kepada tiga *tiers*. *Tier* satu iaitu kadar terdahulu adalah 13.5%. *Tier* yang kedua adalah 16% dan *tier* ketiga iaitu 17.5%. Ini memang adalah kaedah yang kita ada pada masa ini.

7. **Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah usaha-usaha kementerian dalam menangani isu '*human trafficking*' bukan sahaja di peringkat dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini yang telah mengemukakan pertanyaan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha di peringkat domestik iaitu dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa bagi menangani jenayah pemerdagangan orang. Antara langkah utama yang diambil oleh kerajaan untuk membanteras jenayah memperdagangkan orang adalah dengan mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Akta ini diluluskan pada 24 April 2007 dan berkuat kuasa sepenuhnya pada 28 Februari 2008. Pada masa ini, kerajaan sedang meminda Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dengan memasukkan elemen kenaikan penalti ke atas kesalahan-kesalahan pemerdagangan orang selain boleh dilucutkan hak ke atas keuntungan yang diperolehi daripada jenayah memperdagangkan orang.

Majlis Anti Pemerdagangan Orang juga telah ditubuhkan selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dan mempunyai lima buah jawatankuasa di bawahnya iaitu Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Penguatkuasaan, Jawatankuasa Perlindungan dan Jawatankuasa Pemulihan Mangsa dan seterusnya Jawatankuasa Media dan Publisiti serta Jawatankuasa Khas Pemerdagangan Buruh.

Selain itu, kerajaan juga telah melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Anti Pemerdagangan Orang 2010 hingga 2015, yang mana ianya merupakan salah satu instrumen dalam usaha untuk menangani kegiatan jenayah ini. Pelan Tindakan Kebangsaan telah menggariskan sembilan matlamat strategik yang perlu dilaksanakan oleh Majlis Anti Pemerdagangan Orang.

Tuan Yang di-Pertua, agensi penguat kuasa yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim bertanggungjawab dalam menguatkuasakan akta ini bagi memastikan keberkesanan daripada aspek penguatkuasaan. Kerajaan telah melaksanakan program-program bina upaya (*capacity building*) untuk memperkasakan pegawai-pegawai penguat kuasa.

■1110

Kursus-kursus yang diberi adalah merangkumi aspek penguatkuasaan, pendakwaan dan perlindungan serta pemulihan mangsa. Taklimat serta risalah mengenai jenayah ini juga telah diedarkan kepada petugas-petugas di kompleks-kompleks kastam, imigresen dan kuarantin di sempadan.

Di samping itu, penglibatan orang awam juga penting dalam membantu kerajaan menangani isu pemerdagangan orang. Justeru program-program kesedaran awam telah diperhebatkan termasuklah penyiaran poster-poster mengenai jenayah pemerdagangan orang di media-media cetak dan elektronik dalam pelbagai bahasa, memasang *billboard* di laluan utama ke KLIA dan juga pengumuman udara di dalam penerbangan serta Lapangan Terbang Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, jenayah pemerdagangan orang adalah jenayah rentasan sempadan (*transnational crime*). Oleh itu ia memerlukan kerjasama antarabangsa dengan negara luar seperti Australia, Amerika Syarikat, Belanda dan United Kingdom. Negara juga turut bekerjasama dengan beberapa pertubuhan antarabangsa seperti *International Organisation For Migration* (IOM). *The Center For The Protection of Childrens Rights Foundation* (CPCR) dan lain-lain. Skop kerjasama yang dijalankan merangkumi antaranya aspek-aspek seperti perkongsian dan pertukaran alamat serta risikan termasuk latihan bina upaya dalam bidang penguatkuasaan, pendakwaan, pengurusan rumah-rumah perlindungan dan pemulihan mangsa-mangsa pemerdagangan orang. Sekian, terima kasih.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Pertanyaan tambahan saya, memandangkan isu pemerdagangan manusia ini merupakan satu isu yang begitu kompleks dan skopnya meluas, apakah kekangan utama yang dihadapi dalam isu ini khususnya yang melibatkan kanak-kanak dan juga golongan wanita? Apakah usaha-usaha pihak kementerian untuk menangani masalah ini berhubung dengan peranan pihak swasta? Apakah kerajaan mempunyai sebarang polisi yang mewajibkan pihak swasta menggubal polisi-polisi korporat tertentu berhubung isu pemerdagangan manusia? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan masalah-masalah yang dihadapi untuk menangani pemerdagangan orang dan usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak kementerian adalah:-

- (i) kebanyakan mangsa-mangsa yang masuk ke dalam negara kita ini adalah secara sah, secara pelancong tetapi kemudiannya menjadi sasaran sindiket pemerdagangan orang. Ia menyebabkan anggota penguat kuasa menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti mangsa ketika mereka berada di pintu masuk utama;
- (ii) kurang kerjasama dan penyampai maklumat daripada orang awam dan juga mangsa yang menjadi masalah kepada agensi penguat kuasa untuk mengambil tindakan bagi membanteras jenayah ini dan juga untuk menyelamatkan mangsa terutamanya di kalangan kanak-kanak;
- (ii) begitu juga terdapat situasi di mana sindiket antarabangsa yang mengancam mangsa sehingga menyebabkan mangsa takut untuk

membuat laporan. Di samping itu, mangsa berkenaan juga bimbang akan dikenakan tindakan oleh agensi penguatkuasaan kerana telah terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang bersalahan dengan perundangan negara ini. Malah terdapat juga mangsa enggan bekerjasama sebagai saksi dalam urusan pendakwaan kes-kes ini.

Jadi inilah di antara masalah-masalah yang kita hadapi dalam mengatasi untuk membanteras gejala isu-isu memperdagangkan orang ini.

8. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta Menteri Sumber Manusia menyatakan status perundingan dengan pihak Indonesia mengenai kemasukan pembantu rumah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, semenjak pembekuan penghantaran pembantu rumah Indonesia ke Malaysia pada 25 Jun 2009, kedua-dua kerajaan telah bersetuju untuk merunding semula Perjanjian Persefahaman Berkaitan Pembantu Rumah yang pernah ditandatangani pada 13 Mei 2006. Semenjak itu, empat Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bersama telah diadakan bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit. Antara isu-isu pada prinsipnya telah dipersetujui ialah:-

- (i) untuk menubuhkan jawatankuasa kerja kecil bagi menyelesaikan isu-isu tertunggak berkaitan pembantu rumah Indonesia di Kedutaan Indonesia;
- (ii) liputan insurans bagi mengawal kemalangan akibat pekerjaan;
- (iii) menyediakan *standard contract*;
- (iv) pembayaran gaji melalui akaun bank;
- (v) satu hari cuti rehat dalam seminggu; dan
- (vi) gaji pembantu rumah hendaklah ditentukan oleh kuasa pasaran.

Dalam masa yang sama, perundingan masih diteruskan bagi mencari persetujuan terhadap isu berkaitan struktur kos yang boleh dikenakan oleh agensi pekerjaan swasta di kedua-dua negara yang mana ada unsur ketidakpatuhan oleh agensi berkenaan terhadap apa yang telah dipersetujui di dalam persetujuan.

Begitu juga dengan isu penyimpanan pasport oleh pembantu rumah kerana isu ini pada prinsipnya Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk mempraktikkan prinsip amalan antarabangsa dan undang-undang imigresen yang mana pasport hendaklah dipegang oleh pemiliknya. Namun, satu mekanisme hendaklah diadakan bagi menjamin kepentingan majikan serta mengelakkan daripada isu pembantu rumah lari.

Untuk itu dalam memberi komitmen untuk menyelesaikan isu-isu ini, kedua-dua kerajaan telah menandatangani surat tunjuk niat pada 18 Mei 2010. Perkara-perkara yang dipersetujui ialah:-

- (i) pembantu rumah asing berhak mendapat satu hari cuti rehat dalam seminggu seperti mana peruntukan undang-undang buruh Malaysia. Saya difahamkan di dalam rundingan nanti, kita akan mengemukakan cadangan-cadangan sekiranya pembantu rumah itu tidak bercuti dan bekerja, ia boleh diganti sama ada dengan cuti ataupun dengan bayaran;
- (ii) gaji pembantu rumah ditentukan oleh kuasa pasaran di Malaysia dan perlu diperincikan di dalam kontrak perkhidmatan antara majikan dan pekerja. Seperti yang saya katakan tadi, ia hendaklah mengikut kuasa pasaran dan jika ada mana-mana pihak mensyaratkan gaji minimum, boleh dibuat laporan ke Jabatan Tenaga Kerja;
- (iii) pasport pembantu rumah hendaklah di dalam jagaan pembantu rumah. Akan tetapi saya difahamkan akan dirunding cara dan kaedah di mana kedua-dua pihak boleh menandatangani persetujuan supaya untuk keselamatan dokumen tersebut, ia boleh disimpan oleh majikan; dan
- (iv) struktur kos yang boleh dikenakan kepada majikan oleh agensi pekerjaan swasta di Malaysia dan di Indonesia hendaklah ditentukan oleh kedua-dua kerajaan dan hendaklah dijadikan lampiran kepada perjanjian persefahaman yang akan di tandatangan.

Susulan daripada itu, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri akan menetapkan tarikh Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama dalam masa terdekat bagi membincangkan dan menyelesaikan isu-isu tertunggak bagi membolehkan penghantaran pembantu rumah daripada Indonesia disambung semula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hanya ingin mengemukakan satu soalan tambahan sedikit sahaja iaitu adakah dalam perundingan dengan pihak Indonesia mengenai perkara ini timbul insiden-insiden penganiayaan oleh majikan-majikan Malaysia terhadap pekerja-pekerja Indonesia itu? Kalau perkara ini ditimbulkan, apakah reaksi kita dan di samping apakah yang telah kita lakukan secara konkrit terhadap majikan-majikan yang didapati bersalah oleh mahkamah menganiaya pekerja-pekerja itu? Soalan saya agak berlapis-lapis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Dato' Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan - adakah timbul insiden ataupun perkara yang dibangkitkan berkenaan dengan penganiayaan pekerja pembantu rumah itu di Malaysia? Saya rasa perkara ini telah banyak dibincangkan di semua forum, di semua peringkat dan saya rasa kepekaan kedua-dua pihak majikan-pekerja kini, saya rasa lebih meningkat mengenai dengan kesedaran tanggungjawab dan juga bagaimana untuk mengurus masalah pertelingkahan dan lain-lainnya.

Untuk itu untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa kementerian telah mengambil inisiatif Yang Berhormat untuk mengadakan perjumpaan di antara majikan dan juga pembantu rumah dengan pihak Jabatan Tenaga Kerja kementerian. Program ini diadakan sepanjang tahun dengan tujuan untuk memberi kesedaran tentang tanggungjawab kedua-dua pihak. Setakat ini *alhamdulillah*, telah diadakan melibatkan lebih daripada 2,183 pembantu rumah sepanjang tahun dan program ini akan diteruskan.

Saya juga ingin memaklumkan Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita mengambil berat tentang nasib dan kebajikan pembantu rumah asing. Akan tetapi kita juga mengambil berat tentang pengalaman-pengalaman pahit yang dilalui oleh majikan-majikan di negara ini. Untuk itu juga saya rasa wajar kita mengadakan biro aduan untuk majikan-majikan melaporkan, juga kejadian-kejadian yang tidak diingini yang dialami oleh majikan-majikan. Terima kasih.

9. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan sejauh mana kaedah mengawal barangan penting seperti gula, minyak masak dan tepung dengan pengeluaran lesen kepada peruncit dapat menyelesaikan masalah kekurangan gula dan apakah kaedah jangka panjang yang lebih baik.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pelesenan runcit barang-barang kawalan yang diperkenalkan mulai 1 Jun 2010 di bawah Peraturan Kawalan Bekalan 1974 bertujuan untuk mengatasi masalah ketirisan gula dan penyalahgunaan barang kawalan bersubsidi gula, tepung gandum dan minyak masak. Melalui pelaksanaan lesen runcit ini tindakan pemantauan dan penguatkuasaan diperketatkan terhadap pemborong dan peruncit-peruncit yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Selain itu, pemantauan dapat dilakukan di setiap peringkat termasuk pengilang, pemborong dan peruncit bagi memastikan bekalan yang mencukupi sampai kepada pengguna dengan harga yang ditetapkan dan bagi kaedah jangka panjang pula ialah:

- (i) akan diadakan penstrukturan semula pemborong seluruh Malaysia;
- (ii) kelulusan pembinaan kilang gula di Sabah dan Sarawak; dan
- (iii) kempen kurangkan pengambilan gula secara berterusan.

Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhir-akhir ini Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menggesa koperasi-koperasi menjadi pemborong sebuah koperasi atau lebih bagi tiap-tiap satu kawasan Parlimen. Pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, sejauh ini bagaimanakah respons daripada koperasi-koperasi ini? Apakah insentif yang boleh diberi sebagai tambahan kepada keuntungan jika ada kepada koperasi-koperasi ini, untuk menggalakkan penyertaan mereka sebagai pemborong-pemborong bagi satu-satu kawasan Parlimen? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat. Memang untuk supaya kita dapat mengawal pemborong-pemborong daripada mereka cuba mengawal bekalan dan dihantar kepada peruncit-peruncit ini. Maka kita sebenarnya di kementerian menggalakkan penglibatan koperasi di seluruh, terutamanya di setiap Parlimen. Setakat ini boleh kita katakan bahawa kita telah pun mendapat sebanyak iaitu 15 koperasi yang telah pun bersetuju untuk menjadi pemborong gula di kawasan-kawasan yang tertentu. Sebelum kita memberi kelulusan kepada koperasi ini menjadi pemborong sebenarnya kita akan melihat kemampuan koperasi itu dari segi logistiknya, dari segi kewangan dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga insentif yang kita beri kepada koperasi sekiranya mereka menjadi pemborong ini iaitu sama juga dengan pemborong yang lain, di mana kita akan memberi keuntungan iaitu sebanyak lapan sen untuk setiap kilo. Satu kilo gula yang mereka edarkan, sebab ini adalah sama untuk pemborong-pemborong dan bagi peruncit pula sama juga selepas penyelarasan iaitu subsidi diumumkan kita juga membuat penyelarasan dari segi keuntungan iaitu peruncit juga akan mendapat lapan sen untuk setiap kilo yang dijual. Terima kasih.

10. Tuan Ahmad bin Husin minta Menteri Kewangan menyatakan apakah rasional Bank Negara Malaysia mencadangkan skim insurans yang baru pada awal tahun 2010 iaitu Faedah Kematian dan Kecederaan Tubuh Pihak Ketiga (TPBID) bagi menggantikan Insurans Kecederaan Pihak Ketiga (*Third Party*) sedia ada.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat rasional utama cadangan Faedah Kematian dan Kecederaan Tubuh Pihak Ketiga, dengan izin *Third Party Bodily Injury and Death* (TPBID) adalah untuk memastikan pemilik kenderaan mendapat akses kepada perlindungan motor pihak ketiga yang mencukupi pada harga premium berpatutan. Ia juga bertujuan memperuntukkan supaya semua pengguna jalan raya yang terlibat dengan kemalangan mendapat tuntutan yang bersesuaian. Cadangan skim tersebut bertujuan memelihara kepentingan semua pihak yang berkenaan dari segi undang-undang untuk:

- (i) memastikan pemandu kenderaan memiliki perlindungan motor dan juga kepentingan orang awam bagi memastikan mereka mendapat pampasan sewajarnya jika terlibat dalam kemalangan jalan raya; dan
- (ii) memastikan penanggung insurans berdaya maju dan terus kekal untuk menyediakan produk serta perkhidmatan insurans yang diperlukan.

Pada masa ini kerugian TPBID telah sampai ke tahap di mana penanggung insurans mendapati sukar untuk menyediakan perlindungan ini. Misalnya pada tahun 2008, bagi setiap ringgit yang diterima RM2.67 dibayar sebagai tuntutan dan tahun 2009, bagi setiap ringgit yang diterima RM2.63 dibayar sebagai tuntutan sahaja. Sekian.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah adakah skim TPBID iaitu skim asas Faedah Kematian dan Kecederaan Tubuh Pihak Ketiga ini merupakan tuntutan yang berasaskan polisi tiada tanggungan kecuaiian, yakni di *no-fault liability*? Atau adakah ia adalah skim yang berasaskan tanggungan kecuaiian, yakni *fault-based liability*?

■1130

Kedua, apakah peranan Bank Negara Malaysia sebagai *regulatory body* untuk pihak insurans selepas Skim TPBID? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat polisi yang sedia ada memang ada masalah yang tertentu iaitu antara pihak penanggung insurans dan juga pihak pemandu dan juga rakyat serata. Oleh itu adalah hasrat kita adakan satu *third party policy* mencukupi untuk memastikan kita kesediaan perlindungan asas untuk pemilik kenderaan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Juga perlindungan adalah pada premium yang berpatutan seperti yang saya katakan tadi. Kita pun harap penyelesaian tuntutan yang efisien. Untuk ini Bank Negara Malaysia bersama-sama dengan Kementerian Kewangan telah mengadakan sesi-sesi perundingan awal dengan pihak yang berkepentingan berhubung dengan opsyen-opsyen pelaksanaan awal bagi Skim TPBID pada April 2010. Satu kertas perbincangan yang menerangkan rasional prinsip perpaduan objektif dan cadangan rangka atau komponen skim baru ini juga telah disiarkan dalam lambang Bank Negara Malaysia pada 23 April 2010. Untuk mendapatkan maklum balas orang ramai berhubung cadangan tersebut.

Oleh itu Yang Berhormat ada cadangan-cadangan yang baik boleh hantar ke Bank Negara atau ke pihak pejabat saya. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan silakan ya Yang Berhormat Hajah Mumtaz.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya oleh kerana pihak insurans telah pun menanggung kerugian untuk dalam tempoh dua tahun. Adakah dengan penubuhan TPBID Newco ini bagaimana kerajaan boleh mengatasi masalah kerugian yang ditanggung oleh insurans? Itu yang pertama. Kedua, oleh kerana dalam TPBID mengatakan bahawa terdapat gap ataupun had tuntutan siling untuk semua tuntutan. Tidakkah perkara ini bertentangan dengan fungsi Mahkamah Sesyen yang telah mempunyai *jurisdiction* untuk membuat tuntutan *accident* yang tidak ada batasan. Jadi kalau dari satu segi di pihak Mahkamah Sesyen *unlimited jurisdiction* untuk kes *accident* tetapi, dalam masa yang sama, TPBID Newco ada cap. Jadi perkara ini bertentangan saya minta pendapat kerajaan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas dua soalan. Kementerian akan ambil berat dengan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat. Kita belum sampai tahap keputusan. Kita jangka pada hujung tahun ini atau awal tahun hadapan kita akan

buat keputusan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat saya tidak dapat jawab sekarang. Kita akan ambil perhatian supaya apa yang dikatakan kita masukkan dalam polisi kita. Sekian.

11. Datuk Sim Kheng Hui minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sama ada pemeriksaan dan pembaikpulihan *fire-hydrant* kerap dijalankan dalam usaha memastikannya sentiasa dalam keadaan yang baik dan tidak berdepan dengan masalah tekanan air pada ketika kecemasan atau kebakaran berlaku.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Wira Chor Chee Heung]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui yang telah pun kemukakan pertanyaan pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi memastikan setiap pili bomba di seluruh negara berada dalam keadaan baik pada setiap masa, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah pun mengeluarkan satu arahan yang dikenali sebagai Perintah Tetap Operasi Bil. 2/2001 iaitu pemeriksaan dan ujian pili bomba. Melalui perintah tetap ini pegawai dari Unit Pili Bomba di balai-balai wajib menjalankan pemeriksaan dan ujian bagi setiap pili bomba di bawah jagaan balai sebanyak dua kali setahun.

Pemeriksaan dan pengujian akan dibuat atas pili tersebut berdasarkan keadaan fizikal, tekanan aliran air, membersihkan pili bomba, mengecat pili bomba dan membaik pulih kerosakan pili bomba jika ada. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga telah mengeluarkan satu Arahan Pentadbiran Bil. 1/2010 kepada balai-balai di seluruh negara bagi menjalankan pemeriksaan dan ujian pili bomba pada waktu malam. Khususnya bagi balai-balai yang gagal menjalankan pemeriksaan dan ujian pili bomba dua kali setahun. Jadual pemeriksaan dan ujian pili bomba juga telah ditetapkan di dalam jadual tugas harian dan wajib dilaksanakan di balai-balai bomba di seluruh Malaysia. Usaha pemeriksaan dan ujian pili bomba yang kerap ini adalah untuk memastikan pili bomba sentiasa dalam keadaan baik dan tidak berdepan dengan masalah ketika kecemasan atau kebakaran.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga sedia menerima aduan daripada orang awam tentang mana-mana kerosakan pili bomba dan pembaikan segera pada kerosakan tersebut akan dilaksanakan. Sekiranya wujud pelanggaran di bawah seksyen 26 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 maka tindakan kompaun kesalahan akan diambil. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah melancarkan Program Skim Teman Pili Bomba. Dalam program tersebut orang awam dilantik sebagai bapa angkat bagi mana-mana pili bomba yang berada dalam persekitaran tersebut. Bapa angkat tersebut akan memastikan setiap pili bomba sentiasa berada dalam keadaan baik dan berfungsi. Antara tahun 2005 hingga 2009 jumlah teman pili bomba di seluruh negara adalah seramai 11,889 orang. Usaha penambahan ahli ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2009 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diperuntukkan sebanyak RM12,791,000 bagi tujuan penyelenggaraan

pili bomba merangkumi kesemua balai-balai bomba di seluruh negara. Ini adalah bertujuan untuk memastikan pili bomba dapat berfungsi dan berada dalam keadaan baik. Melalui program inovasi pula beberapa peralatan telah pun direka cipta untuk digunakan pada pili-pili bomba yang bermasalah atau rosak semasa menghadiri operasi sebagai alternatif segera sebelum kerosakan dibaik pulih. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Hui.

Datuk Sim Kheng Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri terhadap soalan saya. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah pihak kementerian dan Jabatan Bomba dapat melibatkan orang ramai membantu mengelakkan dan mengatasi kebakaran? Apakah program-program mengenai ini?

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Senator Sim. Mengenai galakan yang diberikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat adalah seperti berikut:

- (i) seperti saya jawab dalam jawapan asal iaitu kita menggalak supaya lebih ramai teman ataupun rakan Jabatan Bomba iaitu untuk menjaga pili-pili bomba yang berada di seluruh negara iaitu setakat ini sudah melebihi 11,000 lebih;
- (ii) program-program kesedaran. Macam mana kita dapat mencegah kebakaran juga sentiasa diadakan di peringkat sekolah baik pun di masyarakat umum;
- (iii) seperti kita semua maklum oleh kerana galakan yang diberikan bukan sahaja oleh kerajaan, tetapi agensi kerajaan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat. Didapati begitu banyak sekali di negara ini telah pun wujud Pasukan Bomba Sukarela. Setakat ini telah pun wujud 332 Pasukan Bomba Sukarela dan di mana anggotanya adalah terdiri tidak kurang daripada 13,935. Selepas ini kerajaan akan beri galakan yang lebih hebat lagi supaya semua rakyat kita harus mengetahui apakah langkah-langkah yang patut kita buat bila kita menghadapi dengan masalah kebakaran.

Sekian, terima kasih.

■ 1140

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.40 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan;

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini, diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Wira Chor Chee Heung]: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya walaupun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini, diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARATDI BAWAH P.M. 17(1)**TINDAKAN KASAR PIHAK POLIS TERHADAP ORANG AWAM
MEMBANTAH ISA SELAMA 50 TAHUN****11.42 pg.**

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membawa usul ini iaitu satu notis Peraturan Mesyuarat 17(1), Tindakan Pihak Polis Bertindak Kasar Terhadap Orang Awam yang Berhimpun Membantah ISA Selama 50 Tahun pada 1 Ogos 2010.

Ini adalah untuk memberikan notis di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) untuk mengusulkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan seperti berikut.

Bahawa Dewan mengizinkan saya untuk menangguhkan Dewan mengikut Peraturan Mesyuarat 17(1) untuk merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai, yang berkehendakkan disegerakan mengenai tindakan pihak polis bertindak kasar terhadap orang awam yang berhimpun. Perkara ini spesifik kerana merujuk kepada pihak berkuasa polis yang bertindak kasar terhadap orang awam yang berhasrat untuk berhimpun di sebuah kawasan yang dibenarkan pemiliknya di Padang Timur. Berhadapan Amcorp Mall, Petaling Jaya, Selangor pada lapan malam atas menyatakan bantahan mereka dalam memperingati Akta Keselamatan Dalam Negeri yang diamalkan negara ini selama 50 tahun.

Perkara ini berkepentingan awam kerana tindakan kekerasan polis tersebut telah menimbulkan kekecewaan dan kemarahan rakyat. Perkara ini perlu disegerakan kerana corak penyalahgunaan polis sebegini dinampakkan semakin ketara sejak kebelakangan ini di mana pihak polis telah membuat tangkapan seramai 36 orang, termasuk empat orang dari Pulau Pinang, dua orang dari Kelantan dan tiga orang dari Selangor pada 1 Ogos 2010. Sebelum ini, di Rengit, Batu Pahat, pihak polis telah mengarah sebuah ceramah parti politik pada minggu lalu. Parlimen harus memandang berat insiden ini kerana keraguan tertumpu kepada penyalahgunaan Akta Polis, seksyen 27, dan Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan, yang memberi hak kepada rakyat untuk berhimpun secara aman.

Walaupun negara kita berprinsipkan pendemokrasian, namun penyalahgunaan kuasa polis masih berlaku berulang kali. Kerajaan juga sengaja menubuhkan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) yang tidak mempunyai kuasa dakwaan, untuk menjadi sebagai alasan untuk penggantian terhadap Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), yang lebih dapat memantau dan menyiasat polis dengan berkesan. Parlimen harus mengambil langkah memastikan profesionalisme pihak polis dipulihkan dan hak rakyat bersuara tidak terus terjejas. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17(2) daripada Yang

Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah pada hari Isnin, 2 Ogos 2010. Teks usul ini adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu.

Syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Bagi kedua-dua syarat ini boleh kita pertimbangkan.

Namun, syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Persoalannya bagi saya, adakah perlu disegerakan kerana kes serupa ini. Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (i) bahawa perkara itu tertentu, adalah perkara tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai, ia adalah kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan. Perkara ini, Yang Berhormat juga tidak perlu disegerakan.

Ini kerana saya dimaklumkan bahawa perhimpunan yang dianjurkan, diadakan tanpa permit polis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 27, Akta Polis 1967, bermakna:

- (i) setiap perhimpunan perlu terlebih dahulu mendapatkan permit polis dan ia tidak ada permit polis;
- (ii) tindakan polis menyuraikan perhimpunan berkenaan adalah berdasarkan prosedur dan peruntukan undang-undang bagi mengelakkan sebarang gangguan terhadap ketenteraman awam di kawasan berkenaan yang menjadi tumpuan umum;
- (iii) walaupun setiap rakyat diberi hak dan kebebasan untuk berhimpun, namun pihak Polis Diraja Malaysia juga diberi kuasa untuk menjaga keamanan awam di sesuatu kawasan itu; dan
- (iv) tindakan penahanan dibuat oleh Polis Diraja Malaysia selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada iaitu bagi tujuan membantu siasatan. Kesemua tahanan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun dibebaskan.

Maka, tidak perlulah. Perkara ini saya tolak. Sekian, terima kasih.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SEWA BELI (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.48 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama satu akta untuk mengawal selia aktiviti berhubung transaksi sewa beli dipinda dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman sewa beli adalah merupakan salah satu kaedah yang paling lazim digunakan oleh pengguna untuk memiliki aset bukan hanya kenderaan malah juga terhadap pelbagai barangan pengguna yang lain. Walau bagaimanapun, pembelian kenderaan penumpang adalah merupakan jenis aset yang paling lazim dibeli menggunakan perjanjian sewa beli.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada laporan perkembangan *monetary* dan kewangan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2009 jelas menunjukkan bahawa pinjaman yang dikeluarkan oleh institusi kewangan bagi maksud pembelian kenderaan penumpang telah mencecah kepada RM11 bilion untuk tempoh di antara Januari hingga April 2010. Secara amnya, ia bermakna pinjaman kereta penumpang telah menyumbang kepada 5.2% daripada keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan iaitu sebanyak iaitu RM57.5 bilion untuk tempoh yang sama oleh institusi kewangan.

■1150

Akta Sewa Beli 1967 telah mengalami beberapa perubahan mengikut peredaran masa dengan mengambil kira perubahan dalam pasaran. Pindaan telah dilakukan pada tahun 2004 namun masih terdapat banyak lagi kekurangan dengan izin, *loopholes* di dalam akta yang membuka ruang kepada golongan yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasi keadaan tersebut. Ini dibuktikan dengan jumlah peningkatan aduan berhubung isu perjanjian sewa beli yang diterima oleh kementerian yang telah menunjukkan peningkatan, di mana sebanyak 190 dicatatkan pada tahun 2007, 261 aduan kes pada tahun 2008 dan sebanyak 312 aduan kes pada tahun 2009. Kes-kes yang dilaporkan pula kebanyakannya adalah melibatkan kes salah laku sewaktu proses pengambilan semula, dengan izin, *repossession* oleh pemunya terhadap penyewa.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, mengambil kira perkara tersebut, kementerian telah mengambil tindakan dengan mengkaji semula peruntukan sedia ada terutamanya yang berkaitan dengan proses pengambilan semula barangan di dalam akta ini. Ini

adalah supaya syarat-syarat sedia ada diperketatkan lagi sebelum proses tersebut bermula, dan pada masa yang sama memberi lebih banyak perlindungan kepada pengguna. Kementerian juga telah meneliti dan menjalankan kajian terhadap perundangan sewa beli yang diamalkan di negara-negara lain, terutamanya yang melibatkan kaedah pengambilan semula untuk diperhalusi dan dipadankan dengan persekitaran dalam negara.

Hasilnya didapati negara-negara seperti United Kingdom, Australia dan India mempunyai perundangan yang khusus dan lengkap berhubung tatacara atau kaedah pengambilan semula barangan yang mengguna pakai saluran mahkamah sebagai medium pelaksanaan proses tersebut. Sebagai contoh, di dalam Akta Sewa Beli 1964, United Kingdom jelas menyatakan bahawa kaedah pengambilan semula barangan oleh pemunya boleh dilaksanakan oleh pemunya apabila penyewa didapati gagal untuk melunaskan bayaran yang telah ditetapkan setelah segala notis berhubung perkara tersebut berserta niat pengambilan semula telah diserahkan kepada pihak penyewa dalam tempoh yang telah ditetapkan. Selain itu, akta tersebut juga turut merangkumi tatacara pengambilan semula milikan ke atas penyewa yang telah meninggal dunia setelah syarat-syarat dipatuhi sepenuhnya oleh pemunya.

Manakala di bawah Akta Sewa Beli 1959, Australia pula meletakkan syarat proses pengambilan semula oleh pihak pemunya hanya boleh dilaksanakan setelah ianya mendapat persetujuan daripada pesuruhjaya. Jika dalam keadaan tertentu, pesuruhjaya enggan memberikan kebenaran, maka pihak pemunya boleh mengemukakan rayuan kepada Tribunal Pentadbiran Wilayah bagi mendapatkan kebenaran untuk mengambil semula barangan daripada milikan penyewa.

Di dalam perundangan Akta Sewa Beli 1972 di negara India, proses pengambilan semula hanya boleh diadakan setelah mendapat perintah mahkamah, berdasarkan kepada syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi seperti nisbah jumlah bayaran yang telah diselesaikan oleh penyewa berdasarkan nilai barangan yang dinyatakan di bawah akta berkenaan. Namun begitu, sekiranya pihak pemunya gagal mematuhi mana-mana peruntukan atau syarat yang telah ditetapkan, maka pihak penyewa berhak untuk dilepaskan daripada tuntutan tersebut dan berhak menuntut kembali kesemua bayaran yang telah dibayar sebelum ini daripada pihak pemunya.

Berdasarkan kepada kajian dan perbandingan yang telah dijalankan ke atas perundangan negara-negara terbabit, kementerian berpandangan adalah wajar suatu dasar baru diperkenalkan di dalam perundangan sewa beli sedia ada supaya ianya lebih kukuh dan tersusun di samping memberikan lebih banyak perlindungan kepada pengguna dan pada masa yang sama, masih mengambil kira kepentingan pihak-pihak lain yang terlibat di dalam industri sewa beli di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju agar Akta Sewa Beli 1967 dipinda bagi memperkukuhkan serta memperkemaskan lagi perundangan sedia ada bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud agar ia selari dengan perkembangan semasa. Antara

pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah pindaan ke atas peruntukan seksyen 16, Akta Sewa Beli 1967 yang berkait rapat dengan pengawalseliaan aktiviti berkaitan proses pengambilan semula barangan. Kementerian telah memfokuskan kepada cadangan hala tuju dasar baru yang diperkenalkan di dalam akta sedia ada kepada tiga perkara utama iaitu:

- (i) perubahan kepada prosedur pengambilan semula barangan dengan melalui perintah mahkamah, dengan syarat-syarat tertentu;
- (ii) pengenalan mekanisme kawalan menerusi pemberian permit untuk aktiviti pengambilan semula; dan
- (iii) pengukuhan perundangan sedia ada bagi memberikan lebih perlindungan kepada pengguna.

Di dalam peruntukan perundangan sedia ada iaitu di bawah seksyen 16, Akta Sewa Beli 1967, menjelaskan bahawa pengambilan semula barangan oleh pihak pemunya boleh dilakukan atau dilaksanakan apabila penyewa gagal menjelaskan bayaran ansuran sebanyak dua kali dan notis bertulis telah pun diserahkan kepada pihak penyewa. Proses pengambilan semula hanya boleh diteruskan apabila tempoh yang diberikan di dalam notis tersebut tamat, iaitu tempohnya tidak kurang daripada 12 hari selepas notis diserahkan kepada penyewa. Walau bagaimanapun, punca kelemahan perundangan sedia ada adalah kerana ia tidak menggariskan secara jelas untuk proses pengambilan semula dilakukan, iaitu sama ada sewaktu kegagalan dua kali bayaran ansuran berlaku di peringkat awal pembayaran, pertengahan ataupun penghujung tempoh ansuran. Ini secara tidak langsung telah menafikan hak penyewa yang ada kalanya terpaksa menanggung kos berlipat ganda untuk memperoleh semula barangan semasa proses pengambilan semula dilaksanakan oleh pihak pemunya.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan itu maka rang undang-undang ini mencadangkan agar prosedur pengambilan semula barangan iaitu *repossession* dengan izin, ditetapkan berdasarkan kepada syarat-syarat seperti berikut:

- (i) tanpa perintah mahkamah – pemunya boleh melaksanakan pengambilan semula barangan jika penyewa membayar kurang daripada 75% daripada jumlah keseluruhan harga tunai (*total cash price*) dengan izin, barangan tersebut yang dinyatakan di dalam perjanjian sewa beli berdasarkan justifikasi agar pihak pemunya boleh mendapatkan semula amaun prinsipal dan boleh menjual semula barangan yang dirampas pada harga pasaran; dan
- (ii) dengan perintah mahkamah – pemunya hanya boleh melaksanakan proses pengambilan semula melalui perintah mahkamah jika penyewa telah membayar lebih daripada 75% daripada jumlah keseluruhan harga tunai (*total cash price*), dengan izin, barangan tersebut yang dinyatakan di dalam perjanjian sewa beli berdasarkan justifikasi bahawa kedua-dua

pihak turut mempunyai kepentingan untuk mendapatkan balik apa-apa bayaran jika kenderaan yang diambil dijual atau dilelong pada harga pasaran.

Pada masa ini, proses pengambilan semula barangan banyak dilakukan oleh pihak ketiga yang dilantik oleh pihak pemunya. Justeru timbul pelbagai masalah apabila proses pengambilan semula tersebut dilakukan tanpa prosedur yang seragam dan yang lebih menyedihkan, dilakukan menerusi kekerasan. Agak mendukacitakan juga, tiada peruntukan atau peraturan khusus bagi mengawal selia aktiviti ini pada masa ini. Selaras dengan itu, rang undang-undang ini turut mencadangkan agar perundangan subsidiari diadakan berhubung tatacara yang sesuai untuk proses pengambilan semula dilakukan dan mewajibkan bagi mereka yang menjalankan aktiviti pengambilan semula ini dikawal menerusi pengeluaran permit oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

■1200

Berdasarkan kepada perundangan yang sedia ada, perlindungan kepada pengguna didapati tidak menyeluruh dan manfaat yang diterima oleh pengguna adalah minimum. Selain itu, perundangan sedia ada juga tidak menggariskan dengan jelas hak-hak yang boleh dinikmati oleh pengguna sekiranya kekhilafan tersebut datangnya daripada pihak pemunya sendiri.

Justeru, rang undang-undang ini mencadangkan beberapa pindaan bagi memberikan lebih banyak perlindungan kepada pengguna berbanding peruntukkan sedia ada. Antara bentuk pindaan yang dilihat akan memberikan perlindungan yang lebih kepada pengguna adalah seperti berikut:

- (i) Memperuntukkan obligasi kepada pemunya untuk melengkapkan dokumen perjanjian sewa beli sebelum ianya diserahkan kepada bakal penyewa;
- (ii) mewajibkan pengisytiharan secara bertulis perihal sebenar kenderaan-kenderaan terpakai yang ingin memasuki perjanjian sewa beli;
- (iii) memberikan hak kepada penyewa untuk menyimpan kad pendaftaran kenderaan bermotor, geran kenderaan, selaras dengan peraturan 8(3) Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959; dan
- (iv) mengawal selia pengambilan bayaran tempahan dengan menjadikan ianya sebahagian daripada bayaran deposit.

Objektif pindaan rang undang-undang ini adalah bagi memperkukuhkan serta memperkemaskan perundangan sedia ada di samping memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pengguna yang terlibat secara langsung di bawah perjanjian sewa beli di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya seterusnya memaklumkan beberapa ciri utama pindaan rang undang-undang ini.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 4E, 4F dan 4G yang bertujuan untuk membenarkan penyewa menyimpan perakuan pendaftaran kenderaan, melarang perjanjian sewa beli dibuat bagi kenderaan yang telah diubahsuai dan perisytiharan dibuat mengenai apa-apa kerosakan kepada kenderaan terpakai jika ia mengguna pakai perjanjian sewa beli.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 212 untuk mengenakan syarat baru iaitu keperluan merujuk kepada mahkamah ke atas pemunya berhubung dengan pemilikan semula di bawah akta ini berdasarkan kepada kondisi-kondisi yang telah dinyatakan sebelum ini.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 17A dan 17B ke dalam Akta 212, masing-masing untuk mengehendaki mana-mana orang yang terlibat dalam aktiviti pemilikan semula untuk mendapatkan permit daripada pengawal dan untuk mengehendaki pemunya untuk melantik hanya pemegang permit di bawah seksyen 17A untuk melakukan pemilikan semula.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 30A ke dalam Akta 212 untuk mengawal selia *fee* tempahan.

Fasal 10 bertujuan memasukkan sub seksyen baru (1A) dan (1B) ke dalam seksyen 31 Akta 212 untuk mengehendaki supaya deposit dikutip apabila perjanjian sewa beli ditandatangani dan untuk memperuntukkan remedi kepada penyewa sekiranya pemunya, peniaga, ejen atau orang yang bertindak bagi pihak pemunya tidak menyerahkan barang yang diniatkan dalam perjanjian sewa beli itu.

Fasal 11 dan 12 masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 36 dan seksyen 38 Akta 212 untuk memperuntukkan peningkatan ke dalam penalti sedia ada bagi kesalahan khusus yang dinyatakan di bawah seksyen 36 dan seksyen 38. Di mana bagi kesalahan yang dinyatakan di bawah seksyen 36, pernyataan atau representasi palsu, penaltinya ditingkatkan daripada tidak melebihi RM3,000 kepada tidak melebihi RM10,000 dan penjara daripada tidak melebihi 6 bulan kepada tidak melebihi 12 bulan. Bagi kesalahan di bawah seksyen 38, pelupusan barangan atau penjualan palsu oleh penyewa – *fraudulent sale or disposal of goods by hirer*, dengan izin, penaltinya ditingkatkan daripada tidak melebihi RM10,000 kepada tidak melebihi RM30,000.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda seksyen 46 untuk mewujudkan penalti am bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan dan meningkatkan penalti am daripada denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali kepada denda tidak melebihi RM100,000 bagi pertubuhan perbadanan dan denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali bagi orang perseorangan.

Fasal 17 bertujuan meminda seksyen 51 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan menghalang pegawai mendapatkan maklumat daripada denda tidak melebihi RM2,000 atau

penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali kepada denda tidak melebihi RM30,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda seksyen 57 untuk memberi Menteri kuasa untuk peraturan-peraturan berhubung dengan pengeluaran permit berkenaan dengan aktiviti pemilikan semula di bawah Akta 212 dan menyatakan penalti yang ditetapkan bagi pelanggaran peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 212 iaitu denda tidak melebihi RM30,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 7 dan fasal 8 pindaan rang undang-undang ini akan meliputi syarat tambahan yang perlu dipatuhi oleh pihak pemunya yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti pengambilan semula daripada pihak penyewa. Dengan cara ini, isu dan kes berhubung salah laku yang dilakukan oleh pihak pemunya atau ejen yang bertindak bagi pihak pemunya akan berkurangan kerana sebarang ketidakpatuhan boleh disabitkan di bawah akta ini.

Selain itu, kaedah pemberian permit juga akan diperkenalkan bagi mengawal selia aktiviti pengambilan semula oleh penarik kenderaan agar kaedah yang dijalankan dan diguna pakai oleh pihak terbabit dalam proses pengambilan semula tersebut dapat dipantau dan diambil perhatian sewajarnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ketika ini tatacara khusus pengambilan semula kenderaan hanya dipraktikkan oleh ahli-ahli *Hire Purchase Association* dengan izin dan tidak diwajibkan kepada mereka yang bukan ahli. Sehubungan dengan itu, melalui pindaan baru rang undang-undang ini, maka tatacara yang seragam boleh diwujudkan untuk dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat di dalam proses pengambilan semula barangan di dalam negara.

Bagi memperkukuhkan lagi usaha kerajaan untuk membendung kegiatan atau tatacara pengambilan semula barangan secara tidak beretika oleh pihak pemunya atau wakilnya, kuasa Menteri diperuntukkan di bawah fasal 26, pindaan ke atas seksyen 57 bagi mewujudkan sebarang peraturan berhubung pengeluaran permit kepada pihak pemunya serta penalti yang ditetapkan bagi kesalahan pelanggaran peraturan-peraturan tersebut.

Dalam aspek lain, terdapat juga amalan penempahan kenderaan dilakukan melalui pembayaran *booking fees* dengan izin, yang tidak tertakluk di bawah perundangan sedia ada. Masalah timbul apabila terdapat segelintir pihak yang menggunakan kelemahan perundangan sedia ada dengan tidak mengembalikan semula *booking fees* ini sekiranya terdapat pembatalan penempahan dan terdapat juga kes di mana agen menipu orang ramai dengan menggelapkan kesemua *booking fees* daripada pelanggan yang berurusan dengan mereka.

Selaras dengan itu, fasal 9 dan fasal 10 diperkenalkan bagi mengatasi permasalahan tersebut dengan memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak pengedar kenderaan untuk memulangkan semula bayaran tempahan sekiranya terdapat pembatalan dari mana-mana pihak selain menjadikan bayaran tempahan sebagai sebahagian daripada bayaran deposit.

Jumlah denda yang diperuntukkan di bawah perundangan sedia ada tidak banyak memberikan kesan terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab memanipulasi keadaan semasa untuk menindas pihak pengguna. Justeru, penalti am dan penalti khusus ditingkatkan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah akta ini.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mempunyai keyakinan sepenuhnya bahawa pindaan rang undang-undang ini akan membawa kebaikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perjanjian sewa beli di dalam negara ini. Peruntukan yang telah digariskan akan sedikit sebanyak memberikan ruang yang secukupnya untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada pihak-pihak yang terlibat di samping memastikan tiada ruang yang boleh dimanipulasikan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan.

Oleh itu sokongan dan kerjasama daripada pihak semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini adalah amat diharapkan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat.

12.11 tgh.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Sewa Beli (Pindaan) 2010. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana membentangkan rang undang-undang ini yang asalnya dikuatkuasakan pada tahun 1997 dan kemudian dipinda pada tahun 2004.

Pindaan bagi kali ini dikatakan adalah berpunca kerana jumlah peningkatan aduan bagi tahun 2007 dan tahun 2009. Jelasnya pindaan akta ini adalah bagi melindungi pengguna ataupun khususnya penyewa menurut Akta Sewa Beli.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya dapati pindaan akta ini meliputi beberapa perkara seperti berikut..

Pertama, berhubung dengan tema perjanjian sewa beli yang kurang difahami oleh penyewa menyebabkan penyewa terjerat dengan berbagai masalah. Saya ingin menyentuh seksyen 4A yang memperuntukkan bahawa perjanjian sewa beli ini boleh di dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris. Pertama, saya berpendapat bahawa penggunaan istilah

bahasa kebangsaan kurang tepat dan perlu ditukar kepada bahasa Malaysia kerana ianya lebih jelas dan demi memartabatkan bahasa Malaysia.

Kedua, saya mengakui ada keperluan perjanjian sewa beli ini dibuat dalam bahasa Inggeris. Akan tetapi saya kawatir sesetengah pengguna akan teraniaya dengan peruntukan ini kerana tidak memahami perjanjian ini sekiranya disediakan dalam bahasa Inggeris. Saya ingin mencadangkan agar penggunaan bahasa kebangsaan dalam perjanjian sewa beli adalah diwajibkan, manakala penggunaan bahasa Inggeris sebagai pilihan atau *optional*.

Ketiga, tentang proses pengambilan semula atau *repossession*, dengan izin, barangan yang diperketatkan lagi bagi perlindungan kepada pengguna sebagaimana yang dinyatakan melalui peruntukan seksyen 16, Akta Sewa Beli 1967. Kerajaan dikatakan telah membuat perbandingan dengan Akta Sewa Beli United Kingdom, Australia dan India dari segi prosedur atau tatacara pengambilan. Mekanisme kawalan dan seterusnya mengukuhkan perundangan dengan memperkenalkan peraturan yang baru yang lebih sesuai dan melindungi kepentingan pengguna.

Dalam pindaan rang undang-undang ini, prosedur pengambilan semula atau *repossession*, dengan izin, berdasarkan dua syarat utama iaitu sekiranya penyewa membayar kurang 75%, pemunya boleh melaksanakan pengambilan semula tanpa perintah mahkamah dan manakala sekiranya penyewa telah membayar lebih daripada 75%, maka pemunya hanya boleh melaksanakan pengambilan semula setelah mendapat perintah mahkamah.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah rasionalnya kerajaan memperkenalkan prosedur dan syarat tersebut kerana walaupun prosedur ini bagi melindungi pengguna atau penyewa akan tetapi akhirnya pengguna terpaksa pula menanggung kos guaman, kos dalam klausa dan lain-lain kos yang terakru. Masalah utama dengan pengambilan semula atau *repossession*, dengan izin, ialah tindakan wakil pemunya atau biasa kita panggil *repossessor*, dengan izin, yang bertindak kasar bagi gengster dan samseng, bertindak ganas dengan merampas kunci kereta dan mengambil terus kereta walaupun mempunyai surat kebenaran untuk menarik kereta.

Saya ingin mencadangkan agar semua tindakan pengambilan semula atau *repossession* hendaklah terus membawa dan melaporkan terus ke balai polis yang berdekatan bagi memastikan tiada kekerasan, peras ugut dan sebagainya kepada penyewa dan memastikan hak penyewa dilindungi.

Ketiga, berhubung dengan mengawal selia pengambilan bayaran tambahan atau deposit sebagai mana yang dinyatakan dalam seksyen 30A yang merupakan seksyen baru bagi bayaran tambahan. Saya mengalu-alukan pindaan ini bagi mengatasi masalah bayaran tempahan yang biasanya tidak dikembalikan oleh syarikat agen dan penjual apabila tempahan terpaksa dibatalkan dan bayaran tempahan lenyap begitu sahaja menyebabkan pengguna ditindas dan teraniaya.

Selain itu, banyak pembelian kenderaan telah dimudahkan oleh syarikat penjual kereta dengan tidak mengambil apa-apa deposit malah bayaran *roadtax* dan insurans pun tidak dikenakan dengan cara penyesuaian harga kenderaan. Saya berpendapat amalan ini tidak wajar. Walaupun memudahkan pembeli yang kemudiannya dikenali sebagai penyewa tetapi penjualan kereta sepatutnya hendaklah kepada yang layak dan mampu sahaja. Ini kerana kemudian akan timbul masalah bayaran sewa dan akhirnya timbul masalah pengambilan semula atau *repossession*.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, adakah kerajaan bercadang memansuhkan terus bayaran minimum atau deposit bagi pembelian barangan di bawah perjanjian sewa beli ini bagi mengelakkan manipulasi penjual barangan atau adakah kerajaan bercadang menaikkan kadar bayaran minimum dari 10% kepada kadar yang lebih tinggi bagi melindungi pengguna dari bebanan membayar pinjaman melalui pembelian melalui sewa beli.

Adakah kerajaan bercadang menetapkan bayaran balik pinjaman sewa beli supaya tidak melebihi 7 tahun sahaja, bukan seperti 9 tahun seperti sekarang bagi mengelakkan pembeli terpaksa menanggung jumlah faedah yang tinggi. Berhubung dengan kadar faedah pinjaman ini saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, mengapakah dan apakah rasionalnya kadar pinjaman kenderaan tempatan keluaran Proton mengenakan bayaran faedah pinjaman yang lebih tinggi berbanding dengan kereta import seperti Honda, Toyota dan sebagainya.

Keempat, saya amat mengalu-alukan pindaan ini dengan memasukkan seksyen baru 4E, 4F dan 4G selepas seksyen 4D iaitu membenarkan penyewa menyimpan pendaftaran kenderaan. Bagaimanapun seksyen 4E(1) yang menghendaki penyewa menulis kepada pemunya untuk menyimpan sijil pendaftaran kenderaan agak mengecewakan. Ini kerana sepatutnya penyewa diberikan hak untuk menyimpan sijil pendaftaran kenderaan ini secara mandatori dan menjadi tanggungjawab pemunya untuk menyerahkan sijil pendaftaran kenderaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang seksyen 23 dan seksyen 24, Akta Sewa Beli berhubung dengan penjamin bagi sesuatu pinjaman sewa beli yang tidak disentuh dalam pindaan akta ini. Namun, ianya begitu penting untuk melindungi pengguna dan memastikan tidak ada yang teraniaya.

■1220

Sebagaimana maklum, penjamin adalah secara sendiri bersama dan bersaing bertanggungjawab kepada sesuatu pinjaman sewa beli., malah penjamin memikul tanggungjawab yang sama dengan peminjam. Begitu pun penjamin boleh bila-bila masa menjamin pelepasan dengan membayar amaun yang harus dibayar pada pemunya daripada penyewa.

Seterusnya adakah pembayaran sedemikian dibuat oleh penjamin adalah berhak untuk mendakwa penyewa itu pada nama tuan punya bagi mana-mana pelanggaran, obligasi penyewa

di bawah perjanjian sewa beli yang tertakluk dalam memberikan kepada tuan punya *indemnity* yang sesuai bagi kos-kos? Selain itu atas pembayaran sedemikian dibuat, penjamin berhak mendesak atau memindahkan kepada dirinya sendiri terhadap semua cagaran diambil oleh pemunya daripada penyewa untuk menjamin pelaksanaan obligasi penyewa.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kes membabitkan penjamin yang terpaksa menanggung pinjaman sewa beli kerana keengganan penyewa membayar ansurannya. Malah penjamin juga terpaksa menghadapi tindakan undang-undang dan sebagainya, walaupun penjamin berhak untuk memaksa penyewa untuk membayar wang ansuran bagi perjanjian sewa beli yang sebagai mana dan bilakah ia harus dibayar. Namun liabiliti penjamin akan berterusan sehingga semua pinjaman sewa beli dijelaskan sepenuhnya.

Masalah penjamin pinjaman sewa beli ialah – pertama, apabila penyewa tidak berkemampuan membayar ansurannya, maka tanggungjawab membayar pinjaman ini terletak di atas bahu penjamin. Kedua, jika penyewa meninggal dunia maka pinjaman sewa beli berkenaan menjadi liabiliti kepada penjamin. Saya berpendapat isu penjamin ini juga perlu mendapat perhatian kerajaan dalam konteks pindaan Rang Undang-undang Akta Sewa Beli ini. Bagi menjaga kepentingan penjamin ini, saya ingin mencadangkan agar dua jenis insurans diwajibkan kepada pembeli ataupun penyewa di bawah perjanjian sewa beli, iaitu Insurans Kegagalan Membayar Insurans dan Insurans Kematian. Pada masa kini, insurans nyawa hanya sebagai pilihan sahaja kepada pembeli. Sudah sampai masanya semua pelanggan di bawah perjanjian sewa beli diwajibkan mengambil insurans nyawa demi menjaga kepentingan penjamin dan waris-waris penyewa.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan isu yang saya bangkitkan tadi ialah masalah suami menggunakan nama isteri dalam urusan niaga penjamin sewa beli ini. Pelbagai masalah timbul apabila suami tidak bertanggungjawab untuk membayar ansuran bulanan. Suami menghilangkan diri atau berlaku penceraian di mana isteri terpaksa menanggung beban tersebut, termasuklah disenaraihitamkan oleh institusi kewangan. Memandangkan ramai di kalangan wanita yang telah menjadi mangsa kepada keadaan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan bagi mengatasi masalah ini? Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, dipersilakan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat sudah banyak - daripada lapan tadi yang telah dibawa oleh rakan seperjuangan saya. Maka saya akan pendekkan kepada isu-isu yang belum dibangkitkan dan beberapa persoalan yang hendak saya bangkitkan.

Pertama tadi yang saya hendak buat mengenai perjanjian dalam bahasa Inggeris, juga telah dibawakan oleh rakan saya sebentar tadi. Cuma persoalan saya ialah setakat manakah

usaha hendak memartabatkan dan mendisiplinkan syarikat pinjaman dan juga kewangan bagi menggunakan bahasa Malaysia dan penguatkuasaan oleh kementerian sendiri. Sebelum ini perjanjian juga ada dibuat pindaan seumpama ini, tetapi syarikat kewangan jelas tidak mematuhi kerajaan dan Bank Negara - pengguna terus menjadi mangsa.

Isu yang kedua ialah mengenai isu *guarantor* ataupun penjamin. Apakah keperluan mewajibkan *guarantor* ke atas bakal peminjam? Ada *guarantor* yang bukan terdiri daripada saudara mara dan isu ini ketidakadilan, bila mana *guarantor* dikejar dan dimasukkan nama sekali ke dalam surat khabar. Bagi saya pihak bank hanya perlu ada dua keputusan - sama ada mengira, menerima ataupun menolak permohonan tetapi bukannya meletakkan sebagai syarat tambahan supaya disediakan *guarantor* jika mahu pinjaman maksimum ataupun pinjaman mencecah 90% nilai kenderaan. Adakah *guarantor* ini bakal disenaraihitamkan? Bagaimana masa depan mereka? Bagi saya mereka ini merupakan golongan orang-orang yang benar teraniaya.

Isu ketidakseragaman kadar faedah kereta buatan tempatan dan juga kereta *completely knocked-down* (CKD) dan juga *completely built-up* (CBU). Soalan saya ialah, kenapa wujud jurang kadar faedah di mana kereta nasional kadar faedahnya lebih tinggi daripada kereta berstatus CKD dan CBU? Bukankah ia patut diberi keutamaan kepada kereta nasional? Ketiga ialah mengenai mempermudah urusan bagi mendapatkan pinjaman sewa beli kenderaan. Syarikat kewangan digesa memudahkan urusan memberi pinjaman kepada pengguna yang layak. Saya dapati pelbagai syarat dan dokumen yang dipohon, lebih-lebih lagi bagi yang tiada pendapatan tetap, umpamanya golongan peniaga. Ada yang minta *guarantor* dan juga *collateral*. Tidak kurang yang hanya meluluskan pinjaman di dalam jumlah yang rendah dan perlu dibayar balik dalam jangka masa yang pendek, yang semakin membebankan pengguna.

Begitu juga dengan isu *booking fee*, apabila tidak mengembalikan *booking fee* jika berlaku pembatalan upahan. Juga isu *booking fee* ini terlalu rendah dan ada yang serendah RM100 sahaja. Saya menyokong pindaan ini, yang mempertanggungjawabkan *dealer* untuk memulangkan deposit yang dibayar jika berlaku pembatalan penempahan. Saya turut...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih. Saya tertarik dengan kadar faedah dan *booking fee* tadi. Yang pertama sekali berkenaan dengan kadar faedah - hendak tanya Yang Berhormat, yang dikatakan tinggi kepada kereta-kereta buatan Malaysia dan rendah kepada kereta-kereta yang diimport. Apa yang lebih penting juga di sini ialah cara mengenakan *interest* ini, kadar faedah ini ialah menggunakan *flat rate*. Dalam erti kata kalaulah 3.6% ataupun 3.5%

interest rate per annum dengan izin. Kalau kita ambil katakan lima tahun, bermaknanya 3.5×5 - bermakna hampir 17.5% itu kadar faedah dari segi *flat rate*. Walhal di negeri-negeri yang lain yang saya ketahui, di atas *balance* - baki yang telah ada, itulah yang digunakan *rate* yang telah dipakai. Akan tetapi di sini di Malaysia ini masih lagi menggunakan *flat rate*. Jadi saya rasa ini juga akan membebankan kepada pengguna.

Kedua, berkait sama dengan *booking fee* yang dikatakan tadi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, selain daripada kita membayar katakan *booking fee* mengikut akta ini 1%, dan dikembalikan kepada kita 90%. Kalau kita batalkan ataupun kalaulah orang yang membekalkan itu tidak dapat memberikan barang-barang yang kita buat atau tempah tadi akan dipulangkan 100% *booking fee* tadi. Akan tetapi masalah yang timbul ialah, masa yang diambil dan tindakan yang diambil terlalu lama dan begitu menyusahkan. Sehingga kadang kala terpaksa pergi kepada peguam dan sebagainya dan kos peguam jauh lebih tinggi daripada *booking fee* yang kita hendak ambil balik. Saya juga ingin menyentuh sedikit ucapan Yang Berhormat Dato' Zaitun tadi berkait sama dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan Yang Berhormat, penjelasan kepada Yang Berhormat tadi. Itu sahajalah dahulu.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Okey, terima kasih.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Saya setuju dengan Yang Berhormat tadi dan saya harap tiga kementerian akan menjawab soalan daripada Yang Berhormat Datuk Roslan sebentar kemudian.

Saya juga turut menyeru agar penguasaan untuk memantau agar semua dipatuhi. *Booking fee* ini patut diselaraskan - contohnya kalau 1%, semuanya 1% dari harga kenderaan. Ini supaya tidak sewenang-wenangnya disalahgunakan

■1230

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu penarik kereta diupah oleh pihak bank, saya juga menyokong daripada usul daripada kawan saya sebentar tadi. Tidak usaha saya ulas panjang, Cuma bagaimanapun saya ingin mencadangkan supaya ia dapat dikurangkan ke nilai 50% pinjaman berbayar sahaja dan bank perlu mendapatkan surat arahan sebelum kereta ditarik. Bagi yang akhir ialah isu kenaikan kadar faedah *interest rate* iaitu berapa isu penting yang memberi kesan berkaitan kenaikan kadar faedah.

Pertama, kita perlu memahami bahawa mungkin terdapat meningkatkan kecil dari ekonomi negara tetapi tiada peningkatan di dalam ekonomi rakyat ataupun aliran kewangan. Gaji pengguna masih sama. Manakala kos hidup di Malaysia agak tinggi berbanding dengan negara luar. Pada masa kini, kereta merupakan salah satu keperluan asas lebih-lebih lagi kepada mereka yang bekerja, kaum wanita dan mereka yang mempunyai keluarga. Dalam keadaan yang sukar, dengan cadangan kerajaan menarik semula subsidi maka kenaikan faedah pinjaman sewa beli akan membebankan rakyat.

Kedua, kenaikan kadar faedah akan menambahkan beban kepada pembeli kereta. Mereka terpaksa membayar lebih misalnya orang yang membeli kereta pada tahun 2009 hanya membayar RM530 sebulan tetapi bagi orang-orang yang membeli kereta yang sama pada masa sekarang harus membayar hampir RM650 untuk kereta yang sama. Semua ini gara-gara kenaikan kadar faedah. Setiap orang akan menghabiskan lebih banyak masa untuk urusan kereta mereka dan disebabkan kadar bayaran yang lebih tinggi menyebabkan mereka mungkin tidak mampu untuk menjelaskan bayaran ansuran bulanan yang akhirnya menyebabkan kereta mereka akan ditarik semula. Penarikan semula kereta juga memberikan kesan yang buruk kepada ekonomi dan rakyat kerana mereka perlu membayar kos penyimpanan dan tarik kereta dengan kos yang begitu mahal. Berapa ramai orang yang mampu menebus kereta mereka secepat mungkin.

Ketiga, selain daripada kadar tunggakan baki yang kian meningkat, pengguna juga akan terpaksa mengeluarkan wang yang lebih kerana terpaksa menggunakan perkhidmatan pengangkutan lain. Aktiviti harian akan terganggu tanpa kereta, mengalami perasaan malu apabila berdepan dengan rakan, jiran, dan keluarga. Terpaksa berhutang lebih dengan bank. Bayaran akan dikenakan untuk *storage fees* dan juga kos tarik kereta. Mempengaruhi kebahagiaan di dalam keluarga dan rumah tangga dan di senarai hitam oleh bank-bank dan sebagainya. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

12.32 tgh

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang dijangka, memanglah pindaan kata ini terhadap kata yang menumpu hanya kepada jual beli kenderaan bermoto. Akan tetapi sekarang ini, kita dapati bahawa sewa beli berlaku juga dalam soal rumah. Saya mengharapkan bahawa pada suatu ketika nanti dapat diperluaskan undang-undang ini supaya dapat merangkumi soal sewa beli rumah juga. Ini kerana saya rasa, soal sewa beli rumah ini menjejaskan dan juga melibatkan terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah.

Saya ingin memberi pandangan tentang beberapa pindaan. Ada yang saya sokong, ragu dan perlu ditolak. Pertama sekali saya ingin menyentuh juga soal bahasa tadi tetapi daripada *angel* yang lain iaitu pindaan 4(1)(a). Baru-baru ini dalam mahkamah sebuah afidavit telah ditolak oleh hakim atas dasar bahawa afidavit itu ditulis dalam bahasa Inggeris dan bertentangan dengan semangat dan prinsip Perlembagaan.

Saya bimbang kalau-kalau pada suatu ketika nanti dalam keadaan yang dipertikaikan antara pihak-pihak penyewa dan pembeli kedua-dua pihak juga antara kedua-dua peguam yang menyokong kedua-dua pihak boleh timbul masalah kerana sesebuah perjanjian itu dibuat dalam bahasa Inggeris, maka ia boleh ditolak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu budi bicara hakim misalnya.

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dari segi prinsip dan produsernya jelas. Dari segi undang-undang pun jelas.

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, budi bicara hakim...

Dr. Syed Husin Ali: Ya, itu sebenarnya saya mahu masuk...

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dr. Syed Husin Ali: Saya baru mahu sebutkan tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Bahawa hal ini adalah budi bicara hakim dan kita bimbang bahawa budi bicara itu nanti kita tidak begitu konsisten di antara satu kes dengan satu kes yang lain. Saya berpindah kepada pindaan 4(e)(1)....

Dato' Dr. Firdaus bin Haji. Abdullah: Boleh saya minta laluan Dr. Syed dan Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan,

Dato' Dr. Firdaus bin Haji. Abdullah: Dr. Syed menimbulkan soal bahasa tadi tetapi Yang Berhormat Dr. Syed timbulkan hanyalah tidak suka. Bolehkah diberikan alternatif yang konkrit daripada untuk menggantikan apa yang tidak suka tadi itu?

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jelas dalam Perlembagaan dan apa yang dikehendaki oleh Perlembagaan. Jadi, soalnya sama ada kita mahu melaksanakan atau tidak. Dalam keadaan sekarang ini, saya akui memang ada masalahnya untuk melaksanakan. Saya hanya menambah hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh teman-teman lain tadi iaitu kita boleh melihat masalah yang boleh timbul daripada segi yang lain. Itu sahaja.

Tentang 4(e)(1), saya rasa ini adalah satu pindaan yang mesra rakyat. Ini kerana kita dapati bahawa dicadangkan untuk membenarkan penyewa menyimpan perakuan pendaftaran kenderaan motor apabila permintaan dibuat kepada empunya. Jadi, ini adalah satu hak yang tidak memaksa rakyat dan juga tidak menindas pihak bank misalnya. Jadi, dari segi itu 4(e)(1) ini mesra.

Akan tetapi sebaliknya, merujuk kepada 4(f)(1) dan (2) pula, pindaannya tidak mesra rakyat. Saya kata begitu kerana pindaan ini melarang apa-apa perjanjian sewa beli dibuat berkenaan dengan kenderaan motor yang telah diubah ataupun diubah suai. Saya kira jika sekalipun ada pengubahsuaian, kita harus tidak menghalang jual beli tersebut. Apa yang penting adalah supaya pengubahsuaian itu dimaklumkan kepada penyewa. Jika tidak banyak kenderaan yang telah diubahsuai dan masih dalam kontrak sewa beli, pindaan ini akan menyebabkan banyak masalah yang tidak diperlukan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ialah fasal 8. Fasal 8 ini dapat diterima baik kerana ia boleh menjamin saya harap bahawa penarikan kereta tidak melibatkan penggunaan *bouncer* dan

gengster sebagaimana yang berlaku sekarang ini. Ini adalah suatu yang memang saya rasa pihak pembeli yang terdesak kadang-kadang memang boleh dialu-alukan. Ini kerana kalau tidak berbagai-bagai peristiwa yang ganas boleh berlaku dan ini pernah berlakunya terhadap penyewa dan sebagainya. Kadang-kadang sehingga melibatkan nyawa.

Fasal 13 pula, dinyatakan bahawa perjanjian bertulis hendaklah dicetak dengan dakwat hitam. Di sini saya rasa agak bukan keliru tetapi tertanya-tanya mengapakah perlu dicetak dengan dakwat hitam? Mengapa tidak boleh misalnya dakwat biru atau sebagainya? Bagaimana pula dengan perjanjian kalau dibuat secara dalam format digital? Jadi, saya harap ada penjelasan tentang mengapa ditekankan tentang dakwat hitam ini.

Fasal 18 dan fasal 19 pula, memberikan penolong pengawal kuasa untuk menangkap tanpa waran. Jadi, saya tidak tahu sama ada ini adalah satu amalan yang baik. Ini kerana sebaik-baiknya, penangkapan hendaklah dilakukan dengan waran. Lebih baik juga kalau ada kerjasama dengan polis misalnya yang bertanggungjawab untuk melaksanakan penangkapan tersebut.

Akhir sekali, fasal 26, memberikan kuasa yang saya fikir terlalu besar kepada Yang Berhormat Menteri. Ini kerana Yang Berhormat Menteri misalannya boleh sebagaimana disebutkan di sini, Yang Berhormat Menteri berkuasa untuk membuat peraturan-peraturan berhubung dengan pengeluaran permit berkenaan dengan aktiviti pemilikan semula dan untuk menyatakan penalti. Saya nampak kebanyakan pindaan atau pun undang-undang yang dikemukakan di Parlimen sekarang ini mirip kepada memberikan kuasa yang terlalu besar kepada yang Berhormat Menteri.

Saya rasa seharusnya perkara ini dielakkan kerana lebih baik misalnya diletakkan kuasa ini kepada institusi-institusi yang lebih kekal dan lebih berwibawa dalam masyarakat kita dan dalam pemerintahan. Sekian, terima kasih.

■1240

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Okey, dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

12.40 tgh.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Sewa Beli 1967. Terdapat beberapa isu yang saya ingin kemukakan, pertama berkaitan dengan Akta Sewa Beli melibatkan transaksi yang dibuat oleh Bank Islam dan juga oleh perbankan Islam. Adakah ia juga berada di bawah akta ini atau telah ada akta lain yang telah digubal oleh pihak kerajaan bagi memantau transaksi, melibatkan transaksi sewa beli untuk sistem-sistem dan semua produk-produk yang digunakan di bawah perbankan Islam.

Seterusnya yang kedua, oleh kerana kita melihat pihak kementerian telah pun membuat satu tindakan yang agak ke depan dengan membuatkan *Price Watch* untuk harga-harga barang, tetapi perkara melibatkan sewa beli yang sebenarnya lebih banyak merumitkan rakyat. Adakah

kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu bentuk ataupun mekanisme bagi rakyat boleh mengenal pasti *higher purchase* ataupun sewa beli yang mana yang paling bermanfaat kerana sekarang ini kita melihat bila di *compare* antara bank-bank yang menawarkan ataupun institusi kewangan yang menawarkan pinjaman serta pembiayaan. Kadang-kadang kita *confuse* yang mana sebenarnya yang boleh memberikan faedah kepada rakyat dari segi jangka panjang dan jangka pendek.

Saya cadangkan kepada pihak kerajaan bilamana kita meluluskan pindaan Akta Sewa Beli (1967) ini, untuk merangka satu pelan ataupun perkara yang boleh rakyat *refer* bagi mengetahui bahawa sama ada sewa beli yang mereka terlibat itu adalah sewa beli yang benar-benar adil. Adakah ia juga tertakluk di bawah terma-terma tidak adil yang baru kita luluskan semalam mengenai hak perlindungan pengguna, adakah ia juga termasuk dalam diguna pakai untuk Rang Undang-undang Akta Sewa Beli ini. Itu yang kedua.

Ketiga, banyak isu bila melibatkan Akta Sewa Beli, bila di bawa ke mahkamah, isu yang selalu timbul ialah kadang-kadang pihak yang dikatakan penyewa sebenarnya tidak pernah melakukan transaksi jual beli ini. Ada kes-kes yang melibatkan penipuan dokumen-dokumen.

Oleh yang demikian kerana kita hendak meminda akta ini, saya ingin tanya kepada pihak kerajaan, apakah mekanisme baru yang telah dikenal pasti bagi memastikan orang yang membuat transaksi merupakan pemilik sebenar kad pengenalan ataupun dokumen pengenalan diri yang telah pun ditunjukkan kepada pihak bank mahupun kepada pihak penjual.

Sekiranya boleh dicadangkan saya ingin mencadangkan agar untuk dokumen pengenalan diri ini, mestilah disahihkan dengan dua ataupun tiga lagi dokumen pengenalan diri agar tidak wujud masalah bukan tuan yang sebenar ataupun hanya digunakan IC orang yang telah hilang untuk dijadikan satu dokumen pengenalan diri untuk orang yang membeli mana-mana kereta.

Seterusnya ketiga, berkaitan dengan hak. Apabila kita menyebut tentang sewa beli ia bukan hanya melibatkan tentang kenderaan sahaja tetapi melibatkan juga barang-barang lain. Jadi apabila disebut barang-barang lain kita lihat, kebanyakan *cooling of period* – tempoh bertenang diberikan untuk transaksi melibatkan MLM tetapi untuk transaksi melibatkan sewa beli, saya rasa jarang kita nampak terma-terma *cooling of period* ini diberikan oleh mana-mana institusi kewangan, bagi memastikan bahawa mana-mana pihak yang berhasrat untuk membeli ataupun menyewa boleh memulangkan kembali dalam tempoh tertentu, sekiranya tidak berpuas hati dengan barang-barang yang mereka sewa ataupun mereka sewa beli tersebut. Jadi adakah perkara ini juga akan dimasukkan dalam pindaan yang baru dan kalau belum dimasukkan saya pohon agar perkara-perkara ini diberi perhatian.

Begitu juga dengan isu *misrepresentation*, silap ataupun salah nyata tentang kualiti barang yang digunakan sebagai produk untuk sewa beli ini. Di setengah-setengah negara termasuklah di Ireland, telah dibuat satu undang-undang di mana pihak penjual dan juga institusi

kewangan *the seller and the finance house, jointly and severally liable to answer for purchase of the purchase contract*. Maknanya pihak penjual dan juga pihak *finance house* – institusi kewangan sama-sama bertanggungjawab kepada pihak pembeli ataupun penyewa yang terakhir sekiranya kualiti barang itu tidak sama seperti apa yang digambarkan.

Keadaan ini berlaku bilamana dalam kes tuan punya kereta, syarikat menjual kereta telah menjual kereta kepada *finance house* dan *finance house* jual balik kepada penyewa. Dalam kes ini biasanya yang terjadi ialah penjual yang pertama akan memberikan cerita ataupun penerangan tentang kualiti kereta tersebut tanpa ditemani ataupun tanpa dengan wujudnya orang kedua iaitu *finance house* yang merupakan *legal owner* yang sebenar.

So, dalam kes ini mungkin dalam kes negara kita belum ada kes yang dibuat keputusan. Saya ingin bertanya apakah kedudukan undang-undang di negara kita bagi memastikan penyewa ataupun orang yang membeli terakhir itu mendapat perlindungan undang-undang kerana mendapat silap penerangan daripada pihak penjual ataupun pihak promoter, yang menjualkan mana-mana barang yang mereka jadikan sebagai produk jual beli.

Seterusnya, berkenaan dengan hak penyewa, bila disebut tentang hak penyewa kita selalunya merasakan bila kita membeli sebarang kenderaan ataupun barang yang kita beli menggunakan transaksi sewa beli, kita merasakan itu adalah sepenuhnya hak kita. Akan tetapi di bawah undang-undang selagi mana bayaran terakhir belum dijelaskan oleh pihak penyewa kepada pihak tuan punya maka dari segi undang-undang harta tersebut adalah harta milik *finance house* ataupun milik institusi kewangan tersebut.

Oleh yang demikian, saya pohon juga agar diberikan penerangan kepada rakyat bahawa bila terlibat dengan transaksi sewa beli sebelum pembayaran terakhir dibuat pihak yang menyewa mestilah menjaga kebaikan, menjaga kereta tersebut ataupun barang yang miliki tersebut sebagaimana benda itu milik orang lain kerana itu masih belum lagi kepunyaan mereka secara sepenuhnya. Jadi ini yang berlaku masalah bila timbul masalah untuk transaksi *repossession*. Bilamana pihak bank datang untuk ambil balik kadang-kadang timbul masalah kerana sudah jadi personel, kerana kita rasa kita sudah bayar semua dan kita pemilik.

Sedangkan dari skop ikut sewa beli kita masih belum jadi tuan punya melainkan kita sudah bayar habis. Jadi dalam konteks ini pemahaman tentang 'pemunyaan' ini mesti diuar-uarkan dengan sejelas-jelasnya dan bagaimana hak dan obligasi yang mesti dipegang oleh pihak penyewa juga perlu diuar-uarkan kepada rakyat. Begitu juga saya ingin tanya pada pihak kerajaan, bila disebutkan tadi mengatakan bahawa RM11 bilion itu merupakan 500 daripada transaksi melibatkan sewa beli. Bagaimana pula dengan *business equipment* ataupun alat-alat yang digunakan untuk *business* dan juga *machine* yang digunakan industri.

Dalam negara kita berapa banyakkah jumlah transaksi ataupun apakah barang yang selalunya dijadikan transaksi, yang melibatkan sewa beli yang telah membawa kepada sebahagian besar daripada transaksi sewa beli negara kita. Bagi memastikan segala pindaan

yang kita buat hari ini, saya rasa mungkin pindaan ini agak cantik untuk kita memastikan prosedur mengambil balik harta tersebut menjadi lebih baik. Saya ingin bertanya pada pihak kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk menginstitusikan pihak yang akan mengambil balik, sebagai contohnya kalau dalam insurans kita ada ejen. Jikalau hendak siasat kita ada *adjustor*.

So, dalam kes melibatkan transaksi sewa beli ini kita ada *financial institution*, pembeli, penyewa dan pihak yang hendak *repossess*, maknanya kita wujudkan satu badan. Maknanya badan yang boleh kita selia, kita pastikan bahawa mereka ini adalah satu badan ataupun yang dilantik. Sebagaimana *adjustor* itu dilantik bagi memastikan kita boleh mengawal etika serta prosedur yang kita buat pada hari ini benar-benar dipatuhi oleh orang yang akan mengambil balik harta daripada penyewa yang telah pun membayar sebahagian besar daripada kos sewaan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

12.48 tgh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya mohon untuk kemukakan soalan sambil memberi saranan. Pertama, saya rasa setakat ini tidak ada sejenis ringkasan daripada perjanjian sewa beli ini. Jadi kalau diadakan - kerana bahasa sewa beli ini adalah bahasa yang terlalu *legal*, bahasa undang-undang yang sukar difahami oleh rakyat biasa.

Saya rasa ada baiknya kalau diadakan sejenis dengan izin, *executive summary* untuk tiap-tiap perjanjian itu dan terutama menjelaskan hak si pengguna. Apa yang si pengguna boleh tuntutan bersabit dengan perjanjian itu, iaitu *provision* yang terkandung di dalam perjanjian itu. Kadang-kadang ada hak pengguna yang terlindung dalam huruf-huruf halus dalam perjanjian itu, sama ada perjanjian itu ditulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

Oleh kerana itu perkara-perkara yang *salient* dalam perjanjian itu dengan izin, diringkaskan dalam bentuk dengan izin sekali lagi, *executive summary* di muka atau di halaman belakang sebagai appendix kepada perjanjian itu. Kemudian mengenai bahasa telah disentuh dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat rakan-rakan yang lain. Saya juga ingin merakamkan sokongan saya supaya bahasa kebangsaan diberi keutamaan sewajarnya dalam perjanjian-perjanjian ini. Bahasa Inggeris hanya hendak anggap sebagai appendix sahaja, sebab kita dapati sekarang kebanyakan, seakan-akan bahasa Inggeris itulah yang menjadi bahasa yang utama dalam perjanjian-perjanjian ini.

■1250

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua saya juga mohon sekiranya nanti dalam penggulangan pihak kerajaan dapat menjelaskan data tentang bilangan perincian ataupun perangkaan tentang bilangan kereta-kereta yang diambil kembali dan nilainya, dan bilangan orang yang berulang-ulang menghadapi kalau ada mengalami pengambilan kembali kereta yang

dibelinya daripada yang tidak sanggup membeli. Ini saya rasa hanya untuk memberi sedikit gambaran bagaimana keadaannya sekarang dalam soal jual beli yang melibatkan berhutang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tidak ada lagi yang hendak berbahas dipersilakan, silakan Yang Berhormat.

12.51 tgh.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tidak berapa banyak hanya satu ataupun dua perkara sahaja yang hendak ditambah daripada yang telah dikatakan. Saya ingin menambah daripada ucapan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus berkait sama dengan perjanjian ini. Pertama sekali tulisannya sudahlah halus, tidak nampak, keduanya berkait sama dengan terlalu banyak sangat tulisan itu sehingga semasa membeli itu ejen-ejen ini kata sains sahaja. Jadi si pengguna ini kebayakannya tandatangan sahaja tanpa membaca hak-hak tadi. Oleh itu saya menyokong dari segi kalau diadakan satu *summary* ringkasan hak-hak kepada pembeli tadi. Dalam erti kata ianya mengetahui apakah hak yang ada kepadanya dan apakah yang tidak ada dan yang manakah sepatutnya diikuti dan dipatuhi.

Keduanya ialah dari segi kemudahan yang begitu banyak sekarang ini, saya ingin menyentuh juga dari segi akta ini mungkin ianya baik, tetapi dari satu sudut dalam kita menunjukan kepada kemajuan, kemudahan-kemudahan jual sewa beli ini, *hire purchase* ini begitu mudah sehingga terlalu banyak kereta yang ada di dalam negara kita ini menyebabkan beberapa perkara yang ada kaitan mungkin tidak ada kaitan dengan akta ini, tetapi berkaitan dengan aktiviti kehidupan kita.

Pertama sekali dari segi kesihatan banyak *compulsion*, dengan izin yang berlaku, kedua dari segi banyaknya *stress* dengan *traffic jam* yang ada di merata-rata tempat. Tidak usah kira di Kuala Lumpur malah di lebuhraya sekali pun. Ketiga dari segi kemalangan. Inilah kaitan-kaitan daripada *hire purchase* yang begitu senang mungkin dan akta ini mungkin mengurangkan lagi orang-orang yang layak membeli itu dipertingkatkan supaya setidaknya-tidaknya *change reaction* daripada akta ini ada berlaku dengan keadaan-keadaan kehidupan seharian kita.

Akhir sekali saya ingin menyokong rang undang-undang ini supaya ianya akan diberikan perhatian yang lebih saksama kepada pengguna dalam kita merealisasikan menuju kepada kemajuan yang telah kita idam-idamkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah sekali lagi. Ini akhir. Ada yang hendak bercakap sila bangun dahulu? Tidak ada ya, silakan Yang Berhormat.

12.53 tgh.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sentuh sedikit sahaja. Pertama perubahan-perubahan ataupun pindaan-pindaan yang dilakukan oleh pihak kementerian memang kita alu-alukan dan kita ucapkan setinggi-tinggi tahniah dalam usaha kita untuk melindungi hak-hak pengguna terutama perubahan dalam *clause 7*, *clause 8*,

clause 9 dan *clause 10*. Di mana ini betul-betul melindungi hak pengguna apabila seseorang peminjam itu tidak menjelaskan bayaran *installment* dengan tuan punya. Hari ini saya juga menyokong cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan berhubung dengan transparansi sebagai seorang peminjam.

Oleh kerana kita tahu apabila seseorang itu membeli sebuah kereta apa yang terbayang dalam kepala dia semasa dia hendak meminjam adalah berapa cepat kereta boleh keluar. Dia tidak akan tanya betul-betul berapa kos sampingan, *hidden cost* dan dia juga tidak akan tanya secara detil berapa bayaran balik, berapa lama dan juga tidak tanya berapa dia punya kadar pembiayaan. Apabila dihulurkan apa juga borang, dia akan tanda tangan sampai empat belas kali tanda tangan dan borang itu pula borang kosong kadang-kadang ada masanya, itu saya tidak nafikan.

Ada institusi-institusi kewangan yang tidak mengikut garis panduan yang melakukan demikian. Elok cadangan Yang Berhormat tadi supaya borang itu dicetak dengan lebih besar bahasanya lebih mudah. Penggunaan bahasa Malaysia sahaja tidak mencukupi kerana bahasa dalam bahasa Malaysia pun juga buat kita tidak faham. Jadi penggunaan bahasa yang lebih *simple* atau mudah saya rasa lebih bermanfaat.

Keduanya implikasinya hari ini adalah kepada pihak pengedar kereta sebenarnya, kerana di samping pihak bank ataupun pemunya kepada pengedar kereta juga ada implikasinya, kerana hari ini bayaran deposit ataupun *booking fees* itu bayar *direct* kepada bank dan ini juga akan melemahkan *cash flow* kepada pihak pengedar kereta. Ini juga harus dibantu kerana bukan semua pengedar kereta berkemampuan sekiranya jumlah kereta yang dia kena edarkan pada satu-satu ketika itu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting hendak saya tekankan ialah hari ini kita berkata berhubung dengan Akta Sewa Beli 1967 yang hendak kita pinda. Akan tetapi sedarkah kita bahawa hampir 20% pembiayaan dalam sistem kewangan hari ini adalah dalam pembiayaan secara Islam. Pihak industri telah memperjuangkan Akta Sewa Beli secara Islam sejak di awal tahun 90-an lagi. Hari ini pembiayaan secara Islam dibuat menggunakan akta konvensional yang mana banyak unsur konvensional yang terpaksa diterima pakai dalam pembiayaan Islam. Umpamanya apabila seseorang itu dalam *statement of claims* sekiranya ada tuntutan misalnya dibawa kepada mahkamah masih lagi terpaksa ikut jadual *statement of claims* yang disediakan dalam akta 1967 ini yang berpaksikan kepada riba.

Bayangkan kita menggunakan sistem perbankan Islam kita masih lagi menggunakan terma-terma yang berpaksikan kepada riba dan banyak lagi. Jadi oleh itu, oleh kerana sudah ada hasrat *indication* yang baik daripada kementerian untuk menggerakkan ke arah pengenalan Akta Sewa Beli secara Islam ini minta dipercepatkan supaya pembiayaan Islam yang saya rasa sudah lebih atau hampir RM10 bilion dalam sistem pembiayaan Islam yang menggunakan Hire

Purchase Act 1967 ini. Ini hendak kita pelihara, jadi untuk itu saya mohon menyokong. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada satu makluman yang ingin saya beri pengumuman iaitu sukacita saya maklumkan agar semua Ahli Yang Berhormat adalah dijemput ke Jamuan Perpisahan Ahli Dewan Negara pada jam 1.00 selepas ini di Dewan Banquet Parlimen. Semua Ahli Yang Berhormat adalah dijemput. Oleh kerana masa telah sampai ke jam 1.00 dengan ini saya tangguhkan mesyuarat kita dan akan bersambung semula pada jam 2.30 petang ini. Terima kasih. Menteri akan menjawab selepas inilah. Terima kasih. *Assalaamualaikum.*

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya bagi pihak kementerian ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Sewa Beli ini.

Pertamanya saya ingin menyentuh isu *repossession* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat berhubung isu rasional diadakan peruntukan kondisi 75% sebelum aktiviti *repossession* dilaksanakan. Berdasarkan pada peruntukan sedia ada iaitu seksyen 16, aktiviti pengambilan semula boleh dijalankan sekiranya penyewa gagal membayar ansuran yang telah ditetapkan dalam tempoh masa 21 hari yang diperuntukkan tamat. Walau bagaimanapun, tidak dinyatakan dengan jelas kegagalan tersebut berada di peringkat awal pembayaran, pertengahan ataupun akhir.

Sehubungan dengan itu, pindaan ke atas seksyen 16 yang baru, diperkemas dengan memasukkan tempoh masa yang sesuai iaitu dengan menggunakan *threshold 75%* dengan justifikasi bahawa kedua-dua pihak mempunyai kepentingan untuk mendapatkan balik apa-apa bayaran sekiranya kenderaan yang diambil dijual atau dilelong pada harga pasaran.

Untuk menjawab Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati berkaitan dengan isu mengapa kadar faedah berbeza antara kenderaan tempatan dan import, di bawah peruntukan sedia ada iaitu seksyen 6(a), pengguna diberikan pilihan untuk memilih sama ada menggunakan kadar faedah tetap atau kadar faedah boleh ubah dalam caj-caj terma perjanjian sewa beli.

Walau bagaimanapun, penetapan kadar faedah kenderaan tempatan atau yang diimport tidak tertakluk di bawah akta ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat juga telah membangkitkan isu berhubung dengan tempoh masa yang diperuntukkan untuk penyelesaian bayaran pinjaman terlalu lama dan sama ada ianya perlu diseragamkan.

Untuk menjawab soalan ini, untuk makluman Yang Berhormat, tempoh masa penyelesaian pinjaman di bawah perjanjian sewa beli sebenarnya adalah tertakluk atau bergantung kepada budi bicara dan perbincangan antara bakal penyewa dan pihak pemunya iaitu bank. Namun begitu, pihak penyewa berhak untuk berunding dengan pihak pemunya untuk menjadualkan semula pembayaran sekiranya penyewa tidak mampu menanggung kos ansuran bulanan di bawah seksyen 15 Akta Sewa Beli 1967. Selain itu, penyewa juga mempunyai pilihan untuk membuat penamatan awal dengan menghantar barang atau kenderaan kepada pemunya semasa waktu bekerja.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz telah pun membangkitkan isu yang berkaitan dengan sama ada kerajaan ingin mengadakan peruntukkan tentang *cooling period* di dalam perjanjian sewa beli.

Di dalam perjanjian sewa beli sedia ada ini, penyewa telah diperuntukkan perlindungan di bawah seksyen 7 di mana syarat-syarat dan *warranty* ke atas barangan dinyatakan secara jelas di bawah peruntukan tersebut. Justeru, Kementerian berpandangan adalah kurang sesuai untuk diadakan peruntukan berhubung dengan tempoh masa *cooling period* diadakan di bawah akta ini.

Selain itu, melalui pindaan yang baru di bawah seksyen 4G, mewajibkan mana-mana pihak yang ingin memasuki perjanjian sewa beli untuk mengisytiharkan secara bertulis sebarang kecacatan yang ada pada kenderaan tersebut sebelum ia memasuki perjanjian berkenaan. Oleh yang demikian, bakal pemilik kenderaan seterusnya akan terlindung daripada sebarang penipuan terhadap kondisi kenderaan yang akan dibeli. Kegagalan mematuhi peruntukan ini juga merupakan satu kesalahan di bawah akta ini.

Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat juga telah pun membangkitkan isu berhubung dengan cadangan agar diadakan peruntukan atau mensyaratkan agar diwajibkan pihak penyewa mengambil insurans peribadi atau kenderaan secara bersekali.

Di bawah seksyen 26 akta sedia ada ini, kenderaan motor yang terkandung di dalam perjanjian sewa beli wajib diambil insurans di sepanjang tempoh perjanjian tersebut berjalan. Walau bagaimanapun, mungkin akta sedia ada tidak mewajibkan penyewa untuk mengambil insurans peribadi iaitu nyawa memandangkan ia adalah merupakan pilihan kepada pihak penyewa sendiri sama ada untuk menginsuranskan diri sendiri ataupun tidak.

Yang Berhormat Senator Zaitun juga telah pun membangkitkan tentang seksyen 4A – kenapa menggunakan bahasa kebangsaan dan bukan bahasa Melayu. Bahasa kebangsaan adalah diguna pakai di dalam rang undang-undang ini agar ia selaras dengan peruntukan di

bawah Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa bahasa Kebangsaan adalah bahasa Melayu. Selain itu, ia juga selaras dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32).

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga telah pun membangkitkan transaksi melibatkan mesin-mesin iaitu *business equipment* dengan izin, sama ada terpakai di bawah Akta Sewa Beli.

Akta Sewa Beli terpakai kepada barang-barang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama Akta Sewa Beli 1967 iaitu untuk semua barangan pengguna, kenderaan-kenderaan orang sakit, motosikal-motosikal, motokar-motokar termasuk teksi-teksi dan motokar sewa, kenderaan-kenderaan barang di mana berat muatan maksimum yang dibenarkan tidak melebihi 2,540 kilogram dan bas-bas termasuk bas-bas panjang.

■1440

Namun demikian, terdapat juga *case law*, dengan izin, di mana mahkamah memutuskan bahawa walaupun sesuatu kenderaan itu tidak termasuk dalam senarai di atas tetapi jika kedua-dua pihak iaitu pemunya dan penyewa bersetuju untuk tertakluk di bawah akta ini, akta ini akan terpakai kepada transaksi tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus Abdullah juga membangkitkan isu berhubung dengan kuasa Menteri yang dikatakan terlalu luas di dalam akta sedia ada. Begitu juga untuk menjawab soalan Yang Berhormat Syed Musa Ali. Kuasa Menteri yang diperuntukkan di bawah seksyen 57, Akta Sewa Beli 1967 adalah berkait rapat dengan kuasa bagi mengadakan apa-apa peraturan berhubung kait dengan pengawalseliaan aktiviti sewa beli di dalam negara. Sehubungan itu, di dalam cadangan pindaan yang diperuntukkan di bawah seksyen yang sama, kuasa Menteri di bawah peruntukan ini lebih menjurus kepada mengadakan apa-apa peruntukan yang bersesuaian, berkait rapat dengan pemberian permit dan tatacara penarikan semula kenderaan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus Abdullah juga telah pun membangkitkan tentang bilangan dan nilai kenderaan yang diambil secara tarik balik di bawah akta ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian pada ketika ini tidak mempunyai maklumat khusus berhubung dengan data bilangan kenderaan yang ditarik balik di bawah akta ini. Namun kementerian akan mengemukakan jawapan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Yang terakhirnya ialah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb tentang cadangan bagi mengadakan Akta Sewa Beli Islam. Kementerian mengambil maklum akan cadangan dan saranan agar diadakan suatu akta bagi mengawal selia perjanjian sewa beli Islam di dalam negara kita. Kementerian pada ketika ini sedang di peringkat pendrafan dan penggubalan akta tersebut.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan sekiranya ada isu-isu yang tidak dijawab, kita akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal 1 hingga 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ANTIPEMERDAGANGAN ORANG (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.46 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah diluluskan pada 24 April 2007 dan telah berkuat kuasa sepenuhnya pada 28 Februari 2008. Semenjak akta ini dikuatkuasakan sehingga 23 Julai 2010, seramai 484 orang mangsa pemerdagangan orang telah diselamatkan dan diberikan perintah perlindungan di bawah seksyen 51(3) akta tersebut. Walau bagaimanapun, senario semasa sering mengaitkan jenayah pemerdagangan orang dengan jenayah penyeludupan migran tetapi akta sedia ada tidak mempunyai peruntukan khas untuk menghukum kesalahan-kesalahan berkaitan dengan penyeludupan migran.

Justeru, Akta Antipemerdagangan Orang 2007 menuntut supaya peruntukan khas diwujudkan untuk menangani jenayah penyeludupan migran. Adalah dicadangkan supaya Akta

Antipemerdagangan Orang 2007 dipinda untuk menjadikan ia lebih komprehensif bagi memperkukuhkan rangka kawal selia untuk menangani isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, era globalisasi telah menyebabkan gejala jenayah rentas sempadan semakin berleluasa pada masa kini. Kemajuan dalam bidang pengangkutan, teknologi dan komunikasi telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh sindiket-sindiket untuk menyembunyikan aktiviti-aktiviti haram mereka daripada dikesan dengan mudah oleh pihak berkuasa. Mereka ini juga amat cepat dan cekap untuk mengeksploitasi kesengsaraan manusia akibat kemelesetan ekonomi, kemiskinan, bencana alam, peperangan, persengketaan bersenjata, konflik dalaman dan lain-lain keadaan untuk menawarkan peluang bagi melepaskan diri dan berpindah ke negara lain sama ada secara sah mahupun secara haram.

Dalam hal yang sedemikian, kegiatan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran kini merupakan masalah yang kian meningkat bagi rantau Asia Tenggara memandangkan negara-negara berkenaan merupakan jalan pengantaraan yang paling senang ditembusi untuk tiba ke negara-negara ketiga seperti Australia, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah. Kesukaran memantau persempadanan Malaysia yang panjang dan kurang berpenghuni telah menyumbang kepada pilihan Malaysia sebagai negara transit yang strategik oleh sindiket-sindiket haram ini.

Maka, dalam pindaan ini adalah dicadangkan semua orang sama ada di dalam ataupun di luar Malaysia tanpa mengira kerakyatan mereka dan sama ada negara yang terlibat adalah negara transit atau negara penerima, boleh diambil tindakan di bawah akta ini.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat antarabangsa kini menyedari adalah sukar untuk mana-mana negara menangani masalah pemerdagangan orang dan penyeludupan *migrants* secara persendirian. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif telah diusahakan untuk menggalakkan kerjasama di kalangan semua negara. Pada tahun 2000, Konvensyen PBB Terhadap Jenayah Rentas Sempadan - *United Nation Convention Against Transnational Organize Crime* (UNTOC) telah dimuktamadkan bersama dua protokol khusus tentang pemerdagangan orang dan penyeludupan *migrants* iaitu *optional Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons, Especially Women and Children (TIP Protocol)* dan *Protocol against the Smuggling of Migrants by Land, Sea and Air (Protocol on Smuggling of Migrants)*.

Konvensyen tersebut telah mula berkuat kuasa pada 29 September 2003, dan protokol-protokol itu mula berkuat kuasa masing-masing pada 25 September 2003 dan 28 Januari 2004. Konvensyen dan protokol-protokol tersebut secara khusus menghendaki semua negara parti menjadikan pemerdagangan orang dan penyeludupan *migrants* kesalahan khusus di negara masing-masing. Sebagai tambahan, konvensyen itu mewujudkan Rejim Undang-Undang Khusus

atau *Stand Alone Legal Regime* bagi kerjasama antarabangsa melalui ekstradisi dan bantuan bersama dalam perkara jenayah. Yang boleh digunakan sebagai asas kerjasama sekiranya negara parti tidak mempunyai undang-undang atau triti khusus untuk membolehkan kerjasama sedemikian. Malaysia telah meratifikasikan UNTOC pada 24 September 2004 dan menyertai *TIP Protocol* pada 26 Februari 2009.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud melaksanakan obligasi Malaysia di bawah *TIP Protocol* serta mewujudkan satu mekanisme menyeluruh dan mantap untuk menangani masalah pemerdagangan orang di Malaysia. Akta Antipemerdagangan Orang 2007 atau akta 670 telah digubal dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Akta ini telah dikuatkuasakan secara berperingkat dengan Bahagian I dan II akta mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2007, dan bahagian-bahagian lain pula berkuat kuasa pada 28 Februari 2008. Akta ini juga memperuntukkan secara khusus dan menyeluruh kesalahan pemerdagangan orang dan hukuman bagi kesalahan-kesalahan ini serta mewujudkan rangka perlindungan di bawah Bahagian V.

Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO) diwujudkan di bawah akta ini dan dipertanggungjawabkan bagi menyelaras pelaksanaan peruntukan yang termaktub, merumuskan dasar dan program bagi menghalang dan mencegah jenayah pemerdagangan orang termasuk program-program memberi bantuan kepada orang yang diperdagangkan. Merangka program-program perlindungan dan memulakan program-program pendidikan untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran awam terhadap punca serta impak negatif perbuatan pemerdagangan orang.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam tempoh dua tahun lima bulan akta 670 dikuatkuasakan, pelbagai cabaran dihadapi oleh pihak penguatkuasaan termasuk keadaan di mana kesukaran dihadapi untuk mengenal pasti dan membezakan orang yang diperdagangkan dengan *self-traffic person* dengan izin, iaitu orang yang secara sukarela membenarkan dirinya dibawa ke Malaysia dan dieksploitasi demi untuk mendapatkan pendapatan lebih lumayan. Masalah ini menjadi lebih kompleks apabila buruh asing yang datang secara sah didera atau dieksploitasi bagi tujuan lain daripada tujuan asalnya dan terpaksa dikategorikan sebagai orang yang diperdagangkan. Satu lagi kategori tambahan yang terpaksa kita tangani ialah pendatang asing khususnya daripada golongan pelarian yang telah dieksploitasi oleh pelbagai pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Imigresen 1959 atau akta 155 pula terpakai hanya setakat yang berhubung dengan isu imigresen dan kawalan keluar dan masuk ke Malaysia dan tidak digubal secara khusus untuk menangani masalah penyeludupan *migrants*, tanpa kesalahan khusus tentang penyeludupan orang khususnya oleh sindiket-sindiket jenayah dan hukuman setimpal baginya. Tindakan hanya dapat diambil terhadap pendatang asing, khususnya atas kesalahan ketiadaan dokumen perjalanan sah dan tindakan susulan untuk *deportation* mereka.

Tindakan pendakwaan sukar dan jarang dilaksanakan terhadap penyeludup ini sendiri mahupun tekong dan orang lain yang bersubahat dalam perbuatan jenayah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di atas fakta-fakta inilah kerajaan merasakan adalah perlu satu peruntukan khas bagi menangani jenayah penyeludupan *migrants* diwujudkan supaya sindiket serta individu yang terlibat dalam menyeludup *migrants* tidak terlepas daripada tindakan penguatkuasaan. Kerajaan juga prihatin dan peka terhadap suara, pandangan dan permintaan negara-negara destinasi dan pertubuhan bukan kerajaan, agar Malaysia memperhebatkan usaha melindungi mangsa yang diperdagangkan serta mengambil tindakan tegas terhadap penyeludup-penyeludup berkenaan.

Menyentuh isu berkaitan dengan pemerdagangan buruh pula. Di dalam pindaan ini, kerajaan telah mencadangkan supaya pegawai tenaga kerja dilantik sebagai pegawai penguat kuasa dengan kuasa untuk menjalankan penyiasatan bagi apa-apa kesalahan di bawah akta ini. Pegawai tenaga kerja yang dimaksudkan adalah pegawai tenaga kerja yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Kerja 1955 atau akta 265, atau seksyen 3 Ordinan Buruh (Sabah) Bab 67, atau seksyen 3 Ordinan Buruh (Sarawak) Bab 76.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada fakta-fakta di atas, terdapat beberapa asas pertimbangan yang lain untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini di dalam membahaskan pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang 2007 yang mana termasuk:

- (i) menjadikan akta sedia ada ini lebih komprehensif dalam menangani jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Tindakan yang lebih bersepadu dapat diambil memandangkan kedua-dua jenayah ini mempunyai hubungan yang amat rapat dan saling berkaitan, khususnya dalam konteks eksploitasi buruh asing dan *migrants*;
- (ii) usaha untuk menyelesaikan isu-isu yang mengaitkan Malaysia sebagai sebuah negara transit. Ini kerana individu atau pihak-pihak yang membantu menyeludup masuk *migrants* ini ke Malaysia juga akan dikenakan hukuman selain hukuman kepada *migrants* yang masuk ke Malaysia secara tidak sah;
- (iii) memperluaskan fungsi dan peranan MAPO termasuk untuk memantau *modus operandi* iaitu kaedah dan cara kemasukan *migrants* ke Malaysia dan juga pergerakan mereka di dalam negara. Pemantauan ini akan membantu agensi-agensi berkaitan mengambil tindakan selanjutnya untuk membanteras kegiatan penyeludupan *migrants*;
- (iv) memperkukuhkan kemampuan MAPO dengan penambahan dua ahli majlis di kalangan pertubuhan kerajaan (NGO) yang mempunyai kepakaran di dalam anti penyeludupan *migrants*; dan

- (v) meningkatkan kadar penalti yang dikenakan ke atas individu serta pertubuhan yang terlibat dalam pemerdagangan orang serta penyeludupan *migrants*. Ia lebih berat berbanding hukuman di bawah seksyen 55A Akta Imigresen 1959; hukum berkaitan penyeludupan *migrants* sahaja;

Tempoh masa pindaan akta ini yang lebih segera berbanding tempoh masa berbanding tempoh masa Akta Imigresen yang lebih lama.

■1500

Di samping itu, ia bertujuan untuk mengurangkan kelemahan pada pelaksanaan serta penguatkuasaan Akta Imigresen yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Anti-Pemerdagangan Orang (Pindaan) 2010 ini akan meliputi pindaan pada peruntukan sedia ada berkaitan dengan pemerdagangan orang. Selain itu, bahagian khusus iaitu Bahagian IIIA akan dimasukkan untuk menangani masalah penyeludupan migran serta menyediakan penalti yang berat ke atas penyeludupan migran. Pindaan-pindaan lain adalah berkaitan, kenaikan penalti, pelantikan pegawai tenaga kerja sebagai pegawai-pegawai penguat kuasa, bidang kuasa Mahkamah Sesyen untuk merakamkan keterangan mangsa, kuasa untuk mengeluarkan perintah perlindungan sementara (IPO) serta pemakaian akta yang melibatkan bukan sahaja negara penerima tetapi juga negara transit. Sebagai huraian:

Fasal 1 mengandungi peruntukan mengenai tajuk ringkas akta dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh bagi permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda tajuk panjang akta untuk melanjutkan ruang lingkup akta untuk merangkumi penyeludupan migran.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda tajuk ringkas akta untuk merangkumi penyeludupan migran.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 2 akta untuk memasukkan beberapa takrifan baru dan meminda beberapa takrifan yang sedia ada.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 3 akta untuk menjelaskan bahawa akta itu terpakai bagi semua orang di dalam atau di luar Malaysia walau apa pun kerakyatan atau kewarganegaraannya dan sama ada negara yang terlibat merupakan negara transit atau negara penerima.

Fasal 6 sehingga fasal 9 membuat pindaan am kepada Bahagian II akta untuk meluaskan fungsi Majlis Anti-Pemerdagangan Orang (MAPO) untuk meliputi penyeludupan migran.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 15 akta untuk meningkatkan penalti.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 15A mengenai kesalahan berhubungan dengan orang yang diperdagangkan yang dalam transit.

Fasal 12 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 17A untuk memperuntukkan bahawa bagi maksud membuktikan kesalahan pemerdagangan orang. Bukti bahawa orang yang telah diperdagangkan telah dieksploitasi adalah diutamakan daripada pergerakan atau pengangkutan orang yang diperdagangkan itu.

Fasal 13 dan fasal 14 bertujuan untuk menjelaskan bahawa seksyen 23 dan seksyen 25 akta terpakai juga bagi negara transit.

Fasal 15 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru IIIA iaitu seksyen 26A sehingga 26K mengenai penyeludupan migran. Bahagian baru IIIA ini bertujuan untuk menangani penyeludupan migran sebagai suatu aktiviti jenayah yang tersendiri yang berasingan daripada aktiviti sah atau haram yang dilakukan oleh migran itu sendiri untuk masuk atau keluar dari Malaysia. Seksyen 26A sehingga 26K secara khususnya menjadikannya kesalahan untuk menjalankan penyeludupan migran untuk membawa migran yang diseludup dalam transit untuk mendapatkan keuntungan daripada penyeludupan migran, melakukan perbuatan untuk membolehkan penyeludupan migran seperti mengadakan dokumen palsu, kemudahan atau tempat bertemu, perkhidmatan atau kemudahan kewangan, menyembunyikan atau melindungi migran yang diseludupi atau penyeludup dan mengangkut migran yang diseludup dan kesemua kesalahan tersebut diberi kuat kuasa luar wilayah untuk mengambil kira hakikat bahawa penyeludupan migran adalah jenayah yang merentas sempadan.

Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 27 akta untuk memasukkan pegawai tenaga kerja sebagai pegawai penguat kuasa akta.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda subseksyen 35(2) akta untuk menjelaskan mengenai penggunaan pernyataan saksi untuk mencabar kebolehpercayaannya.

Fasal 18 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru iaitu 41A untuk menjelaskan bahawa Bahagian V Akta (Jagaan dan Perlindungan Orang Yang Diperdagangkan) tidak terpakai bagi migran yang diseludup melainkan jika migran yang diseludup itu ialah orang yang diperdagangkan.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda subseksyen 44(2) akta untuk mewajibkan majistret mengeluarkan perintah perlindungan sementara sekiranya pegawai penyiasat mengesyaki secara munasabah bahawa orang yang ditahan dalam jagaan sementara ialah orang yang diperdagangkan.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda seksyen 51(2) akta untuk menjelaskan bahawa satu laporan bersama dikehendaki daripada pegawai penguat kuasa dan pegawai perlindungan.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda seksyen 52 akta untuk menukar bidang kuasa daripada Mahkamah Majistret kepada Mahkamah Sesyen.

Fasal 22 bertujuan untuk meminda seksyen 58 untuk melanjutkan pemakaiannya kepada migran yang diseludup.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 61A mengenai penerimaan masuk deposisi orang yang diperdagangkan dan migran yang diseludup sekiranya beliau tidak dapat dijumpai.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda seksyen 63 untuk membuat peruntukan bagi penalti yang boleh dikenakan atas pertubuhan perbadanan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah akta. Penalti yang lebih berat bagi pesalah berulang dan juga bagi pesalah yang bertindak secara bersama untuk melakukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, gejala pemerdagangan orang dan penyeludupan migran mempunyai kesan secara langsung di Malaysia disebabkan Malaysia merupakan negara transit dan negara destinasi dalam kedua-dua hal tersebut. Penglibatan sindiket jenayah dalam kedua-dua aktiviti ini serta peningkatan permintaan bagi perkhidmatan yang disediakannya menjadikan kedua-dua aktiviti ini amat menguntungkan sindiket-sindiket tersebut. Tambahan pula wujud risiko pengesanan yang rendah dari agensi penguatkuasaan tempatan.

Oleh hal yang demikian, kerangka undang-undang Malaysia perlu diperkukuhkan dengan segera untuk membolehkan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya diambil dengan kadar segera sebagai amaran yang sewajarnya diambil dengan kadar segera. Ia merupakan sebagai amaran dan juga pengajaran yang berkesan terhadap jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumar.

3.09 ptg.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang untuk saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Akta Pemerdagangan Orang 2007. Tuan Yang di-Pertua, saya anggap aktiviti pemerdagangan orang ini adalah satu perbuatan yang amat keji dan terhina dalam kehidupan manusia di muka bumi ini.

■1510

Aktiviti memperdagangkan manusia ini telah wujud sejak lahirnya insan manusia di muka bumi ini di mana manusia menggunakan manusia untuk kepentingan seseorang dalam mengharungi kehidupan. Saya menyeru semua pihak agar bergabung tenaga, kemahiran serta kecerdikan bagi membanteras perbuatan yang terhina ini.

Di saat kita membincangkan perkembangan pesat dan keghairahan terhadap pembangunan sekarang sama ada sedar atau tidak kita sebenarnya melahirkan manusia yang bingung dan keliru kerana semakin rancak pembangunan fizikal yang dirancang dan dilaksanakan maka semakin rancak pula keruntuhan nilai kemanusiaan yang berlaku. Mengapakah boleh terjadi yang sedemikian, sedangkan agama mengajar jalan yang mulia dan ikhlas telah banyak diperkatakan oleh orang sejak kebelakangan ini.

Antara banyak penyebabnya yang menjadi perkara pokok, yang menjadi penyumbang utama ialah manusia kini sudah melupakan amanah yang dipikul ke atasnya dan lantas manusia melupakan asal usul kewujudannya. Tuan Yang di-Pertua, fasal 10 menyentuh tentang hukuman yang dikenakan terhadap orang salah. Saya menyeru agar kerajaan dapat meneliti lebih mendalam lagi dari segi hukuman, di mana saya percaya RM50,000 itu adalah amat kecil sekali apabila ianya menyentuh tentang kebebasan dan hak manusia.

Saya cadangkan agar denda yang dikenakan itu dinaikkan kepada RM500,000 dan semua harta termasuk akaun bank ini dapat disita. Kita sedar perkara ini agak sukar dilaksanakan tetapi saya percaya ianya bergantung pada komitmen Menteri di kalangan negara-negara yang bersamaan dalam hal ini. Fasal 11 pula mencerminkan pencegahan agar rakyat tidak terlibat dalam aktiviti diperdagangan orang. Saya menyambut baik fasal ini dan cadangkan fasal ini dapat diperluaskan agar semua masyarakat dapat menghayati maksud fasal tersebut.

Kesedaran adalah satu jalan pencegahan dan harap kementerian menguar-uarkan maksud tersebut. Fasal 12 pula mewujudkan satu rencana di mana bukti pergerakan atau pengangkutan orang yang diperdagangkan menjadi pilihan. Jika pihak pendakwa gagal membuktikan seperti maksud di atas tetapi berjaya membuktikan manusia telah dieksploitasi, ianya sudah memadai.

Saya percaya dengan kewibawaan serta kepakaran kita ada, ianya bukanlah susah sangat dalam mengumpul bukti-bukti agar orang yang dituduh itu tidak terlepas dari semua aspek undang-undang yang digariskan ini. Tuan Yang di-Pertua...

Apabila hidup membelakangi syarak

Di dunia binasa, di akhirat rosak

Iman tidak ada, lagu tidak sedap

Disebut manusia tidak layak.

Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang memberi saya ruang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Manusia 2007.

Saya hendak terus kepada *direct point* sahaja, pertamanya mengenai kelewatan proses penghakiman. Kelewatan proses penghakiman dikenal pasti punca banyak kes pemerdagangan manusia di negara ini belum dapat diselesaikan, sekali gus menyukarkan usaha membendung jenayah itu yang berleluasa kini. Difahamkan daripada keseluruhan 308 kes dilaporkan sejak tahun 2008 dan 2009, hanya 27 kes sahaja yang berjaya diselesaikan setakat ini manakala selebihnya masih di peringkat perbicaraan dan juga termasuk proses pertuduhan.

Saya ingin mohon statistik sebenar kes yang dilaporkan sehingga suku kedua tahun 2010 dan berapakah kes yang sedang dan berjaya diselesaikan. Dalam kaedah ini, sejauh manakah keberkesanan mahkamah khas dan juga mahkamah malam bagi proses pertuduhan serta bicara kes yang berkaitannya seperti dilakukan bagi pelbagai kes jenayah serius di seluruh negara sebelum ini. Berapakah kes yang berjaya diselesaikan oleh mahkamah-mahkamah ini? Dari segi penguatkuasaan yang membabitkan Polis Diraja Malaysia, kastam, imigresen dan Maritim Malaysia kita memang tiada masalah begitu juga proses pendakwaan oleh Jabatan Peguam Negara.

Akan tetapi terlalu banyak badan dan agensi akan membuatkan penguatkuasaan menjadi *overlap* dan bertindih kuasa antara agensi. APMM diberi *budget* yang tinggi serta anggota yang mencukupi untuk mengawal persisiran pantai kita. Saya masih hairan walaupun begitu, masih lagi terdapat tekong-tekong yang masih menggunakan pukot pancung, menggunakan bot lama dan usang, tiadanya teknologi moden tetapi masih berjaya membolosi masuk ke Malaysia.

Saya faham Malaysia mempunyai persekitaran pantai yang luas tetapi teknologi radar dan GPS yang canggih oleh APMM, Pasukan Gerakan Marin pasti dapat mengesan aktiviti ini. Kita lihat akan kedudukan negara dalam Laporan Senarai Pemerhatian Pemerdagangan Manusia (TIP), Jabatan Negara Amerika Syarikat. Malaysia baru naik ke taraf *tier* dua daripada *tier* tiga berbanding dengan tahun 2008, hasil daripada kesungguhan memerangi kegiatan ini. Justeru tidak mustahil kita boleh mencapai *tier* satu jika kita ada usaha daripada semua pihak.

Soalan saya ialah apakah signifikannya kedudukan ini di mata kita dan apakah kita memandang serius kedudukan ini? Pernahkah Malaysia mempersoalkan akan mekanisme yang diguna pakai untuk melabel sesebuah negara itu. Adakah kita diadili seadil-adilnya, ini kerana ianya bakal mempengaruhi tahap keyakinan pelabur asing, FDI ke negara kita. Pelan Tindakan Nasional di bawah Majlis Anti Pemerdagangan Orang, di bawah pelan ini lebih 3,000 orang pegawai telah dilatih sejak tahun 2008.

Masing-masing dalam bidang penguatkuasaan, pendakwaan dan penghakiman, khususnya bagi mengendalikan landskap baru jenayah ini. Setakat manakah keberkesanan pelan di atas dan apakah perkembangan terkini berkaitan isu melatih 3,000 orang pegawai dan berapakah yang ditugaskan di bawah unit penguatkuasaan ini? Kerjasama dengan *International Organization for Immigrant* ataupun Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi

pelarian dan MNC *International*, selain berkongsi kepakaran dengan Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom dan Belanda yang menjadi agenda utama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Saya mohon penjelasan berkaitan tahap kerjasama ini dan setakat manakah Malaysia mendapat pendedahan bagi tujuan menangani masalah ini. Sabah yang kini mempunyai komposisi lebih dua pertiga warga asing termasuk yang mendapat kad pengenalan melalui pintu belakang ataupun pemastautin tetap mula menghadapi krisis identiti yang serius. Ini kerana warga asing mudah masuk ataupun keluar tanpa sekatan dengan alasan semangat setia kawan, kejiranan bagi mempercepatkan proses BIMP-EAGA. Dimomokkan dengan pelbagai alasan birokrasi bagi kepentingan sesetengah pihak yang mengaut keuntungan di *barter trade*, yang menjalankan kegiatan yang menyalahi undang-undang negara.

Difahamkan pengedaran dadah dan juga pelacuran asing menjadi nadi utama aktiviti ini dengan didalangi oleh tauke-tauke dan golongan berpengaruh VIP. Sudah menjadi kebiasaan kesemua PATI yang tidak berdokumen ketika ditangkap, akan menjadi berdokumen selepas ini. Amalan *catch* oleh APMM dan *release* oleh Jabatan Imigresen sudah menjadi budaya di kalangan penguat kuasa undang-undang Nusantara di Sabah.

Saya pohon SPRM supaya boleh mengambil berat akan isu ini. Sedikit mengenai kawasan saya, isu Pulau Ketam sebagai transit penyeludupan manusia. Sindiket penyeludupan manusia di negeri ini dikenal pasti menjadikan Pulau Ketam, Selangor sebagai transit untuk menyeludup keluar pendatang asing tanpa izin ke negara asal.

■1520

Kesemua PATI dipercayai ditempatkan sementara di Pulau Ketam dalam tempoh di antara tiga hingga lima hari sebelum mereka dibawa pulang ke negara masing-masing melalui laluan laut. Sejauh manakah penguatkuasaan seperti Pasukan Gerakan Marin PGM dan APMM memantau isu Pulau Ketam ini?

Penyeludupan manusia adalah jenayah perniagaan yang ketiga terbesar di dunia selepas penyeludupan dadah dan senjata api yang dianggarkan menjana pendapatan di antara RM22.4 juta sehingga RM32 juta setahun bagi setiap orang yang diseludup. Pertubuhan Buruh Antarabangsa pula menganggarkan RM48 bilion setahun diperoleh daripada pendapatan sindiket penjualan bayi dan kanak-kanak. Kedua-dua angka berkenaan jelas menunjukkan perniagaan orang memang menguntungkan walaupun risiko untuk menjalankan kegiatan itu tidak setinggi penyeludupan senjata api dan juga dadah.

Justeru itu saya memohon kementerian dan agensi berkaitan mengambil pandang serius akan isu ini, hukuman lebih berat perlu dikenakan kepada manusia yang bertopengkan haiwan ini. Adakah terdapat undang-undang untuk menjalani ujian DNA terhadap setiap bayi yang dirampas oleh pihak berkuasa dan setakat mana ianya di *implement* hari ini? Adakah agensi atau hospital manakah yang mempunyai rekod dalam isu ini? Perlunya satu undang-undang yang ketat dan tegas berkaitan hukuman penjara maksimum, denda dan sebatan perlu dilaksanakan.

Bolehkah saya cadangkan supaya hukuman ini dibuat seperti hukuman buang negeri dan juga buang negara. Saya pohon pesalah-pesalah ini dipandang serius sama seperti pesalah-pesalah dadah dan juga pembunuh. Setakat manakah peranan NGO di dalam mendidik, memberi perlindungan, ceramah motivasi dan lawatan ke pusat-pusat pertahanan? Saya ambil contoh *street kids*, *homeless people* yang banyak di jalan raya-jalan raya Kuala Lumpur dan juga bandar-bandar besar.

Saya juga ingin tahu syarikat korporat yang menunaikan kewajipan CSR terutama yang melibatkan bantuan kepada golongan ini diberikan pelepasan cukai yang tinggi akan komitmen mereka? Adakah NGO-NGO ini diberi perhatian seperti dana, bantuan pakar dan tenaga oleh kementerian agensi yang terlibat? Adakah NGO ini juga dipantau aktiviti mereka bagi tujuan mengemas kini rekod dan memastikan segala aktiviti adalah selaras dan mengikut lunas undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, *buah selasih, buah dokong, terima kasih saya menyokong*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamad.

3.23 ptg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dan ruang untuk turut serta membahaskan Akta Antipermerdagangan Orang 2007. Tuan Yang di-Pertua, hari ini isu pemerdagangan orang telah menjadi satu isu yang hangat diperdebatkan di Parlimen Eropah, US Kongres dan juga di peringkat *High Level Task Force* menangani isu pemerdagangan orang di antara negara-negara ASEAN.

Negara-negara yang terlibat di mana rakyat mereka dijadikan bahan dagangan telah berusaha gigih untuk mengadakan undang-undang yang boleh memberikan pembelaan kepada mereka yang telah dieksploitasi demi mendapatkan keuntungan bukan setakat kesan dan ekonomi, kesan sosial juga diambil kira kesan kesihatan tidak terkecuali dan juga kesan rentasan sempadan yang boleh mengancam keselamatan dan keseimbangan sesebuah negara. Begitu juga kesan yang dilalui oleh mereka yang didagangkan juga bukan sedikit, di mana stigma atau trauma yang ditinggalkan akan terus menjadi igauan yang buruk di dalam kehidupan mereka sepanjang hayat.

Negara kita telah pun mempunyai undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007 dan setelah dua tahun lebih berlalu didapati undang-undang ini perlu diperbaiki dan penambahbaikan ini diharap dapat mengekang perbuatan memperdagangkan orang ini. Bukan setakat antipemerdagangan orang, begitu juga meliputi anti penyeludupan migran. Isu migran ini semakin serius di mana peluang pelakuan itu terbuka dan undang-undang yang ada pada hari ini mungkin tidak dapat menampung bencana ini.

Isu yang timbul ialah migran yang datang ini asalnya adalah mereka yang melalui proses pemeriksaan kerajaan yang betul, tetapi telah bertukar status apabila tempoh kebenaran lupus tetapi tidak mahu meninggalkan *host country*. Di sini mereka ini mungkin terlibat dalam kes

diseludupkan ke masyarakat secara diam-diam dan keadaan bertambah buruk jika mereka ini kemudiannya dieksploitasi tenaga. Jika wanita dan gadis terlibat, tentulah eksploitasinya berbentuk pelacuran dan mungkin juga perlu melakukan kerja-kerja berat atau *back breaking jobs*.

Isu yang paling ketara ialah cara migran ini keluar masuk memungkinkan bolosnya undang-undang negara ini dan memungkinkan ancaman keselamatan lebih lagi jika ia berunsurkan keganasan. Membawa maksud bahawa kerajaan setakat ini kurang berjaya mengawal keluar kemasukan migran yang hari ini mungkin berjumlah lebih daripada 2 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, kempen yang dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri mengenai pembanterasan pemerdagangan orang merupakan atau menampakkan berapa seriusnya isu ini dan ia merupakan isu global yang perlu ditangani dengan segera. Segala tindakan yang diambil perlulah menjurus kepada satu keputusan yang boleh menghalang pemerdagangan orang ini daripada berterusan berlaku.

Satu pendekatan yang holistik perlulah diambil daripada sekarang dan salah satunya ialah dengan mengenakan hukuman yang paling berat. Saya setuju dengan rakan-rakan yang telah menyarankan hukuman berat tadi. Jika tidak budaya menjual orang ini akan menghakis nilai moral dan peradaban manusia di muka bumi ini. Hukuman berat ini bukan setakat menjatuhkan hukuman berbentuk kewangan yang tinggi ataupun penjara seumur hidup, malah jika perlu hukuman mati boleh dipertimbangkan kepada pesalah.

Kalau di Singapura, kena sebat dan selepas itu kos perubatan dan segala-galanya ditanggung oleh pesalah. Jika hukuman mati dikenakan, ia boleh menjimatkan belanja kerajaan dalam menampung tempat tinggal makan dan minum pesalah dan ia merupakan satu beban yang berat sedangkan duit dan perbelanjaan itu boleh digunakan untuk menjana modal insan masa hadapan. Pembayar cukai di negara ini pasti berpendapat apa guna mereka membayar cukai yang kemudian digunakan untuk memberi makan dan minum kepada pesalah yang memperdagangkan orang.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, sudah sampainya masa kerajaan menjalankan hukuman dengan kadar segera tanpa memikirkan perasaan bersangka baik kerana menjaga hubungan antara jiran-jiran negara. Semua orang tahu, masuk ke negara lain secara tidak ikut peraturan adalah salah, begitu juga memperdagangkan orang lain juga merupakan satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, isu pemerdagangan orang bukan lagi satu isu yang hanya akan ditangani oleh sebuah kementerian sahaja. Kini ia telah melibatkan beberapa kementerian lain seperti Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pertahanan dan beberapa buah kementerian lain selain Kementerian Dalam Negeri. Di Kementerian Dalam Negeri itu sendiri beberapa agensi di bawahnya telah digerakkan khusus untuk menangani isu penyeludupan manusia ini seperti PDRM, Anti Penguat Kuasa Maritim Malaysia, pihak kastam

dan tidak ketinggalan Pasukan Gerak Khas. Mungkin juga penglibatan beberapa buah badan NGO yang berminat dalam menangani isu pemerdagangan orang ini boleh diambil bersama.

Salah satu faktor yang penting yang perlu diberi perhatian ialah mengenai persempadanan, di mana pada hari ini keselamatan sempadan ini telah menjadi isu yang boleh meletakkan negara dalam keadaan stabil atau tidak stabil, bergantung kepada sejauh mana agensi yang menjaganya serta menjalankan tugas dengan sempurna. Ini bermaksud bahawa tidak ada ruang di mana sempadan ini dapat dibolosi oleh sesiapa juga.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Saya.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Saya minta pandangan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

■ 1530

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Kita telah terbaca beberapa bulan yang lalu, ada di antara pemerdagangan orang ini yang telah datang ke sini, kemudian dia berkahwin dengan rakyat Malaysia sama ada – bukan hendak menjadi isteri atau menjadi suami tetapi datang ke sini untuk menunjukkan dia sudah berkahwin dengan orang sini dan kemudian menghilangkan diri dan ada di antaranya menjadi pelacur.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Apakah hukuman yang patut dikenakan kepada orang yang berkahwin dengan orang yang akan dijadikan perdagangan ini atau migran dan kemudiannya menjadi pelacur? Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Inilah masalahnya kita ini, ya. Isu seperti ini, ia tidak akan merebak jika tidak ada penglibatan daripada rakyat setempat. Inilah satu daripada perkara yang buruk ya. Sesetengah daripada warganegara kita di sini yang memberikan ruang dan peluang kepada mereka ini berleluasa. Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Tan Sri tadi. Mereka ini kalau ditangkap memang patut dikenakan hukuman yang berat. Itu yang saya katakan. Kalau di Singapura, disebatnya dahulu selain daripada hukuman penjara dan sebagainya supaya menjadi ingatan sepanjang hayat.

Saya sambung. Pemerdagangan orang juga berkait rapat dengan isu penyeludupan manusia sama ada berlaku di mana pelaku secara individu menyeludup masuk dan juga penyeludupan dilakukan oleh individu-individu tertentu. Hari ini, penyeludupan manusia ini semakin menjadi satu barah dan mereka atau migran ini telah mencari peluang melakukan pelbagai pekerjaan di negara ini dan terdapat mereka yang telah menjadi peneraju kepada syarikat-syarikat tertentu misalnya dalam menjalankan perniagaan lori atau menjadi pemandu lori kargo.

Persoalannya ialah bagaimana mereka – golongan migran ini, memperoleh lesen memandu lori? Siapakah dalang yang telah meluluskan lesen untuk mereka? Apakah sememangnya salah orang tempatan sendiri yang memperakukan kehadiran mereka dengan memberikan lesen dan pekerjaan? Setelah bertapak untuk jangka waktu yang lama, sudah tentulah sukar kemudiannya untuk menidakkan hak golongan migran ini. Persempadanan yang hampir di antara satu sama lain membolehkan migran ini dengan cepat menyelamatkan diri mereka. Negeri Perlis misalnya. Begitu juga Johor dan Melaka. Sangat hampir dengan sempadan dan terdapat ruang keluar masuk negara dengan senang berlaku setiap masa.

Sejauh manakah Lembaga Perlesenan Kenderaan Pengangkutan boleh dipertanggungjawabkan dalam soal ini? Jika terbukti terdapat penyelewengan, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap agensi ini apatah lagi jika menjadi penggalak kepada pemerdagangan orang?

Tuan Yang di-Pertua, pemerdagangan orang kini merupakan isu global dan ia merupakan satu jenis bentuk perniagaan yang sangat menguntungkan. Oleh sebab itu, ia menjadi isu pandemik dunia hari ini. Maka, kerajaan telah mewujudkan undang-undang berkaitan menangani isu ini sebagai pembelaan kepada orang yang dieksploit dan akan dieksploit.

Saya terus kepada beberapa saranan untuk memberi ruang kepada rakan-rakan yang lain.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Tadi Yang Berhormat mengatakan dalang-dalang, jadi di sini saya ingin menjelaskan dalang. Dalang bagi lesen itu sebenarnya bukan bahagian perlesenan dan bukannya JPJ tetapi sebenarnya orang kita.

Orang kita yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang mengesahkan borang ataupun surat sokongan. Pihak JPJ ataupun bahagian perlesenan, mereka hendak pengesahan. Apabila hendak pengesahan, dalam borang itu ditulis di bawah itu pengesahan Pegawai Kumpulan A, JKKlah, imamlah, ketua kampung, ketua kawasan, ketua-ketua – semua di bawah itu. Mereka ini yang isi borang pengesahan. Pendatang ini duduk di tempat mereka sudah lama. Mereka sudah simpati dan buat surat mengatakan kawan ini sudah duduk berapa lama – lima tahun atau sepuluh tahun, dan layak diberi pertimbangan supaya mendapatkan lesen, mendapatkan apa-apa pun. Ini ketua-ketua kampung atau JKK. Saya pun JKK, tetapi dahululah. Kena main peranan.

Jadi kita minta bahagian perlesenan ataupun JPJ tertentu, cuba buat satu unit ataupun panel khas. Apabila sampai borang itu, *check* balik betul atau tidak sokongan daripada kerajaan kah, JKK kah, ketua kampung kah, imam kah. Betul atau tidak orang ini atau pengesahan ini.

Jadi bila sampai ke pejabat, dia tengok ada pengesahan daripada ketua kampung semua – luluslah. Jadi, hendak salahkan siapa? Hendak salahkan kerajaan kah? Hendak salahkan jabatan kah? Yang bawah itu, akar umbi itu. Dia datang dari sana. Jadi panel khas ini yang akan

tengok. Panel khas ini daripada JPJ kah atau Jabatan Perlesenan kena pantau perkara ini. Jadi itulah dalang. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat di atas input yang diberi itu. Rupanya lebih parah lagi di Perlis nampaknya.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Bukan di Perlis Yang Berhormat, mana-mana tempat pun.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Siapa yang duduk ini?

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Yang saya tahu di negeri Johor tidak separah itulah.

Saranan saya ialah:

- (i) kerajaan mesti meramaikan anggota penguat kuasa dan mereka ini mestilah diberi insentif yang tinggi untuk membolehkan mereka menjalankan kerja dengan adil dan penuh tanggungjawab;
- (ii) setiap agensi penguat kuasa seharusnya patuh kepada satu arahan rujukan sahaja iaitu satu standard piawaian – kastam, PDRM, imigresen, APMM dan sebagainya. Ini tidak termasuk ketua kampung tadilah yang disebut oleh Yang Berhormat Senator dari Perlis tadi;
- (iii) pesalah sendiri atau keluarga mereka mestilah mengadakan atau membayar perbelanjaan hukuman. Misalnya di negara China, pesalah kena membayar peluru yang digunakan untuk menembak pesalah yang didapati bersalah oleh pihak mahkamah. Peluru pun kena bayar; dan
- (iv) mengambil contoh dari Singapura bagaimana mereka berjaya mengekang kedatangan PATI ke negara Singapura di mana kerajaan memastikan setiap hukuman mandatori dijalankan. Jika hukuman sebat, maka sebatan dijalankan dengan segera. Jadi memberi mesej yang jelas kepada semua pendatang tanpa izin dan mereka yang terlibat di dalam antipemerdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar itu sajalah yang dapat saya sumbangkan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Zaitun Mat.

3.37 ptg.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi ruang waktu untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010.

Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang konvensyen PBB tahun 2000 tentang jenayah rentas sempadan yang telah memuktamadkan satu konvensyen dan dua protokol. Saya ingin mendapatkan penjelasan, kenapa Malaysia telah lewat meratifikasikan Konvensyen UNTOC ini hanya pada 24 September 2004 sedangkan ia telah dikuatkuasakan pada 29 September 2003? Begitu juga dengan *TIP Protocol* yang mana Malaysia hanya meratifikasikannya hanya pada 26 Februari 2009 walaupun protokol itu telah dikuatkuasakan pada 25 Disember 2003. Saya ingin mendapat penjelasan tentang sama ada Malaysia telah meratifikasikan satu protokol yang telah dikuatkuasakan pada 28 Januari 2004. Jika belum, mengapakah Malaysia belum berbuat demikian?

Seterusnya, saya ingin mendapatkan penjelasan apakah impak tindakan Malaysia meratifikasikan konvensyen dan protokol ini, khususnya bagi memerangi memperdagangkan orang dan membasmi jenayah penyeludupan orang?

Tuan Yang di-Pertua, kedua saya ingin menyentuh tentang kepentingan pindaan rang undang-undang ini kepada negara memandangkan Malaysia bukan sahaja menjadi negara transit tetapi juga sebagai negara destinasi bagi memperdagangkan orang dan penyeludupan migran.

■1540

Pindaan rang undang-undang ini memperkemas rang undang-undang asal khususnya dalam erti penyeludupan migran sebagaimana yang diperuntukkan dalam pindaan seksyen 1, seksyen 2(a), seksyen 5(1) dan seksyen 6 Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010. Pindaan ini adalah wajar memandangkan kegiatan pemerdagangan orang dan penyeludupan kian meningkat bagi rantau Asia. Malaysia sering kali menjadi kritikan kerana dikatakan tidak serius dalam memerangi dan membasmi kegiatan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah tindakan kerajaan bagi meningkatkan imej Malaysia di arena bangsa sesuai dengan usaha bersungguh-sungguh kerajaan dalam memerangi aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Tuan Yang di-Pertua, ketiganya, saya ingin menyentuh tentang pindaan seksyen 6, subseksyen 2 yang menambah dua lagi orang anggota Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO). Daripada 16 orang sebelum ini, 13 orang anggota Majlis adalah terdiri dari ketua setiausaha kementerian terbabit, Ketua Polis Negara dan ketua pengarah jabatan berkaitan seperti Imigresen, Kastam dan sebagainya. Sebelum ini pun, Majlis boleh melantik tiga orang

daripada pertubuhan bukan kerajaan atau organisasi berkaitan atau individu yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah rasionalnya kerajaan bercadang menambah keanggotaan Majlis ini dua orang lagi? Tuan Yang di-Pertua, keempatnya, saya ingin menyentuh tentang pindaan seksyen 7 berhubung dengan fungsi dan kuasa Majlis. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah memperkemaskan seksyen 7 berbanding akta ibu yang sebelum ini agak longgar. Jikalau di dalam akta ibu hanya terdapat sepuluh fungsi dan tanggungjawab Majlis, sebaliknya dalam pindaan ini dinyatakan termasuklah yang pentingnya memasukkan perkataan 'penyeludupan migran'.

Selain itu Majlis adalah bertanggungjawab menyelaraskan akta ini, merumuskan dasar dan program untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran dan memulakan program pendidikan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sama ada Majlis juga mempunyai kuasa pendakwaan bagi melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya.

Kelima dan akhirnya, saya menyentuh tentang pindaan seksyen 15. Berhubung dengan penalti bagi kesalahan mendapatkan keuntungan dari eksploitasi orang yang diperdagangkan. Sebelum ini mana-mana orang yang mendapat keuntungan dari *exploitation* orang yang diperdagangkan dan disabit kesalahan, boleh didenda tidak kurang RM50,000 tetapi tidak melebihi RM500,000. Pindaan ini telah meningkatkan kepada denda awal lebih sepuluh kali ganda iaitu dari RM50,000 kepada RM500,000 manakala denda maksimum naik dua kali ganda iaitu dari RM500,000 kepada RM1 juta.

Selain itu, pesalah juga dilucutkan keuntungan daripada kesalahan itu. Di dalam hubungan ini, nampaknya hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 15 tahun tidak dipinda. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, mengapakah tempoh penjara ini tidak dinaikkan sedangkan denda telah dinaikkan? Saya ingin mencadangkan agar hukuman sebatan dikenakan kepada individu yang terlibat dengan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Sekian, terima kasih, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid.

3.44 ptg.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010. Saya amat menyokong penuh rang undang-undang yang dibentangkan ini kerana seperti yang disebutkan ia lebih komprehensif bagi menggantikan beberapa fasal di dalam akta lama. Namun demikian, saya suka memendekkan perbincangan ini untuk menyentuh beberapa isu yang secara tidak langsungnya berkaitan dengan rang undang-undang ini iaitu Akta

Antipemerdagangan Orang. Isu yang hangat diperbincangkan pada masa kini, sehari dua ini adalah berkenaan dengan tahanan bolos.

Kita biasa dengar dahulu tahanan di pusat serenti yang ditahan di bawah penagih dadah, bolos kerana mereka tidak puas hati dengan keadaan kawasan tahanan dan pemakanan. Mereka merusuh, ada yang membakar pusat tahanan serenti ini. Akan tetapi jalan penyelesaiannya tidak ada dan kadang-kadang kita dengar tiap-tiap tahun atau dua tahun sekali berlaku lagi tahanan bolos. Baru-baru ini, tahanan PATI di Pusat Tahanan Depot Tahanan KLIA tiga hari yang lalu bolos lagi. Ini adalah kali kedua. Kali pertama, tidak sampai lima bulan iaitu pada 26 Mac. Kali ini seramai 20 orang warga Afghanistan telah bolos daripada pusat depot tahanan ini.

Kali pertama, melibatkan 16 orang mangsa pemerdagangan manusia daripada Afghanistan dan Myanmar. Akibatnya, saya baca surat khabar hari ini. Akibatnya, imej negara tercabar, tercalar. Bukan sahaja di dalam negeri tetapi di peringkat antarabangsa. Bukan sahaja Jabatan Imigresen tetapi Kementerian Dalam Negeri, seterusnya negara kita Malaysia. Apabila perkara ini berlaku, masing-masing cari jalan keluar bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini? Yang pertama sekali jalan keluar, pegawai yang bertugas perlu diambil tindakan iaitu menggantung mereka. Apakah ini jalan penyelesaian yang baik? Kes yang pertama dahulu, 20 orang pegawai telah digantung kerja atau seperti kes orang sekarang ini digantung kerja dan ada yang diambil tindakan disiplin. Mereka ini bekerja begitu lama. Saya rasa kasihan kepada pegawai-pegawai daripada Jabatan Imigresen. Saya bukan hendak membela mereka. Ini keadilan! Sebenarnya tahanan yang ditahan di depot ini yang disebabkan oleh kesalahan anti pemerdagangan orang adalah kerana mereka ditahan lama kerana perbicaraan demi perbicaraan. Kadang-kadang mereka masuk ke sini secara sendiri. Ini mahkamah kena putuskan.

Yang keduanya kerana kelibat-kelibat kerehah agen ini hendak mengaut keuntungan. Ketiganya mungkin dieksploitasi oleh sesetengah pihak.

Saya tidak tahu macam mana mereka boleh bolos? Dalam surat khabar hari ini disebut, mereka mengambil masa. Bukan kerja sehari, dua hendak potong besi itu. Yang pertama sekali, mesti *check* apa alat mereka pakai? Di mana mereka dapat boleh potong besi yang besar itu? Besi jeriji pula itu. Selain daripada itu, ada dua akta – Akta Imigresen dan Akta Antipemerdagangan Orang. Tahanan yang dikenakan di bawah Akta Imigresen ini mereka lebih insaf, lebih sedar bahawa mereka perlu balik. Akan tetapi tahanan yang dikenakan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang ini, mereka ini mencari kesempatan. Mencari tempat yang lebih baik, kehidupan yang lebih baik sebab kepada mereka ini, negara kita ini sebagai tempat transit – negara kedua. Mereka sebenarnya hendak bawa pergi ke negara ketiga, Australia dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi mangsa yang disebut dan hangat berita pada hari ini ialah kenyataan yang mengatakan Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah Imigresen perlu

berhenti atau perlu ditukar ke tempat lain. Saya bukan hendak bela KSU atau Ketua Pengarah Imigresen.

■1550

Kalau beginilah caranya, sampai bila kita hendak cari jalan penyelesaian? Kalau asyik-asyik salah kecil di bawah, KSU di atas ataupun Ketua Pengarah Imigresen, kena tukar. Sebenarnya tugas KSU ini ia melangkaui lapan agensi. Kalau agensi imigresen buat salah kenapa - macam kata 'kerana seekor lembu terpalit lumpur, semua akan terpalit sama'. Seorang buat salah - Jabatan Imigresen buat salah, termasuklah KSU dan Ketua Pengarah Imigresen pun kena tukar.

KDN ada Jabatan Imigresen, polis, RELA - ada lapan agensi. Mereka hendak kena jaga semua ini. KSU di bawah KDN ini hendak jaga lapan agensi. Tidak mungkin bila imigresen - bila salah di bawah Jabatan Imigresen, ia hendak kena tukar. Begitu juga Ketua Pengarah Imigresen, ia hendak jaga empat perkara. Yang disebut di sini soal kerakyatan, soal penduduk tetap, soal pekerja, soal *foreigner*. Saya tertarik...

Datuk Akbar bin Ali: Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Boleh saya habiskan dahulu?

Datuk Akbar bin Ali: Okey.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Habis dahulu baru saya benarkan masuk. Saya tertarik surat dari pembaca - 'Siapa harus menjaga PATI?' Hari ini - surat khabar *Utusan Malaysia*. Yang pertama, mengapa perkara ini berlaku? Saya ingin beri maklumat kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjagaan PATI ini bukan tugas Jabatan Imigresen. Saya bersetuju sangat dengan surat pembaca ini.

Yang kedua, menjaga imigresen ini fungsi utamanya seperti yang saya sebut tadi bukan soal PATI ini sahaja. Mereka cemerlang - Jabatan Imigresen ini cemerlang dalam perkhidmatan kaunter. Buat pasport sekarang ini satu jam sahaja. Dahulu sebulan, tiga bulan dahulu. Sekarang satu jam - hebat! Mereka dapat anugerah cemerlang. Tidak mungkin kerana perkara ini mereka hendak kena tukar?

Seterusnya, jaga depot tahanan ini bukan kerja mereka. Ini kerja Jabatan Penjara dan polis. Mereka tidak ada kepakaran. Kenapa kita hendak membebankan Jabatan Imigresen? Seharusnya polis mengambil alih tugas menjaga tahanan ini bukan dibebankan kepada Jabatan Imigresen.

Selain daripada itu saya juga ingin mencadangkan pertama sekali keseluruhan sistem yang ada di depot tahanan ini. Saya tidak tahu berapa banyak yang ada harus dikaji semula. Yang pertama, dari segi pemagarannya - yang saya sebut kena potong. Kedua, keluar masuknya. Ketiga, semasa bawa pergi perbicaraan ke mahkamah itu, adakah mereka berhubung dengan agen-agen mereka? Selain daripada itu, di sini juga, di depot tahanan tidak ada CCTV.

Sekarang ini cukup moden di sini pun ada CCTV. Di depot tahanan ini patut ada CCTV. Di penjara ada CCTV. Balai polis tempat tahanan pun ada CCTV.

Yang akhirnya, carilah jalan penyelesaian yang terbaik. Jangan menyalahkan setengah-setengah orang dan menyebabkan imej lagi buruk. Tadi kita kata imej buruk di peringkat antarabangsa, tetapi kalau perlakuan ini atau tindakan ini diambil imejnya akan lebih buruk. Imej perkhidmatan awam yang saya sebutkan ini. Jadi kita tidak mahu ada orang yang menjadi mangsa sebab perlakuan ini. KSU jadi mangsa, Timbalan KSU jadi mangsa, Ketua Pengarah Imigresen jadi mangsa, pengarah-pengarah imigresen jadi mangsa, pegawai-pegawai di peringkat bawah jadi mangsa. Jadi saya dengan ini menyokong...

Datuk Akbar bin Ali: [Bangun]

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Akbar bin Ali: Saya tertarik dengan syor atau pandangan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan, berkenaan siapa yang harus dipertanggungjawabkan. Dalam konteks apabila satu kesilapan telah dilakukan, sudah tentu kita kena lihat bukan sahaja kuantiti kesilapan itu tetapi *gravity of the mistake*, dengan izin.

Kalau kita ambil contoh di Korea dan di Jepun, apabila berlaku sesuatu kesilapan atau kesalahan, ada orang yang bersedia bertanggungjawab dan berhenti dari jawatan yang disandangnya. Sekiranya KSU tadi atau KP Imigresen tadi adalah bukan orang yang sesuai dipertanggungjawabkan dalam kesilapan di Sepang, seperti yang dilaporkan. Sebab kita pun sedar kita tidak mahu 'kerana nila setitik, rosak susu sebelanga'.

Akan tetapi ada satu konsep Yang Berhormat yang saya ingin menarik perhatian - konsep *responsibility* dan *accountability*. Kalau dua pemegang jawatan ini bukanlah orang yang layak dipertanggungjawabkan di atas kesalahan itu, maka kesalahan sudah berlaku siapa pula atas prinsip *accountability* dan *responsibility* harus menerima bertanggungjawab terhadap kesalahan ini? Kalau perlu bertukar, bertukarlah dengan sukarela tanpa diarah dan apa bentuk hukuman yang sesuai harus dikenakan atau dipikul sendiri. Kalau boleh secantik-cantik macam di Korea Selatan dan Jepun, diterima dengan senang hati atas konsep *responsibility* dan *accountability*. Itu yang saya ingin penjelasan.

Kalau misal kata Yang Berhormat tidak dapat hendak menjawabnya dengan tuntas, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kita boleh serah kepada beliau untuk menjawabnya. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya rasa itu cadangan yang baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab selepas ini. Jadi saya ucap terima kasih. Dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

3.56 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penggubalan undang-undang ini adalah sangat dialu-alukan selaras dengan peredaran masa - *keeping up with the times*.

Malaysia terkenal sebagai destinasi dan sedikit sebanyak menyumbang kepada negara transit untuk pemerdagangan wanita dan kanak-kanak, terutama yang melibatkan pemaksaan pelacuran dan menjadi buruh paksa - Malaysia terkenal di serata dunia. Mengikut laporan US, kebanyakan pesalah perdagangan manusia merupakan peniaga persendirian, tetapi ada juga sindiket jenayah yang terlibat dalam jenayah ini. Malaysia menjadi terkenal kerana negara kita terdapat ramai pekerja asing. Dijangka dua juta sebagai pekerja asing sah dan 1.9 juta pekerja asing yang tidak sah - tidak ada dokumen. Jika tiada pekerja asing nampaknya negara kita pun hancur, ekonomi kita hancur.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru bahawa di sini untuk memperkasakan jabatan kerajaan menangkap pendatang-pendatang asing di negara saya minta Kerajaan Malaysia menandatangani satu MoU dengan negara-negara lain yang selalunya menghantar ataupun di mana pekerja-pekerja asing datang. Satu MoU yang mengatakan bahawa pasport pekerja asing tidak boleh dipegang oleh pihak majikan. Jadi pekerja asing sendiri memegang pasport. Jadi siapa yang tidak ada pasport, pihak berkuasa boleh ambil tindakan.

Kelemahan sekarang dengan pemerdagangan adalah penguatkuasaan dalam undang-undang. Ini menyebabkan berlakunya datang ramai pekerja asing ke negara kita. Nampaknya sehingga sekarang kerajaan tidak ada satu *political will* untuk mengurangkan dan menggantikan pekerja-pekerja asing, walaupun kita juga terdapat ramai orang tempatan tidak ada kerja yang juga susah cari kerja. Saya juga minta kerajaan mengenakan hukuman yang lebih berat kepada sesiapa yang terlibat dengan agen penipuan, pengambilan pekerja asing atau majikan yang mengeksploitasi pekerja, serta menambah usaha, mendakwa dan menghukum sesiapa yang mengaut keuntungan dalam aktiviti pemerdagangan orang. Saya mohon kerajaan berunding semula dengan negara-negara yang membekal pekerja untuk memasukkan perlindungan mangsa ini.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

■1600

Di sini Tuan Yang di-Pertua saya juga mohon bahawa kerajaan menghentikan agen-agen untuk pekerja asing. Ini kerana agen-agen ini dapat keuntungan mereka bila mereka ambil orang dari luar negeri. Lepas itu pekerja asing ini datang ada kerja kah tidak ada kerja kah agen sudah dapat keuntungan dia. Jadi di sini agen boleh jadi tidak bertanggungjawab. Di negara kita ada pekerja asing yang kadang-kadang tidak ada kerja. Ada juga ramai pekerja asing membuat perniagaan di merata-rata tempat. Kerajaan juga harus mengawasi dan mengetatkan undang-

undang untuk mengurangkan rasuah di kalangan polis, RELA dan pihak yang berkaitan dengan pengawalan penyeludupan untuk mengelakkan pesalah daripada ditangkap. Ini juga salah satu punca di mana kita ada ramai pekerja asing iaitu rasuah di kalangan beberapa pihak kerajaan seperti polis dan RELA.

Walaupun ada menerima banyak aduan tentang rasuah dalam pemerdagangan orang tetapi saya tidak mendengar seorang pegawai pun dihukum dalam kes pemerdagangan wanita dan kanak-kanak. Kerajaan harus telus dalam kes-kes pemerdagangan wanita dan kanak-kanak. Dalam hal ini saya minta Kementerian Dalam Negeri bekerjasama dengan duta asing yang berada di negara ini, apabila ada pekerja asing yang menjadi mangsa pemerdagangan orang. Malaysia juga dituduh sebagai negara yang tidak memberi perlindungan dan tidak menjaga kebajikan mangsa pemerdagangan orang dengan baik. Ini satu persepsi sebab kita ada pusat-pusat pertahanan yang sangat sesak. Ada juga video-video dan satelit TV yang menunjukkan keadaan di pusat-pusat tahanan yang menunjukkan keadaan yang begitu susah. Macam orang itu dieksploitasi, orang itu dibiarkan.

Jadi kita kena memperbaiki imej negara kita. Ini kerana tidak ada kemudahan lagi. Tidak ada kemudahan pegawai perubatan, kaunselor. Ini sangat penting, sebab ada juga ramai yang mangsa di situ. Jadi kerajaan juga mesti prihatin dan memberi perkhidmatan kaunseling. Lagi pun kalau boleh tolong mereka hantar balik ke negara mereka kerajaan juga mengambil tahu tanggungjawab ini. Di sini saya juga minta kerajaan bekerjasama dengan NGO-NGO yang terlibat dalam pendatang asing yang menjagakan kebajikan NGO asing. Ada juga beberapa NGO yang aktif.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga cadangkan bahawa perkataan *force labor* iaitu buruh paksaan dan hamba abdi juga di selit dalam RUU ini juga diberi satu perlindungan ataupun definisi juga. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon bahawa komposisi Majlis Anti Pemerdagangan dianggotai oleh Menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan untuk membuat keputusan yang ada penguasaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga tambah bahawa kaunseling yang diberi secara holistik sebab kebanyakannya ada juga *victim* dan mereka pun terperangkap dalam gejala ini. Jadi bantuan kaunseling, psikologi, bantuan latihan kemahiran hidup dan bantuan pendidikan kepada kanak-kanak juga diberikan. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih saya persilakan Yang Berhormat Dato' Saripah Aminah. Sebelum itu Yang Berhormat kalau boleh saya ada beberapa nama ini. Saya minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat siapa yang hendak bercakap itu tolong kemukakan nama-nama kepada saya secara melalui bentara-bentara. Supaya dapat saya tentukan masa dan sebagainya. Tolong tulis beri nama kepada saya. Silakan Yang Berhormat.

4.05 ptg.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas keizinan saya mengambil bahagian untuk turut serta membahas Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, isu perdagangan orang telah menjadi satu isu yang hangat diperdebatkan di Parlimen Eropah, *US Congress* dan tidak lupa juga diperbincangkan di peringkat *High Level Task Force* dengan izin bagi menangani isu perdagangan orang di antara negara-negara ASEAN. Negara-negara yang terlibat di mana rakyat menjadi bahan dagangan telah berusaha dengan gigih mengadakan undang-undang yang boleh memberikan pembelaan kepada mereka yang telah dieksploitasikan demi mendapatkan keuntungan. Bukan setakat kesan ekonomi, kesan sosial juga diambil kira dan kesan kesihatan juga tidak terkecuali. Di mana kesan rentasan sempadan boleh mengancam keselamatan dan keseimbangan sesebuah negara.

Kesan yang dilalui oleh mereka yang didagangkan ini juga bukan sedikit di mana stigma yang ditinggalkan akan terus menjadi igauan yang buruk dalam kehidupan mereka. Negara ini telah pun mempunyai Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007. Setelah setahun lebih berlalu di dapati undang-undang ini perlu diperbaiki dan dipenambahbaikkan agar ianya dapat mengekang perbuatan memperdagangkan manusia ini. Bukan setakat anti perdagangan memperdagangkan orang tetapi juga meliputi anti penyeludupan migran. Isu migran ini semakin serius di mana luang perlakuan ini terbuka dan undang-undang yang ada pada hari ini mungkin tidak dapat menampung isu ini.

Isu yang timbul ialah migran yang datang ini asalnya adalah mereka yang melalui proses pemeriksaan kerajaan yang betul. Akan tetapi telah bertukar status apabila tempoh kebenaran lupus tetapi tidak mahu meninggalkan negara ini. Di sini mereka ini mungkin terlibat dalam kes diseludupkan ke dalam masyarakat secara diam-diam. Keadaan bertambah buruk jika mereka ini kemudiannya dieksploitasikan tenaga dan jika wanita dan gadis yang terlibat tentulah eksploitasinya berbentuk pelacuran. Mungkin juga kena melakukan *back breaking job* dengan izin. Isu paling ketara ialah cara migran ini keluar masuk memungkinkan bolosnya undang-undang negara. Ia memungkinkan ancaman keselamatan lebih-lebih lagi jika ia berunsurkan keganasan yang akan membawa maksud kerajaan setakat ini gagal mengawal keluar dan masuk migran yang hari ini mungkin berjumlah lebih daripada dua juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong rang undang-undang ini izinkan saya memohon maaf di atas segala perbuatan kesilapan dan juga tutur kata keterlaluan dalam tempoh lima tahun lapan bulan saya bersama-sama Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Bukanlah niat saya untuk menyinggung mana-mana pihak, yang baik itu datangnya daripada Allah SWT yang lebihnya daripada saya insan yang serba kekurangan ini.

Ampun dan maaf saya pohonkan;

Jika terdapat salah dan silap;

Jangan kami dilupakan;

Moga silaturahim sentiasa digilap.

Sebut-sebutlah nama kami jika rasa rindu-rinduan;

Jemputlah diri kami jika ada majlis keramaian.

Tuan Yang di-Pertua: *Insyallah.*

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Puan Doris Brodi.

4.09 ptg.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdangan Orang 2007 juga dikenali sebagai Akta 670.

■1610

Saya kira amat penting dan tepat pada masanya rang undang-undang ini dipinda demi tujuan penambahbaikan dan memperkemaskannya supaya undang-undang ini menjadi *benchmark* atau tanda aras ketegasan Malaysia membanteras aktiviti haram pemerdagangan dan penyeludupan manusia ini. Saya ingin menyentuh beberapa isu yang saya kira perlu diberi perhatian segera oleh pihak kementerian dan agensi-agensi bertanggungjawab dalam usaha mengemas kini rang undang-undang ini. Isu yang pertama iaitu berkenaan dengan isu antarabangsa. Australia antara negara yang memandang serius isu anti pemerdagangan manusia dan anti penyeludupan *migrant* dan melihat Malaysia sebagai transit sebelum bertolak ke Australia.

Pelbagai mesyuarat peringkat pegawai dan Menteri diadakan dan saya difahamkan juga Tuan Yang di-Pertua, bahawa perbincangan peringkat Menteri diketuai sendiri oleh Menteri Dalam Negeri iaitu KDN kita, dengan diiringi pegawai-pegawai atasan juga turut diadakan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya setakat manakah perkembangan kerjasama antara Malaysia dan Australia dalam menangani isu ini setakat ini.

Adakah Australia melabel negara kita sebagai pusat transit dan mempengaruhi keputusan ini ke atas kedudukan Malaysia sebagai antara negara yang dikatakan tidak mampu menyelesaikan isu ini. Akan tetapi lain pula dengan USA yang melalui jabatan negaranya telah baru-baru ini menaik taraf Malaysia ke *tier* dua dengan izin ataupun ke tahap dua daripada tahap tiga dalam Laporan Senarai Pemerhatian Pemerdagangan Manusia iaitu TIP dalam tahun 2010.

Nampaknya sudah ada perubahan semangat Malaysia bersama-sama masyarakat antarabangsa untuk menyekat aktiviti tidak bermoral ini daripada terus berleluasa. Adakah Malaysia memandang serius akan kedudukan ini dan mengiktirafnya? Adakah kita benar-benar dianalisis secara adil oleh Jabatan Negara USA. Apakah kriteria dan tanda aras yang digunakan

oleh USA dalam meletakkan Malaysia di tahap dua dalam tahun 2010? Apakah usaha kementerian untuk terus meningkatkan kedudukan Malaysia sehingga ke tahap tertinggi ataupun *tier one*? Apakah usaha domestik dan di peringkat antarabangsa yang dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, rang undang-undang ini adalah selaras usaha kerajaan mencapai matlamat Bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu NKRA, menurunkan kadar jenayah dan penyeludupan manusia. Isu-isu yang saya bangkitkan tadi adalah menyentuh isu antarabangsa, melibatkan banyak negara terutama Negara Dunia Ketiga yang di bawah paras kemiskinan dan bergolak.

Mereka inilah yang mencuba nasib di negara aman dan makmur seperti negara kita, Malaysia. Juga sebagai negara transit sebelum ke negara maju seperti Australia dan USA. Kita memerlukan kerjasama Interpol iaitu polis antarabangsa yang komprehensif bagi menangani isu ini. Seterusnya isu yang ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua, iaitu bahagian lima, seksyen 42 berkenaan dengan isu pusat jagaan bagi orang yang ditahan. Saya kira ia boleh dilihat dalam muka surat 30 dalam Akta 670.

Saya berpendapat, perlunya diwujudkan suatu pusat jagaan tahanan ataupun tahanan yang mencapai tahap kualiti hidup sempurna dan memenuhi keperluan hak asasi manusia. Makanan, pakaian, kemudahan dan tempat bersembahyang atau beribadat perlu dititikberatkan. *Caretaker* dengan izin, yang berpengalaman dan masa transit perlu ditetapkan sebelum mereka-mereka dihantar pulang ke negara masing-masing.

Saya juga ingin bertanya bagaimanakah kementerian berurusan dengan negara-negara terlibat, berkenaan dengan kos penghantaran dan kos-kos lain. Siapa yang menanggungnya? Menyentuh dengan bahagian empat seksyen 27 – 41, terdapat di muka surat 21, Akta 670 berkenaan dengan fungsi badan-badan berkuasa memantau. Hari ini pihak berwajib seperti polis, tentera, APMM, kastam, imigresen, RELA, UPP berperanan antaranya mengawal aktiviti penyeludupan manusia ini. Bidang kuasa dan hala tuju mungkin bertindih dan kerenah birokrasi dan *red tape* dengan izin, bakal menyulitkan proses tahanan, dakwaan dan penghantaran pulang.

Adakah pihak kementerian mempunyai cadangan mewujudkan satu badan khas yang memantau isu ini? Jika ada, bila dan apakah mekanismenya? Jika tidak, bagaimana badan-badan yang menjalinkan kerjasama bagi memastikan tiadanya berlaku pertindihan seperti yang saya sebutkan tadi dan kerenah birokrasi dalam usaha membanteras masalah ini. Seterusnya, perlukah Malaysia mengadakan perbincangan khusus dengan negara-negara tertentu yang aktif dan sensitif.

Saya juga difahamkan warga dari negara seperti Afghanistan, Pakistan, India dan Sri Lanka adalah di antara negara yang warganya banyak diseludup ke sini, sama ada terus menetap atau menggunakan sebagai transit ke negara maju. Juga dari China, Indonesia,

Thailand, Kemboja dan Nepal yang berkunjung secara sah tetapi menyalahgunakan visa lawatan sosial dan *visa on arrival* (VOA) dan hilang tanpa dikesan. Manakah perginya mereka ini?

Ini hanya sebahagian contoh akan modus operandi kemasukan mereka ke negara kita dengan pelbagai helah dan taktik digunakan untuk mengaburi mata pegawai kita. Bolehkah pihak Kementerian Dalam Negeri bekerjasama dengan Kementerian Luar Negeri, berbincanglah dengan mencari jalan penyelesaian. Saya fikir hubungan peringkat tertinggi perlu diadakan seberapa kerap yang boleh. Seterusnya berkenaan dengan isu hukuman. Perlunya satu undang-undang hukuman berat bagi menghukum penyeludup manusia ini sama ada membawa masuk pelacur, bayi, kanak-kanak transit dan sebagainya.

Saya cadangkan hukuman penjara maksimum dengan sebat dan denda yang tinggi bakal menjadikan mereka ini takut dan gentar. Mungkin juga kita patut melaksanakan hukuman buang negeri dan buang daerah seperti yang telah dicadangkan oleh rakan-rakan saya yang dulu tadi. Ini adalah kerana kes penyeludupan manusia boleh dianggap lebih berat daripada kes penyeludupan dadah. Kelmarin lepas Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca di surat khabar.

Saya bawa keratan dia ke sini, izinkan saya membacanya dalam bahasa yang ia ditulis, bahasa Inggeris. *Borneo Post* bertarikh 1 Ogos, 2010 mengatakan "*human trafficking is the fastest growing international crime with 2.4 million people falling prey to traffickers every year, said Tenaganita Anti-Trafficking of Human Unit Consultant Manager, Aegile Fernandez. Of the 2.4 million people trafficked every year, 1.2 million are children. It is not just a statistic but cases involve someone's daughter, mother, sister, brother, husband and son*".

Cuba kita bayangkan betapa pedihnya, betapa sakitnya dan deritanya mangsa dan juga keluarga mangsa apabila orang yang mereka kasihi hilang begitu sahaja. Hidupkah, matikah dia tak tahu. Bayangkanlah trauma yang mereka alami. Seterusnya, Aegile Fernandez juga mengatakan "*Malaysia was a destination transit and source of human trafficking activities while internal trafficking also took place in the state.*" 'State' di sini bermakna Sarawak.

"*There were cases when Sarawakian women were promised a job in Peninsular Malaysia only to find out that they were deceived. They were made sex workers after they could not get the promised job in another place and they could not fight the violence and highly dangerous traffickers.*" Jadi jika dibenarkan oleh undang-undang, wajarlah saya fikir hukuman mati dikenakan ke atas penyeludup ataupun golongan ini. Saya pohon agar kementerian dapat mengkaji secara serius akan kesalahan ini dan implikasinya terhadap masyarakat.

■1620

Seterusnya saya juga ingin menyentuh keperluan DNA. Sekarang ini kita juga kerap mendengar kes penyeludupan bayi. Penyeludupan bayi begitu ketara dan dijual di pasaran gelap oleh individu tertentu. Baru-baru ini terdapat kes individu berpengaruh dan VIP berpangkat Datuk dari negeri saya, Sarawak didakwa terlibat. Jelas aktiviti jenayah ini adalah aktiviti jenayah terancang dengan mempunyai organisasi tersusun dan didalangi oleh individu berpengaruh.

Saya juga membawa keratan akhbar *Utusan Malaysia*, tidak ada tarikhnya di sini, yang mengatakan, “ahli perniagaan bergelar Datuk dan isterinya berusia sekitar 50-an yang memiliki perniagaan menjual kereta mewah turut dipanggil bagi memberi keterangan bagi membantu siasatan iaitu berkenaan dengan penyeludupan bayi.”

Saya sedih dan terpanggil akan nasib dan masa depan bayi-bayi yang diperdagangkan itu. Apakah nasib masa depan mereka nanti? Adakah mereka akan menjadi pelacur, pengemis atau penjenayah apabila dewasa kelak? Apakah jaminan mereka ini akan mendapat pendidikan formal, agama dan akhlak yang sempurna apabila dewasa kelak? Jika aktiviti ini berjaya dibanteras dan bayi-bayi atau kanak-kanak ini dirampas, ke manakah hala tuju bayi dan kanak-kanak yang tidak berdosa itu? Siapa yang menjaga mereka juga hal-hal kebajikan mereka? Adakah ujian DNA diwajibkan bagi tujuan mengenal pasti ibu bapa mereka yang sebenar? Apakah usaha kerajaan untuk memulangkan semula bayi-bayi ataupun kanak-kanak ini yang mungkin dicolek oleh sindiket daripada ibu bapa yang sebenar?

Satu lagi isu saya mahu berbalik kepada Bahagian II, seksyen 6 hingga 11 terdapat di muka surat 11 Akta 670 berkenaan dengan peranan majlis yang ditubuhkan ataupun *Council for Anti-trafficking in Persons. High Profile* dengan izin, majlis yang ditubuhkan dianggotai pelbagai bidang kepakaran dan wakil agensi berkaitan. Walau bagaimanapun tempoh hayat seorang wakil jika tidak meletakkan jawatan ialah selama dua tahun sahaja. Tidakkah ianya terlalu singkat untuk anggota majlis memahami dasar dan polisi seterusnya menjalankan kewajipan yang dipertanggungjawabkan? Juga saya kira peranan NGO perlu diperluaskan dengan mengambil lebih banyak anggota dari NGO menganggotai majlis ini. Sekarang ini hanya maksimum tiga orang sahaja dibenarkan. Kita mempunyai ramai pakar akademik, *research officer* dengan izin, wakil NGO ataupun pencinta alam yang boleh diguna pakai pemikiran mereka. Juga tokoh-tokoh NGO yang saban hari lantang menyuarakan idea dan pendapat mereka berkaitan isu anti penyeludupan dan mangsa-mangsa yang perlu dibela nasib mereka.

NGO berperanan mendidik, memberi perlindungan, memberi motivasi dan bimbingan, asuhan dan terlibat secara langsung dalam proses penghantaran balik ke negara asal. Kita sedar selama ini NGO-NGO bergerak secara *independent, financial independent* dengan izin, setelah hasil kutipan derma dari yayasan dan individu yang bersimpati. Ambil contoh *street kids* atau budak jalanan dan *homeless group* atau orang yang dalam golongan tiada tempat tinggal yang banyak terdapat di jalan raya, Jalan Chow Kit, Petaling Street dan kawasan tumpuan ramai seperti *Central Market* yang terdiri daripada kanak-kanak keturunan Rohingya ataupun Burma. Selama ini saya difahamkan banyak syarikat korporat yang memainkan peranan secara *Corporate Social Responsibility (CSR)* yang memberi makanan, pakaian dan menghiburkan mereka bagi tujuan menaikkan semangat dan iltizam mereka. Saya cadangkan agar kerajaan melihat aktiviti ini secara serius dan dana yang berpatutan bagi tujuan membantu golongan ini.

Bolehkah kementerian berkaitan membantu dan memikirkan langkah terbaik dalam menangani isu ini?

Isu yang ingin juga saya sentuh ialah Bahagian VI, seksyen 58 – Peranan Media terdapat di muka surat 38 Akta 670. Seksyen 58 menyatakan, “tidak boleh memasukkan gambar dan data peribadi orang yang ditahan yang bakal menjadi saksi utama.” Akan tetapi pada hari ini akhbar-akhbar ghairah menyiarkan gambar wanita dari negeri China yang dipanggil “*China doll*” ataupun anak patung boneka dari negeri China yang berpakaian seksi sebagai tajuk utama di muka depan. Majalah tabloid lagi teruk menjadikan ianya sebagai bahan komersial di muka hadapan. Saya kira mereka ini bukan semuanya pesalah kerana mungkin ada yang menjadi mangsa. Dengan tersiarnya gambar seolah-olah mereka ini sudah dijatuhkan hukum bersalah.

Isu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, seksyen 68 berkenaan dengan kemudahan *translator* di muka 39 Akta 670. Seksyen 61 menyentuh isu *translation*, dengan izin. Saya kira kita kekurangan kebolehan *translation* bagi menterjemahkan dokumen prosiding dan semasa mengambil maklumat ataupun keterangan. Adakah terdapat prosedur semasa tangkapan dilakukan? Perlunya ada seorang yang mahir berbahasa asing, bahasa China, bahasa India, Arab dan sebagainya bagi terus meminta info, mencatat rekod dokumen dan mungkin boleh terus menangkap dalang besar yang berselindung. Juga saya mohon kementerian memberikan maklumat jika ada akan kepentingan kemahiran berbahasa asing ini. Adakah maklumat dan statistik terkini dari agensi terlibat berkaitan pegawai dan anggota yang berkemahiran sebegini seperti APMM, polis, tentera, RELA, UPP, imigresen, kastam dan lain-lain?

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah perbahasan saya berkenaan dengan Rang Undang-undang Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ataupun Akta 670.

Pohon mengkudu, pohon kedondong, dengan itu mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng.

4.28 ptg.

Tuan Ng Fook Heng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya membahaskan Rang Undang-undang Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

Saya ingin menunjukan kepada bahagian penguatkuasaannya. Selalunya kita tengok dalam TV apabila pegawai-pegawai penguat kuasa memeriksa premis-premis hiburan atau dilaporkan di media cetak, tidak pernah sekali pun kita nampak wajah tuan punya atau tauke premis ditayangkan. Dua isu yang timbul ialah tauke ataupun tuan punya premis hanyalah sebagai penyelia tempat hiburan, tetapi kemungkinan tuan punya premis juga terlibat dengan isu pemerdagangan orang. Ini kerana pindaan baru yang lebih menyeluruh membawa maksud segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang. *The only missing element*

for the dengan izin, punya premis ialah paksaan, tetapi ini juga boleh dibuktikan melalui temu duga atau *interview* dengan mereka yang ditahan.

Perkara kedua adalah kita biasa melihat di siaran TV setiap kali serbuan polis yang dilakukan atas isu membanteras maksiat. Rakaman selalu ditunjukkan di mana mereka yang dicekup dalam keadaan yang memalukan diri, mereka yang bertempieran lari lintang pukang dan sebagainya. Rasanya tidaklah perlu mensensasikan gambaran ini kerana ia sangat menjatuhkan maruah lebih-lebih lagi bagi mereka yang kemudiannya didapati tidak bersalah. Imej yang ditinggalkan jauh mendatangkan kesan psikologi kepada mereka. Apa yang sebenarnya tujuan pihak-pihak yang terbabit? Faktor adakah ia dikenali kerana mereka menjalankan tugas?

■1630

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kami di Parlimen ini boleh menggubal undang-undang, membaiki yang mana yang tidak baik ataupun menutup *loophole* dengan izin, tetapi bagaimana pula dengan penguatkuasanya? Adakah ia begitu senang bagi pihak yang tidak bertanggungjawab membawa orang masuk keluar ke negara ini?

Berita hari ini seperti yang Yang Berhormat tadi ada katakan, iaitu mengenai 20 orang tahanan warga asing dapat melarikan diri dari depot tahanan imigresen KLIA menyokong kekhawatiran saya di peringkat penguatkuasaannya. Orang tahanan ini boleh memotong besi dalam tahanan dan mereka lari pada pukul tiga pagi tetapi tidak ada pegawai di sana. CCTV pun tidak ada. Oleh itu, saya rasa masalah yang besar mengenai undang-undang ini adalah di peringkat penguatkuasaannya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk memohon supaya apabila kita perlu tambah masa untuk persidangan, kita memohon supaya tambah hari dan bukan tambah masa di sebelah malam kerana susah untuk kami tumpu perhatian dengan sepenuhnya.

Kepada rakan Senator pula, saya mohon kerjasama untuk janganlah memonopoli Dewan ini. Berikan peluang kepada orang lain untuk bercakap. Saya tengok ada satu Hansard pada 27 hari bulan, seorang Yang Berhormat mencelah sebanyak 16 kali. Pada hari itu, Dewan berakhir pada 10.22 malam. Dengan itu, saya memohon menyokong. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz.

4.32 ptg.

Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang. Saya bersyukur kerana akta ini akhirnya dibentangkan.

Akta ini dapat diguna pakai dalam menangani permasalahan seperti buruh paksaan, pelacuran paksaan, industri pornografi, perdagangan dadah, pelajar asing dan sebagainya.

Jenayah pemerdagangan orang ini sebenarnya mengikut satu corak yang tidak banyak beza dari satu kes ke satu kes yang lain.

Pertama sekali, saya mahukan penjelasan daripada pihak-pihak kementerian, sama ada kes yang berkaitan dengan pekerja yang tidak dibayar gaji termasuk dalam kategori pemerdagangan orang.

Saya merujuk kepada kes yang berlaku baru-baru ini di media yang melaporkan mengenai terdapat buruh-buruh asing yang bekerja di kawasan pembangunan tidak dibayar gaji. Kalau dibayar gaji pun, gaji mereka dipotong oleh pihak berkuasa secara haram atas dasar perlindungan. Saya harap kes sedemikian juga termasuk di dalam kategori ini.

Kuasa Menteri. Tuan Yang di-Pertua, seksyen 8 menyebut tentang kuasa menteri untuk memberikan arahan kepada Majlis Antipemerdagangan Orang. Seksyen 57 menyebut tentang kuasa menteri untuk memindahkan orang yang diperdagangkan dari satu tempat perlindungan ke tempat perlindungan yang lain. Seksyen 66 memberi kuasa kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat untuk memberikan kuat kuasa penuh atau bagi menjalankan peruntukan akta ini. Seksyen 67 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat ubah suaian kepada mana-mana peruntukan akta ini dalam masa dua tahun permulaan kuat kuasa.

Saya kira akta ini banyak memberi kuasa kepada menteri di dalam membuat keputusan. Di dalam akta ini membenarkan pembentukan sebuah Majlis Antipemerdagangan Orang. Mengapakah kuasa seperti ini tidak diberikan kepada majlis untuk membuat keputusan? Ada ketikanya Perdana Menteri memegang jawatan Menteri Dalam Negeri. Sekiranya situasi ini berulang, maka kita akan mendapati Perdana Menteri diberi kuasa autonomi di dalam isu berkaitan dengan pemerdagangan orang.

Persoalannya, kenapakah kuasa yang begitu besar diberi kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri tetapi bukannya kepada Majlis Antipemerdagangan Orang? Kementerian Keselamatan Dalam Negeri merupakan satu kementerian yang penting. Jawatan menteri ini pernah dipegang oleh Perdana Menteri dalam 20 tahun yang lepas. Jadi mengapakah kita memberikan kuasa yang begitu besar kepada Menteri berkenaan tetapi bukan kepada Majlis Antipemerdagangan Orang yang terdiri daripada wakil daripada kementerian-kementerian dan NGO berkaitan?

Dokumen perjalanan atau pengenalan diri *fraud*. Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 26E menyebut mengenai dokumen perjalanan. Seperti yang kita maklum, pelarian yang datang ke negara ini tidak mempunyai dokumen sah. Ada yang datang atas mengharapkan perlindungan politik. Mereka ini tidak mempunyai pasport yang dikeluarkan oleh negara mereka tetapi mereka ini mempunyai pas kebenaran daripada UNHCR.

Saya ingin bertanya, adakah dokumen yang dikeluarkan UNHCR dianggap sebagai dokumen perjalanan yang sah dan diperakui Kerajaan Malaysia? Ini penting untuk mengelak

daripada anggota-anggota Rela yang dalam operasi tangkapan, mereka dapat membezakan mereka ini.

Ada juga pekerja asing yang datang ke negara ini untuk mencari rezeki dan mempunyai dokumen sah tetapi majikan mereka menyimpan pasport atas alasan menghalang mereka dari lari. Sungguhpun demikian, mereka ini dibenarkan menyimpan salinan pasport mereka. Adakah salinan ini diiktiraf oleh pihak berkuasa?

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 52(3) dalam rang undang-undang ini memberi kuasa kepada majistret untuk merakamkan keterangan orang yang diperdagangkan dan menyelesaikan perakaman dalam masa tujuh hari dari tarikh pengemukaan orang yang diperdagangkan itu ke hadapannya. Saya berpendapat seksyen ini tidak sehaluan dengan pindaan Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada tahun lepas.

Parlimen bersetuju bahawa rakaman keterangan yang dilakukan oleh majistret dilupuskan. Jawatankuasa Pilihan Khas membuat keputusan ini selepas mengambil kira cadangan daripada Peguam Negara sendiri iaitu majistret haruslah dibebaskan daripada urusan membuat rakaman keterangan saksi supaya majistret tidak dibabitkan dengan pergaduhan tentang kejituan sesuatu keterangan yang boleh dielakkan seperti hadir dalam perbicaraan Mahkamah Tinggi.

■1640

Jadi saya ingin memohon penjelasan, apakah rasionalnya kuasa diberikan kepada majistret untuk merakamkan keterangan daripada mangsa pemerdagangan orang. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Puan Usha Nandhini.

4.41 ptg.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai isu pemerdagangan orang, pencegahannya memerlukan satu pendekatan yang holistik serta menyeluruh memandangkan isu ini begitu kompleks sekali.

Diketahui umum bahawa faktor ekonomi merupakan antara faktor utama mengapa berlakunya *human trafficking*, dengan izin, menyentuh isu-isu kemiskinan pembangunan yang mundur serta peluang-peluang yang kurang, pengangguran, ketiadaan akses kepada peluang yang sedia wujud menyebabkan ramai yang ingin berhijrah ke tempat lain yang dianggap lebih baik ataupun yang dianggap lebih elok.

Selain itu sesetengah amalan sosial dan juga budaya turut menjadi faktor khususnya isu-isu seperti perkahwinan paksaan dan juga *underage marriage*, dengan izin. Dalam menangani isu ini saya merasakan penyelidikan yang rapi amat penting bagi memahami masalah ini untuk

seterusnya merangka dasar dan juga polisi. Ia juga dapat dijadikan alat untuk mendapatkan momentum yang sesuai dengan adanya statistik yang tepat. Pada masa yang sama, koleksi data yang sistematik, analisis dan pengagihan data juga penting untuk memastikan polisi yang digubal merupakan *evidence based*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, peranan masyarakat awam merupakan antara komponen yang *crucial* di dalam pendekatan yang lebih komprehensif apabila memperkatakan isu pemerdagangan orang. Apa yang penting adalah peningkatan dari segi kesedaran dan juga advokasi. Organisasi-organisasi sivil dan juga NGO dapat membantu kerajaan mengenal pasti mangsa-mangsa yang memerlukan bantuan. Saya mencadangkan agar agensi kerajaan yang berkaitan dengan isu ini bekerja rapat dan membentuk satu jalinan kerjasama dengan organisasi *civil society*.

Pada masa yang sama, kempen-kempen kesedaran awam tentang keseriusan isu ini haruslah dipertingkatkan. Saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat awam mengenai isu pemerdagangan orang khususnya bagi mereka memahami isu ini dan juga apa yang berkaitan dengannya secara mendalam dan juga terperinci. Pada masa yang sama kita haruslah meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai tentang pentingnya mereka turut bertindak sebagai agen. Agen yang akan melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat kes-kes ataupun insiden yang mencurigakan.

Pada masa yang sama, memandangkan isu pemerdagangan orang ini turut meliputi kanak-kanak. Kanak-kanak yang kadang-kadang diculik untuk tujuan yang begitu menyedihkan sekali. Seperti pekerja kanak-kanak, pelacur, peminta sedekah, untuk diambil organ-organ mereka. Usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran dan juga cara untuk mengelakkan ianya daripada berterusan haruslah dilipatgandakan. Di sini saya ingin bertanyakan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan para pelajar sekolah khususnya para pelajar di peringkat pra-sekolah dan juga sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kesedaran awam dan penyelidikan memainkan peranan yang penting, pendidikan adalah antara aspek yang sangat penting. Saya menyarankan agar para pendidik dan juga kementerian dapat melihat kemungkinan memasukkan modul di peringkat sekolah dan juga peringkat pengajian tinggi bagi menerangkan kepada para pelajar kita mengenai isu gender, isu hak asasi manusia dan sebagainya.

Pada masa yang sama, subjek-subjek ini haruslah mampu mendidik anak-anak kita mengenai modus operandi dan juga bahaya, cabaran serta akibat dari migrasi yang tidak teratur dan peluang-peluang pekerjaan di luar negara yang mungkin merupakan satu penipuan. Contohnya, mengikut *Cambodia Five Years Plan Against Trafficking & Commercial Sexual Exploitation of Children*, dengan izin, '*schools will be used as a place to make both teachers and pupils aware of the problem, the law, the tricks used by the traffickers and the existing protection mechanism*', dengan izin.

Media memainkan peranan yang amat penting di dalam menyebarkan kesedaran dan juga kefahaman di kalangan masyarakat umum mengenai isu pemerdagangan orang. Agensi-agensi ataupun agen-agen media massa baik bercetak mahupun elektronik dapat membantu mendesiminasikan maklumat. Saya berpendapat media harus dimasukkan ke dalam polisi pencegahan Akta Pemerdagangan sebagai alat untuk meningkatkan kesedaran. Ini kerana media sebagai satu alat penyebar yang maklumat yang kuat dapat mempengaruhi masyarakat dan meningkatkan kesedaran. Akan tetapi lebih penting daripada itu ia juga mempunyai satu tanggungjawab sosial. Satu tanggungjawab untuk memberikan maklumat dan juga informasi yang tepat dan juga untuk memastikan perlindungan yang sewajarnya diberikan kepada individu dan juga dari apa jua bahaya yang mungkin wujud akibat dari *information disclosure*, dengan izin, itu tadi.

Liputan media mestilah tidak membahayakan nyawa mana-mana ataupun mengganggu privasi mereka. Tuan Yang di-Pertua, adalah penting kita menggalakkan peranan pihak swasta untuk turut serta di dalam pembentukan polisi korporat. Pihak swasta haruslah digalakkan untuk membentuk polisi-polisi etika ataupun *codes of conduct*, dengan izin, yang memerlukan pengamatan polisi sifar toleran terutamanya dalam isu-isu berkaitan dengan pemerdagangan kanak-kanak.

Ini kerana terdapat bidang-bidang yang membabitkan penculikan kanak-kanak berkait rapat dengan pihak swasta. Ini terutamanya dalam agensi-agensi pelancongan yang mungkin menjadi dalang di mana hotel, syarikat-syarikat teksi dan juga agensi-agensi pelancongan mempunyai satu kaitan yang rapat. Justeru itu saya ingin mencadangkan agar pihak swasta digalakkan membentuk dan juga menggubal kod etika ataupun *codes of conduct*, dengan izin, berhubung mangsa-mangsa *trafficking* dan juga semua tenaga kerja yang bersifat eksploitasi.

Insentif mungkin boleh diberikan kepada pihak swasta. Sebagai contoh, pengecualian cukai bagi syarikat-syarikat yang mematuhi kod-kod etika seperti ini. Di sini juga saya ingin bertanya, bagaimanakah pihak kerajaan akan menangani pemalsuan data orang yang diperdagangkan. Ini kerana mereka ini mungkin datang sebagai *legal migrant* akan tetapi bertukar status apabila sampai ke sebelah sempadan atau *host country*, minta penjelasan.

Juga pada masa yang sama penipuan data dalam isu ini ataupun penyeludupan migran melibatkan jaringan antarabangsa dan sukar dikesan. Apabila dikesan ianya sudah dikira terlambat dalam menangani masalah penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Antipemerdagangan Orang pada hari ini menunjukkan betapa seriusnya isu ini dan ia merupakan satu isu global. Isu global yang perlu kita tangani dengan segera dan segala tindakan yang diambil mestilah menjurus kepada satu keputusan. Satu keputusan yang boleh menghalang pemerdagangan orang ini daripada terus berlaku. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Prof. Dato' Dr. Firdaus.

4.48 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut memberi sumbangan dalam penglibatan tentang Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang ini. Setelah mendengar rakan-rakan Yang Berhormat bercakap sepanjang petang ini, saya terus terang dengan tidak merasa malu menyatakan bahawa saya belajar amat banyak daripada apa yang diperdebatkan pada petang ini.

Saya belajar sangat banyak dan tiba-tiba menjadi merasa sedar betapa seriusnya masalah ini. Ini adalah masalah yang saya panggil sebagai masalah *multi-dimension*, multi dimensi yang oleh kerana itu memerlukan pendekatan, penyelesaian yang, dengan izin, *multi approaches*. Tidak mungkin *approach* yang bersifat *criminal*— langkah-langkah mengelakkan *criminal* sahaja yang kita lihat, yang kita perlu beri perhatian.

Oleh kerana di sini terdapat dimensi ekonominya, dimensi sosialnya, dimensi politik, dimensi moral dan lebih teruk lagi Tuan Yang di-Pertua, dimensi peradaban. Ia menggugat, apa yang berlaku sekarang ini ialah menggugat peradaban manusia. Kita seakan-akan kembali kepada zaman jahiliah. Memperdagangkan orang. Memperdagangkan yang berlaku di zaman jahiliah sama ada dengan pengeksportan, pembawaan orang-orang hamba dari Afrika ke Amerika Syarikat atau apa yang kita ketahui di negara Arab di zaman jahiliah.

Jadi ini amat menakutkan. Oleh kerana itu saya melihat ini adalah satu isu yang *multi-dimensional* yang memerlukan pendekatan atau penyelesaian yang, dengan izin, *multi-approaches*.

■1650

Oleh sebab itu, memandangkan betapa seriusnya masalah ini Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat rakan di sebelah saya tadi. Maka perlulah kita menyebarluaskan, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya. Bukan penting tetapi betapa menakutkannya, betapa seriusnya isu ini. Oleh sebab itu saya mencadangkan supaya - saya tidak tahulah sama ada cadangan ini terlalu, dengan izin *too far-fetched* atau tidak.

Saya rasa perlu kita mengeluarkan satu kertas putih - *white paper* tentang keseriusan masalah ini. Ia bukan sahaja masalah dan termasuk dalam masalah ini saya kira ialah, masalah yang selama ini kita bincangkan di bawah *heading* dengan izin. Di bawah tajuk lain iaitu di bawah parti. Parti pun adalah salah satu bentuk atau satu ranting daripada pemerdagangan orang ini. Oleh sebab itulah, saya merasakan satu kertas putih mendedahkan pelbagai aspek dan dimensi, perkara ini perlu dikeluarkan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat. Untuk memberi

pendidikan kepada masyarakat dan memberi ingatan kepada orang-orang yang mungkin menjadi mangsa termasuk anak-anak kita, termasuk anak-anak sekolah.

Jadi itulah saya melihat tentang betapa seriusnya perkara ini Tuan Yang di-Pertua. Saya menggunakan perkataan yang saya teragak-agak hendak menggunakan atau tidak, saya ingat ini adalah suatu perkataan dengan izin, dengan maaf menjijikkan - *distasteful* dengan izin. Jadi perkara yang menjijikkan ini kalau tidak ditangani dengan serius, barangkali kita akan menyesal kemudian.

Kita tahu juga umpamanya, perkara-perkara yang berlaku ialah bagaimana orang-orang yang tidak berperikemanusiaan ini mengupah anak-anak atau perempuan-perempuan menjadi peminta sedekah, yang barangkali memerlukan satu bentuk penelitian yang lain oleh pihak kerajaan. Ertinya bahawa meminta sedekah dijadikan satu industri dengan mempergunakan orang-orang yang diperdagangkan ini, dan ini adalah satu aspek yang perlu diberi perhatian. Oleh sebab itu, saya merasa apa yang saya sebut tadi tentang keperluan mengeluarkan satu kertas putih itu sangat penting. Sehubungan dengan perkara ini, saya setuju dengan apa yang telah diperkatakan sepanjang petang ini adalah tentang perlunya kita mengenakan hukuman yang berat - berat, sungguh-sungguh berat terhadap perkara ini. Bermakna lebih berat daripada pendedaran dadah, seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan Yang Berhormat sebentar tadi.

Untuk itu saya juga ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Mengikut berita yang kita baca di akhbar pagi ini, iaitu bahawa kerajaan tidak lagi akan mengeluarkan *visa on arrival* (VOA). Bukan tidak mengeluarkan - akan lebih selektif dalam mengeluarkan *visa on arrival* ini. Ini antara perkara-perkara yang memudahkan *human trafficking* ini yang kita tidak sedari selama ini. Kerana berbagai-bagai helah dengan kecanggihan teknologi sekarang, berbagai-bagai helah orang boleh gunakan untuk datang ke tempat ini. Diberi *visa on arrival* dan kemudian lesap entah ke mana.

Sehubungan ini juga, umpamanya dahulu ada berita bahawa akan dilakukan gerakan mengesan pendatang-pendatang tanpa izin di restoran-restoran di serata tempat. Akan tetapi kemudian dengan alasan kononnya akan menjejaskan industri restoran, maka kita bertolak ansur lagi. Jadi oleh sebab itu, sikap bertolak ansur ini sepatutnya kita ubah. Kita harus mempunyai dengan izin - tidak perlu dengan izin, azam politik, dengan izin *political will* yang lebih kuat. Ertinya perkara ini bukan sahaja akan menggugat keselamatan kita, malah seperti yang saya katakan tadi akan menggugat peradaban kita. Oleh sebab itu - saya sedar hari semakin lewat Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mencadangkan suatu kertas putih dikeluarkan. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

4.55 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya harus menyatakan bahawa saya merasa senang kerana akta ini dan pindaan-pindaan yang dikemukakan memberikan penjelasan dan pengkategorian yang terang dan tegas tentang beberapa hal. Misalnya pada pindaan 2, disebutkan bahawa akta ini akan dikenali sebagai pemerdagangan orang dan penyeludupan migran dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya. Jadi dibezakan di antara dua itu dan bukan sahaja peruntukannya dibezakan, bahkan hukuman-hukuman ini pun dibezakan.

Selain daripada itu, dijelaskan juga terutama sekali tentang konsep-konsep destinasi iaitu tempat ketibaan, tempat persinggahan atau transit dan tempat pemergian ataupun tempat perginya orang yang diperdagangkan daripada sini. Berhubung dengan mereka yang datang, saya ingin menarik perhatian tentang perbezaan-perbezaan jenis orang yang diperdagangkan. Mereka bukan dijual beli secara terang dan tegas, tetapi ada unsur-unsur di mana misalnya mereka tertipu sehingga mereka boleh diperdagangkan.

Misalannya kita ambil wanita - ada wanita yang datang ke mari dari luar yang bertujuan, berniat betul-betul hendak bekerja. Akan tetapi apabila sampai di sini - untuk bekerja ataupun belajar, tetapi apabila sampai ke mari mereka tidak dapat peluang atau tidak mempunyai wang untuk bekerja ataupun melanjutkan pelajaran. Dalam hal yang demikian, tersangkut ataupun terperangkap kepada sindiket-sindiket ataupun agen-agen yang akhirnya menjadikan mereka perempuan-perempuan apa ini...

Seorang Ahli: Pelacur. [*Menyampuk*]

Dr. Syed Husin Ali: Pelacur. Satu lagi ialah di mana misalnya mereka mencari kerja, tetapi akhirnya di mana kategori kedua ialah mereka sebenarnya dijanjikan pekerjaan dari awal, dari tempat mereka datang. Apabila dibawa ke mari tidak diberi pekerjaan, tetapi diletakkan di tempat-tempat pelacuran. Kategori ketiga ialah golongan orang yang memang datang ke mari kerana mereka mendengar tempat ini adalah tempat yang boleh memberi mereka pendapatan yang tinggi, dengan aktiviti-aktiviti pelacuran dan tujuan mereka datang adalah berniat begitu. Jadi saya tidak tahu sama ada kategori-kategori ini membawa implikasi tentang hukum-hukum yang berlainan ataupun adakah kita satukan sahaja.

Satu lagi ialah mengenai laki-laki pula. Kita dapati ada golongan yang memang datang ke mari untuk mendapatkan pekerjaan yang sebaik mungkin. Akan tetapi akhirnya - misalnya bekerja di ladang-ladang atau tempat-tempat yang jauh dan bukan sahaja begitu. Di tempat-tempat yang jauh itu, mereka kadang-kadang diambil pasport mereka disimpan oleh majikan. Oleh sebab itu tidak boleh keluar dan seolah-olah dipenjarakan - seperti dalam penjara, menjadi buruh paksaan. Sebilangan mereka kita tahu daripada berita-berita tidak diberikan gaji ataupun pendapatan yang sewajarnya berbulan-bulan. Mereka tidak boleh keluar melaporkan kerana mereka tidak ada pasport. Kalau keluar dan didapati tidak berpasport akan ditangkap, jadi

mereka ketakutan. Ini bukan sahaja berlaku kepada lelaki tetapi juga kepada perempuan yang sama ada pelacur ataupun bekerja di rumah, dengan tidak dibenarkan keluar dari rumah berhari-hari, bekerja panjang dan pasport mereka juga diambil.

Jadi sehubungan dengan ini, bukan sahaja soal kita harus membezakan kategori-kategori ini untuk menentukan apa hukumannya. Akan tetapi ia melibatkan juga misalnya setengah-setengah yang dapat melarikan diri, tetapi tidak ada tempat perlindungan. Di Kuala Lumpur misalnya - di Kuala Lumpur setahu saya hanya ada dua tempat perlindungan sahaja yang dijalankan oleh pihak NGO, tetapi adalah tempat perlindungan yang lain - UNCHR dan sebagainya

■1700

Akan tetapi kita harus menggalakkan lebih banyak lagi NGO menyediakan tempat perlindungan. Ini kerana pada masa ini, satu daripada tempat perlindungan yang dijalankan oleh NGO itu hanya boleh menampung kira-kira 50 orang. Jadi, kalau kedua-duanya lebih kurang seratus. Ini jauh daripada memadai bagi mereka. Satu lagi ialah yang berkaitan dengan tempat ini sebagai pangkalan ataupun sebagai pembekal kepada aktiviti memperdagangkan orang ke luar negara. Dalam hal ini, kita dapati sekali lagi bermacam-macam kategori. Ada satu kategori di mana orang berharap akan dapat kerja di luar negara dan menemui agen ataupun sedikit. Akhirnya, mendapat pekerjaan sebagaimana yang mereka harapkan.

Satu lagi, ini lebih bermasalah sama ada ini berkaitan atau tidak dari segi definisi memperdagangkan ialah golongan misalnya ramai yang kita dengar sekarang ini khabarnya lebih daripada 1,000 dan ada yang telah dihukum bunuh, tujuh orang yang telah dijatuhkan hukuman bunuh iaitu mereka ayang menjadi seperti keldai boleh dikatakan untuk membawa dadah ke luar negara. Di luar negara mereka ditangkap, ditahan, dan ini melibatkan ramai wanita Melayu. Satu kategori lagi yang keluar ini adalah mereka yang hilang. Kita tahu ramai beribu-ribu anak gadis dan kanak-kanak yang hilang. Kita tidak tahu sama ada mereka ini jadi pelacur di luar negara ataupun misalnya menjadi seperti hamba abdi ataupun buruh paksa di tempat-tempat lain.

Kategori ketiga ialah kanak-kanak terutama sekali yang diculik. Mereka ini, ada berita yang mengatakan bahawa mereka dibawa ke negara-negara yang melakukan pemindahan organ. Apa yang berlaku ke atas mereka ialah seolah-olah mereka separuh dibunuh atau dibunuh untuk mendapatkan organ daripada mereka yang boleh dijual dalam pemindahan organ kepada beberapa orang. Jadi, apa yang saya maksudkan di sini ialah kita harus mengenali semua kategori ini dan kita harus memikirkan sama ada boleh atau tidak kita mengawal terutama sekali bukan sahaja kemasukan seperti yang saya sebutkan tadi tetapi juga pengeluaran orang-orang yang diperdagangkan daripada negara ini. Apakah jenis-jenis hukuman? Adakah kita perlu lebih sistematik untuk memikirkan hukuman yang berbeza-beza di antara mereka ataupun kita ambil sahaja secara semberono hukuman yang serupa bagi tiap-tiap seorang.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa kita sekarang ini ialah sebuah negara yang di *blacklisted* dalam soal memperdagangkan orang walaupun sekarang ini kategori kita telah semakin baik. Akan tetapi saya bersetuju dengan rakan-rakan yang telah menegaskan tadi bahawa tindakan-tindakan preventif haruslah dan juga kadang-kadang tindakan-tindakan yang menghukum hendaklah kuat supaya dapat kita mengelakkan atau kita menjauhkan tindakan-tindakan liar yang berlakunya sekarang ini. Saya bersetuju dengan pandangan saya bahawa seolah-olah kelihatan tidak cukup *political will* dan tidak cukup keberkesanan tindakan untuk memastikan bahawa perkara ini tidak akan berlaku selanjutnya.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nyatakan rasa senang hati saya terutama sekali kepada seksyen 7 kerana seksyen 7 ini sebagai pemindaan yang baru menjelaskan tentang tugas dan peranan yang dijalankan oleh majlis. Majlis ditubuhkan dan majlis ini diberikan fungsi dan kuasa yang jelas. Akan tetapi saya tidak nampak di sini sama ada di tempat lain. Tidak ada disebut siapakah yang akan menjadi anggota-anggota majlis ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani .

5.05 ptg

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia untuk semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya ikut serta di dalam perbahasan Rang Undang-Undang D.R. 22/2010 Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Tuan Yang di-Pertua, memperdagangkan orang merupakan satu perniagaan yang sangat menguntungkan. Mereka yang terjebak di dalam perdagangan orang merupakan orang yang tegar di dalam menghadapi ancaman dari pihak berkuasa atau kerajaan. Mereka tidak takut menghadapi risiko kerana pulangan yang lumayan dan jika ditangkap sekalipun mereka masih mampu membayar denda.

Tuan Yang di-Pertua, *Berita Harian*, 26 Julai 2010, 71 amah dikurung. Isu di sini ialah bekas guru yang berani melakukan kesalahan memperdagangkan orang. Mengeksploitasi orang yang dipaksa bekerja di bidang lain khususnya di bidang pelacuran yang tidak ada digazet oleh kerajaan dan jika disabit kesalahan boleh dipenjarakan 15 tahun. Sepatutnya, untuk menjadi pengajaran seeloknya ditambah 20 tahun, semua harta dirampas jika terbukti ini amalan kerjanya. Itulah yang kita kehendaki pindaan bersabit dengan kes ini dan juga boleh denda. RUU Antipemerdagangan Orang 2007 yang akan dibahaskan belum memasukkan jumlah maksimum yang dikenakan. Bayangkanlah keuntungan yang diperoleh dari skim yang dijana oleh 71 orang amah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama di antara agensi, penguat kuasa, PDRM, imigresen, APMM dan Kastam di dalam negara masih longgar. Di mana kelonggaran yang didapati digunakan oleh mereka untuk melakukan jenayah ini perlu diambil perhatian yang serius. Denda

yang berat sekali pun dikenakan tidak dapat mematahkan semangat mereka untuk memperdagangkan orang kerana di luar sana masih ramai lagi mereka yang boleh diumpan dengan wang atau terjebak di dalam perniagaan ini. Memperdagangkan orang berkaitan dengan wanita remaja adalah untuk tujuan pelacuran yang dimulakan dengan janji untuk bekerja sebagai Pegawai Perhubungan Awam atau menggunakan nama sebagai Eksekutif Perniagaan syarikat-syarikat besar.

Wanita atau remaja perempuan yang terbabit sebagai komoditi perdagangan ini jika dirogol atau dicabul oleh tekong atau taiko, apakah hukuman yang dijatuhkan itu membezakan perlakuan mereka kerana jenayah merogol kanak-kanak hendaklah dianggap lebih serius jika dibandingkan merogol wanita dewasa walaupun jenis rogol merupakan satu jenayah di bawah kanun keseksaan?

Tuan Yang di-Pertua, apakah wujud peruntukan hukuman yang berat yang mengelaskan jenayah memperdagangkan orang yang dilakukan di malam hari dan satu lagi dilakukan di waktu siang hari? Apakah bezanya? Tolong jelaskan dengan terperinci. Untuk *locality* seperti Sabah dan Sarawak terutamanya negeri Sabah, terdapat banyak laluan-laluan tikus di sempadan di antara Indonesia dan Sabah serta Sarawak yang membolehkan perdagangan orang dilakukan dengan lebih senang kerana mengesan berlaku adalah sangat sukar.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah isu agama dapat membantu di dalam membanteras perdagangan orang. Sejauh manakah penglibatan masyarakat dapat membantu di dalam menghalang perdagangan orang ini? Bagaimanakah pihak kerajaan menangani pemalsuan data dan *detail* mengenai orang yang didagangkan kerana mereka ini mungkin di datangkan sebagai *legal migrant* tetapi bertukar status apabila selamat menyeberangi ke sebelah sempadan atau *host country*.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin isu penyeludupan ini sukar ditangani kerana wujudnya permintaan yang tinggi terhadap *migrant* kerana keperluan ekonomi. Walaupun kerajaan berusaha mencegah isu negatif berkaitan dengan *migrant*, terdapat dipihak agensi-agensi kerajaan lain, yang menyiasat pula bagaimana untuk membawa masuk *migrant* ini, yang kemudian memungkinkan menjadi satu isu penyeludupan manusia. Apakah bezanya? Kesan terhadap ekonomi negara kerana beban kewangan yang ditanggung oleh kerajaan di dalam menjaga mereka yang ditahan, kos sebelum dan selepas *migrant* ini, semasa menunggu dihantar pulang ke negara asal mereka masing-masing.

Memperdagangkan orang ini – penyeludupan manusia membolehkan mereka melakukan penipuan data. Ini mungkin melibatkan jaringan antarabangsa dan sangat sukar dikesan. Apabila dapat dikesan ia sudah dikira terlambat. Di dalam menangani masalah penyeludupan, inilah betapa pentingnya dan perlunya demi keselamatan negara walaupun kos yang tinggi, pusat peti simpanan DNA perlu diadakan di dalam negara kita. Percayalah, ia sangat perlu untuk

keselamatan negara yang kita cintai. Penyangak-penyangak ini cukup pandai dan cukup pandai menyamar, bertukar wajah cuma kalau kita ada peti simpanan DNA, mereka terperangkap.

Tuan Yang di-Pertua, daripada data yang diterbitkan di dalam beberapa artikel kebarangkalian jumlah pendatang asing yang ada di negara ini mungkin berjumlah lebih kurang 5 juta orang. Jumlah yang ditafsirkan yang didaftarkan ialah sejumlah hampir 2 juta sahaja. Selebihnya tidak dapat dikesan. Mereka ini lenyap secara halus dan diam di dalam masyarakat kita. Secara tidak langsung pendatang-pendatang haram ini (PATI), bekerja untuk menyara kehidupan di sini dengan bantuan orang tempatan, dengan kadar upah yang paling minimum.

Secara tidak langsung juga kehadiran mereka ini diterima. Majikan sedemikian tidak dikira terlibat dengan masalah kontrak kerana dari segi undang-undang tidak wujud kontrak di antara PATI dan majikan kerana undang-undang tidak membenarkan sebarang kontrak diwujudkan. Jika disabitkan kesalahan pun ialah kerana memberi perlindungan kepada warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, kadar jenayah yang wujud bercirikan penculikan yang diasaskan kepada penipuan, di mana terdapat wanita dan gadis remaja melarikan diri atas alasan cinta. Wanita dan remaja atau gadis merelakan diri mereka ditipu dan ini memberi makna yang empunya diri mudah terpedaya. Isu hubungan antarabangsa boleh terjejas kerana perbuatan mereka yang terlibat dengan dua warganegara yang mempunyai kepentingan tersendiri. Walaupun hubungan antarabangsa adalah didasarkan di atas bersangka, prasangka baik dengan jiran-jiran di dalam ASEAN misalnya, ia boleh mendatangkan sangkaan negatif.

Cerita-cerita yang dibawa oleh PATI balik ke negara asal mereka boleh mencetuskan rasa tidak puas hati. Jika cerita yang dibawa mereka ini disensasikan oleh setengah-setengah pihak media yang tidak bertanggungjawab. Media boleh merebakkan sentimen kebencian di dalam persaudaraan. Tuan Yang di-Pertua, isu mereka yang merempat juga tidak boleh dipandang remeh atau dipandang ringan kerana boleh *undermine* kedudukan ekonomi negara.

Pihak pelabur boleh beranggapan atau mempunyai persepsi negatif terhadap orang merempat kerana beberapa faktor yang antara lain ialah, wujudnya peluang pekerjaan yang sangat terhad di mana orang-orang merempat ini dikira gagal mendapatkan tempat atau peluang pekerjaan di dalam negara kita. Memungkinkan elemen jenayah berlaku atau asas kadar upah yang tidak setimpal, maka mereka rela menjadi orang merempat atau rakyat tidak mahu bekerja, pemalas. Selain itu juga, memungkinkan wujudnya lebih pekerjaan yang tidak bermoral atau dorongan ekonomi peribadi terutamanya kepada wanita-wanita dan gadis-gadis remaja.

Isu perubahan wang haram. Tuan Yang di-Pertua, perubahan wang haram yang berkaitan dengan tujuan keganasan atau rangkaian menaja keganasan di dalam atau di luar negara. Perubahan wang haram ini boleh mendatangkan huru-hara di dalam sistem perbankan negara di mana boleh menjebakkan mereka menjadi tamak tanpa mahu berusaha, tetapi mempunyai kesenangan yang mendadak. Ramai juga yang telah melaporkan di pihak media dan

laporan dari pihak PDRM, di mana ramai wanita-wanita tertipu dengan warganegara Afrika yang menjalankan kegiatan pengubahan wang haram.

Wanita yang dewasa tanpa pasangan akan mudah terpedaya kerana ingin mendapatkan pasangan, sanggup menurut kata-kata atau rancangan penipuan ini. Isu yang terbabit ialah nilai jati diri atau moral wanita ini sudah terhakis keimanannya dan ini menampakkan keruntuhan moral kerana ingin cepat kaya dan tidak percaya kepada ketuhanan, bahawa hidup, mati, rezeki dan pasangan seseorang hamba Allah itu adalah ditentukan oleh Allah SWT.

Senjata api dan senjata-senjata lain. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dilaporkan terjumpanya senjata api di tempat pembuangan sampah. Apakah petanda dari laporan ini? Jika ia dikaitkan dengan isu sempadan, maka ia membawa makna sempadan negara kita ini senang dibolosi oleh pendatang-pendatang atau barang-barangan yang dikawal oleh kerajaan. Jika isu ini dikaitkan dengan pengumpulan data atau keperluan dokumentasi, ia membawa maksud bahawa pegawai-pegawai atau penjawat awam yang menjaga keselamatan di dalam negeri boleh dipersoalkan. Perlu ambil perhatian dan dipantau terutamanya kesemua sempadan-sempadan negara jiran kita.

Rampasan senjata api oleh pihak berkuasa di dalam jumlah yang banyak juga membawa maksud tersendiri, bahawa dengan mudah barangan ini dibawa masuk ke negara ini dan berada betul-betul di tengah kawasan bandar raya. Kesannya, jika digunakan hanya setelah berlaku kejadian, baru menampakkan impaknya yang sebenar. Ingatlah! Jaga-jagalalah! Jangan biarkan pisang berbuah dua kali.

Isu keselamatan undang-undang pencegahan. Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan dadah musuh nombor satu negara. Isu berkaitan dengan keganasan di dalam dan di luar negara. Keganasan yang memusatkan kepada kemusnahan harta benda dan mendatangkan kematian dan kecederaan kepada orang awam pada hari ini ia telah menjadi isu global kerana rantaian permusuhan, kemusnahan yang boleh berlaku mendatangkan huru-hara dalam masyarakat. Menjatuhkan ekonomi sebuah negara dan memporak-perandakan institusi keluarga.

■1720

Misalnya isu Jemaah Islamiah (JI) di mana ia merupakan satu *division* atau terkeluar daripada kelompok majoriti dan secara terang dengan jelas terkeluar atau bercanggah dengan keperluan kerajaan yang sedang memerintah yang diterima ramai oleh rakyat. Ini juga diambil perhatian yang serius, pemantauan dari semasa ke semasa setiap pertubuhan dan segala aktiviti yang berkumpul perlu diserapi, dipantau secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga satu jenis bahaya yang perlu ditangani dengan sebaik mungkin ialah mereka yang dikelaskan sebagai golongan atasan, iaitu golongan yang memberikan sokongan di dalam diam-diam dan senyap. Golongan ini sangat merbahaya kerana kita tidak tahu arah dan hala tuju mereka. Mereka ini mungkin mempunyai wang yang banyak serta seorang yang mempunyai intelektual yang tinggi (*high intellectual*) dan dihormati. Istilah

gelaran 'Tentera Anai-anai', bertapak dalam busut yang besar, kecil menunggu masa untuk berpesta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tumpukan isu...

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Dadah pula merupakan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau boleh tumpukan dalam antipemerdagangan orang ini. Ya, kalau boleh Yang Berhormat tumpukan kepada...

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Memang sudah keselamatan negara berpunca daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Dadah pula merupakan masalah bukan lagi dalam negeri tetapi telah masuk ke peringkat global. Jenis-jenis dadah yang semakin canggih dengan kegunaan '*proposer*' yang sukar untuk ditangkap atau dikesan kerana setengah bahan yang digunakan adalah keperluan industri biasa. Gam misalnya tidak boleh dikeluarkan dari '*Harmonizes Custom Code 2010*' kerana ia kegunaan industri. Akan tetapi ia telah disalahgunakan oleh penagih dadah. Kita tidak boleh diskriminasi '*drug*' seperti negara Portugal yang berjaya di dalam menangani isu ini kerana Portugal tidak mempunyai jenis penagih seperti di Malaysia yang kebanyakannya tegar di dalam penagihan.

Saranan, tahniah saya kepada Yang Berhormat Menteri dan kepimpinan yang begitu sibuk mengambil berat dengan keselamatan negara yang kerap turun ke bawah membuat pemantauan sendiri.

Apakah yang perlu dilakukan untuk tambah baikkan untuk memastikan keselamatan di dalam negara kita terjamin dan tidak mudah dibolosi:

- (i) apakah perlu meninggikan lagi jumlah penalti jika tidak dapat membayar penalti *declare* mereka sebagai seorang bankrap, di mana mereka tidak boleh lagi menjalankan apa-apa jenis perniagaan;
- (ii) hukuman mati mandatori dan tidak dibenarkan untuk rujukan ke badan pengampunan, "tiada maaf bagi mu." Ketegasan perlu demi keselamatan negara kita yang kita cintai. Kalau negara jiran kita hilang senyap tidak dapat dikesan entah di mana oleh keluarganya. Bernasib baiklah negara Malaysia adalah sebuah negara yang banyak toleransi dan sebuah negara yang begitu baik di dalam dunia masa kini;
- (iii) meramaikan anggota penguat kuasa dan mereka ini diberi insentif yang tinggi supaya mereka boleh menjalankan kerja dengan adil dan penuh bertanggungjawab;
- (iv) serta agensi penguat kuasa patuh kepada satu arahan. Ini wajib, rejamkan sahaja iaitu satu standard piawaian kastam, PDRM, imigresen, APMM demi keselamatan negara;

- (v) pesalah sendiri atau keluarga mereka mesti mengadakan atau membayar perbelanjaan hukuman misalnya di negeri China pesalah kena membayar peluru yang digunakan untuk menembak pesalah yang didapati bersalah oleh pihak mahkamah. Ini satu pengajaran demi ingatan kepada keluarga dan kepada mereka yang ada cita-cita demi menjaga keselamatan negara; dan
- (vi) mengambil contoh daripada Singapura bagaimana mereka berjaya menyekat pendatang atau PATI. Di negara Singapura di mana kerajaan memastikan setiap hukuman mandatori dijalankan. Jika hukuman sebat, maka sebatan dijalankan dengan segera, *the message is clear sent to all PATI*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Salam sayang, salam 1Malaysia. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin. Tan Sri, sudah bersedia?

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: *[Menggelengkan kepala]*

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah.

5.26 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: *Assalaamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*, kerana tunggu lama serak suara, Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan rang undang-undang ini amat tepat dan pada waktunya dan ianya merupakan penambahbaikan ke atas Akta Antipemerdagangan Orang 2007 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada Mei 2007 dan telah dikuatkuasakan pada 28 Februari 2008.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, apakala membincangkan rang undang-undang ini, saya berasa begitu amat sedih dan menitiskan air mata kerana dalam suasana yang begini masih terdapat lagi manusia yang sanggup memperdagangkan manusia khususnya wanita, bayi dan juga kanak-kanak demi kepentingan ekonomi mereka Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan itu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Malaysia atas komitmen dan usaha berterusan kerajaan untuk menangani isu-isu antipemerdagangan orang yang telah mendapat pengiktirafan pelbagai pihak.

Laporan Senarai Pemerhatian Pernerdagangan Manusia 2010 yang dilaksanakan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat telah menaikkan kedudukan Malaysia daripada tahap ketiga kepada dua. Laporan ini menunjukkan keberkesanan tindakan kerajaan dalam menangani

masalah pemerdagangan manusia di negara ini. Saya percaya ini adalah hasil daripada penggubalan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 yang menggariskan undang-undang yang spesifik, yang menyeluruh merangkumi aspek pendakwaan, pencegahan, jagaan dan perlindungan bagi menangani jenayah memperdagangkan orang.

Malah usaha konsisten dan berterusan juga telah ditunjukkan dengan pelancaran Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang pada Mac lalu. Pelan tindakan ini menggariskan matlamat dan tindakan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dari tahun 2010 sehingga tahun 2015. Saya cuma hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, apakah program dan strategi yang akan dijalankan di bawah pelan tindakan lima tahun ini, dan adakah ianya bersifat menyeluruh dengan melibatkan rakyat seluruhnya di bandar dan juga di luar bandar.

Oleh sebab memperdagangkan orang dan penyeludupan orang ini melibatkan semua pihak di bandar dan di luar bandar. Adakah pelan ini melibatkan kajian yang menyeluruh dan berpanjangan agar masalah serta kesan penyeludupan dan pemerdagangan orang ini dikenal pasti dan cara mengatasi atau penyelesaian kepada masalah ini dapat dirangka dan dilaksanakan. Harapan kita agar pelan ini benar-benar dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada rakyat untuk kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu antipemerdagangan dan penyeludupan wanita dan kanak-kanak di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran ini.

■1730

Dianggarkan setiap tahun 600,000 hingga 800,000 orang diseludup merentasi sempadan antarabangsa dan 80% daripada mangsa adalah terdiri daripada wanita dan kanak-kanak. Kajian yang dilakukan oleh International Organization for Migration pada tahun 2000 melaporkan terdapat antara 200,000 hingga 225,000 wanita dan kanak-kanak menjadi mangsa penyeludupan pada setiap tahun di kawasan Asia Tenggara.

Mereka dibawa masuk untuk tujuan pelacuran, pembantu rumah, penderma organ dan sebagainya. Menurut statistik dalam negara, 61% jumlah mangsa adalah wanita dan 30% adalah kanak-kanak. Maka jumlah mereka adalah lebih tinggi dan perlu diberi perhatian dalam pelbagai aspek. Laporan mendedahkan semenjak 2008 hingga Mac 2010, terdapat 143 kes membabitkan eksploitasi seks, 43 perkhidmatan paksa, 11 penyeludupan manusia, 4 penjualan bayi dan eksploitasi kanak-kanak untuk visa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *Protocol to Prevents, Suppress and Punish Trafficking in Persons Especially Women and Children* dengan izin pada Februari 2009, saya ingin bertanya sejauh manakah ianya diaplikasikan dalam polisi dan dasar kerajaan bagi memastikan tiada diskriminasi dan penindasan yang berlaku terhadap wanita dan kanak-kanak di bawah perlindungan atau tahanan sebagaimana peruntukan di bawah undang-undang di negara ini?

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa pemerdagangan orang ini membabitkan dua pihak iaitu penjenayah dan mangsa. Untuk penjenayah, kita ada undang-undang yang jelas untuk mendakwa mereka, namun bagaimanakah pula dengan mangsa? Di bawah APO ini mangsa tidak akan didakwa. Mereka yang menjadi mangsa ini akan ditempatkan di pusat perlindungan atau *shelter house* di bawah seksyen 51 APO selama 14 hari bagi maksud menjalankan penyiasatan dan mereka ini membantu pihak berwajib untuk membawa pihak yang bertanggungjawab dalam jenayah ini ke muka pengadilan.

Setakat ini difahamkan bahawa terdapat tiga pusat perlindungan, *shelter house* iaitu dua di Kuala Lumpur dan satu di Sabah dan dilaporkan lebih kurang 400 wanita dan 44 orang kanak-kanak telah diselamatkan dan 159 daripada mereka telah dikenal pasti dan diberi perlindungan sebagai mangsa APO.

Persoalan saya, melihat kepada senario semasa, kita sentiasa lihat di kaca TV dan surat Khabar saban hari serbuan dibuat ke atas pub atau pusat karaoke, spa dan sebagainya terutama setiap malam minggu dan pasti ada tangkapan terhadap wanita yang kebanyakannya mendakwa menjadi mangsa perdagangan orang. Jadi adakah pusat perlindungan atau *shelter house* tersebut dapat menampung jumlah wanita-wanita yang ditangkap itu? Berapa lamakah mereka yang ditangkap ini ditahan di situ sebelum mereka dihantar pulang? Adakah mereka dipelihara seperti mereka dikawal dan dipantau oleh pegawai wanita, mendapat rawatan daripada doktor wanita dan mereka dihantar dengan segera ke negara masing-masing tanpa di dakwa bagi mereka yang dikenal pasti mangsa pemerdagangan orang?

Adakah di kalangan mereka ini yang pernah ditangkap sebelum ini dan masuk semula ke negara tanpa serik? Jika mereka mangsa atau pengunjung, jadi pesalah ulangan, apakah tindakan dan langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan mereka ini di senarai hitamkan dan tidak dibenarkan sama sekali memasuki negara ini lagi? Apakah mekanisme yang digunakan untuk menghantar balik kanak-kanak yang terlibat dengan kes-kes penyeludupan dan pemerdagangan orang yang tidak mempunyai ibu bapa? Contohnya kanak-kanak Pakistan yang tinggal sebatang kara selepas saudara mara yang lain termasuk ibu bapanya meninggal sebab kapal tongkang karam di Johor tidak lama dahulu. Bagaimanakah nasib mereka ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk keanggotaan Majlis ini yang ditambah kepada dua sebagaimana rakan saya sebutkan tadi. Jadi saya hendak tambah lagi sedikit dan saya mengalu-alukan pindaan seksyen 6 akta ini. Cuma saya hendak cadangkan Tuan Yang di-Pertua, agar libatkan lebih ramai wanita dalam Ahli Majlis Anti Pemerdagangan Orang ini.

Kita semua maklum bahawa pandangan wanita dan lelaki agak berbeza dalam melihat sesuatu isu, khususnya isu ini. Dalam hal pemerdagangan dan penyeludupan orang ini, banyak melibatkan wanita. Justeru itu, saya sekali lagi berharap kalau boleh – kenapa tambah dua, tambah lebih lagi dan kalau boleh pertambahan ini keseluruhannya wanita. Jangan asyik hendak

bagi lelaki sahaja. Jadi apa-apa jawatan utama Tuan Yang di-Pertua, memang wanita ditinggalkan, bukan tertinggal.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sejak Akta Antipemerdagangan Orang ini dikuatkuasakan pada tahun 2008, berapakah jumlah kes di bawah akta ini di bawa ke mahkamah dan sila nyatakan apakah kesalahan-kesalahan atau di bawah seksyen mana penjenayah ini didakwa dan berapakah kes hukuman ini dijatuhkan?

Seterusnya saya menyarankan agar pendakwaan dan pertuduhan ke atas pesalah-pesalah di bawah akta ini dapat disegerakan kerana ia membabitkan mangsa-mangsa yang terpaksa ditahan di pusat-pusat perlindungan. Kebiasaannya mangsa-mangsa ini adalah saksi-saksi kepada kes-kes mereka. Ini menyebabkan kos dan sebagainya.

Seterusnya mengenai pindaan seksyen 15. Kadar denda dinaikkan hingga maksimum RM1 juta adalah bertepatan bagi memastikan hukuman itu benar-benar berkesan dan matlamat pencegahan dapat dilaksanakan. Harap hukuman denda yang tinggi ini benar-benar menakutkan mereka yang berkaitan. Namun, saya ingin menekankan bahawa penguatkuasaan perlu tegas agar masalah anti pemerdagangan orang ini dapat ditangani dan diatasi dengan efektif dan berkesan. Infrastruktur dan prasarana yang perlu ditingkatkan dan hendaklah dipenuhi agar ia tidak menjadi penghalang kepada pelaksanaan akta ini. Tenaga kerja dan sebagainya juga perlu ditingkatkan agar sistem kita lebih efisien.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyeru kerajaan agar mengadakan lebih banyak perbincangan dari semasa ke semasa terutamanya dengan negara-negara di rantau ini dan menandatangani memorandum persefahaman MoU seperti mana yang dilakukan dengan Australia bagi menangani masalah anti pemerdagangan secara bersama-sama. Sesungguhnya masalah pemerdagangan orang ini adalah serius dan tanggungjawab untuk menanganinya bukan sahaja terletak kepada kerajaan tetapi ia memerlukan kerjasama dan usaha kita secara kolektif dan usaha yang bersepadu semua pihak termasuk badan perundangan, pegawai penguat kuasa, pegawai pendakwa badan kehakiman dan badan-badan bukan kerajaan. Barulah kita akan mendapat manfaat, kemakmuran dan kesejahteraan untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menamatkan perbincangan ini, saya ingin mengucapkan selamat bersara kepada rakan-rakan kita yang akan meninggalkan kita – bukan bulanlah ini tetapi pada bulan Disember nanti. Kepada rakan saya, kau tetap di hati ku, jasa mu tetap dikenang. Tuan Yang di-Pertua, pergi ke kedai membeli kangkung, terima kasih saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal.

5.39 ptg.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk ikut serta dalam perbincangan rang undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Pemerdagangan manusia ini saya kira adalah satu bentuk perhambaan moden, sejenis jenayah yang tersebar luas dengan membekalkan majikan yang tidak berhati perut dengan bekalan manusia secara yang salah semata-mata untuk keuntungan kewangan.

■1740

UNODC, *United Nation Office on Drug and Crime* dengan izin, menganggarkan jenayah pemerdagangan orang ini berkembang pesat di seluruh dunia yang menjana hasil tahunan di antara USD5 hingga USD9 bilion. Majlis Eropah pula menganggarkan jenayah ini di seluruh dunia mempunyai pasaran global lebih kurang USD43 bilion setahun. Di negara kita tidak diketahui berapa besarkah pasaran jenayah ini dan juga tidak diketahui berapa banyakkah keuntungan yang masuk ke kantung lintah darat yang terlibat dalam aktiviti haram yang tidak bertamadun ini.

Mereka yang terlibat dalam aktiviti jenayah ini nampaknya bersedia untuk menghadapi apa sahaja tindakan oleh pihak berkuasa. Mereka ini juga bersedia untuk menghadapi risiko kerana pulangan yang cukup tinggi dan jika ditahan sanggup menyelesaikannya dengan apa cara mahupun membayar denda yang tinggi. Kita maklum banyak faktor kepada terjadinya isu pemerdagangan orang ini terutama dari segi faktor ekonomi. Saya yakin kemasukan mereka ini tidaklah semudah itu tanpa penglibatan orang tempatan dan mungkin juga dari mereka yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri semasa menjawab soalan di Dewan Rakyat menyatakan seramai 1,440 orang telah diberikan perintah perlindungan sementara di bawah seksyen 44(2) Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Dari 28 Februari 2008 sehingga 30 Mei tahun ini, jumlah tersebut 338 orang mangsa telah dikenal pasti sebagai mangsa sebenar pemerdagangan orang. Kita ambil maklum di atas pelbagai cabaran dan masalah dalam menangani jenayah ini kerana ia adalah satu yang kompleks dan melibatkan jenayah lintas sempadan.

Laporan Pemerdagangan Orang 2009 yang dikeluarkan oleh Jabatan Amerika telah meletakkan Malaysia di tahap tiga dan kemudiannya dinaikkan ke tahap dua. Tahap tiga ini bermaksud *government which do not fully comply with the minimum standard of the act and are not making any significant effort to do so*, dengan izin. Kita telah banyak mendengar aduan bahawa pekerja asing telah dikurung, ditempatkan dalam kediaman yang cukup daif, tidak dibayar gaji, bekerja tanpa rehat dan sebagainya. Bagi pekerja wanita dan gadis pula, mereka ini terdedah kepada eksploitasi seksual.

Saya melihat cadangan kepada pindaan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ataupun Akta 670 ini adalah untuk memperkemaskan dari segi mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Izinkan saya untuk menyebut beberapa pindaan yang dicadangkan:-

- (i) sebanyak 14 fasal baru akan ditambah di samping pindaan kepada 10 fasal sedia ada. Ini termasuklah bahagian khusus bagi penyeludupan, pelantikan pegawai buruh sebagai pegawai penguat kuasa dan bidang kuasa Mahkamah Sesyen untuk merakamkan keterangan mangsa. Selain itu, majistret mesti mengeluarkan perintah perlindungan sementara serta pemakaian akta yang melibatkan negara penerima dan juga negara transit;
- (ii) seksyen 3 dipinda untuk menjelaskan bahawa akta ini terpakai bagi semua orang di dalam atau di luar negara dan apa juga kerakyatan atau kewarganegaraan pesalah;
- (iii) seksyen 15(10) yang dipinda akan menaikkan lagi denda bagi kesalahan pengeksploitasi orang yang diperdagangkan antara RM500,000 hingga maksimum RM1,000,000 selain dilucutkan hak keuntungan daripada kesalahan itu; dan
- (iv) Bahagian 2 Akta 670 juga dipinda untuk memperluaskan fungsi dan peranan Majlis Antipemerdagangan Orang yang meliputi penyeludupan migran. Nama majlis juga ditukar kepada Majlis Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran. Keanggotaan majlis juga dipupuh dengan penambahan dua NGO dan organisasi lain yang berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan undang-undang ini tidak akan membawa sebarang makna kepada rakyat negara ini yang begitu terkesan dengan aktiviti jenayah pemerdagangan orang ini kecuali akta ini disokong, di laksana dan dikuatkuasakan sepenuhnya oleh yang terlibat. Adalah diharapkan kementerian-kementerian yang di amanah dapat bekerjasama secara *integrated* dan berkesan serta tidak berterusan memberi alasan-alasan untuk menutup kegagalan dalam usaha membanteras jenayah ini.

Gejala rasuah yang timbul di kalangan pelaksana undang-undang mestilah dibawa segera ke muka pengadilan dan dihukum dengan hukuman yang seberat-beratnya. Kempen-kempen umum yang komprehensif dan merakyatkan pengetahuan tentang akta ini serta kejelikan aktiviti jenayah berkaitan perlulah dilaksanakan, diperluaskan untuk pengetahuan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid Ngah.

5.46 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Akta 670 yang diluluskan pada tahun 2007 dan berkuat kuasa awal tahun 2008 telah berjalan kuat kuasanya dan hari ini beberapa perkara yang ada dalam akta itu hendak dipinda dengan tujuan untuk menjalankan kegiatan atau hukuman atau sebarang tindakan yang menambahkan lagi keupayaan kita menunjukkan bahawa kita anti pemerdagangan orang ini. Kalau saya tidak salah lebih kurang dua tahun dulu iaitu selepas undang-undang ini berkuat kuasa, saya kenyataan daripada Amerika Syarikat, saya lupa sama ada kenyataan itu daripada Kerajaan Amerika sendiri atau badan-badan yang tertentu yang menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap Kerajaan Malaysia kerana tidak ada atau tidak menunjukkan kesungguhan dalam memerangi masalah ini, masalah memperdagangkan orang ini.

Jadi saya rasa ini satu perkara yang sangat baik dan kita berharap dengan pindaan-pindaan ini, akta ini bertambah kuat dan kita dapat menunjukkan kepada dunia bahawa kita memang serius, kita memang sungguh-sungguh dalam masalah ini. Saya tidak bercadang hendak bercakap panjang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak bertanya satu perkara. Dua tiga minggu yang lalu, kita dapati dalam surat khabar di Melaka ada dua orang gadis telah dibawa ke mahkamah dan dituduh memperdagangkan dua orang gadis muda untuk pelacuran. Tuduhan itu dibuat di bawah akta ini.

Kemudian dikatakan dalam masa setahun ini, mungkin tahun yang lalu juga boleh dikatakan tiap-tiap minggu, kalau pun tidak tiap-tiap hari, kita menatap akhbar bergambar menunjukkan ramai gadis-gadis yang ditangkap dalam serbuan-serbuan yang dibuat oleh polis di beberapa tempat di Lembah Kelang, di beberapa tempat di Johor dan di beberapa tempat di Pulau Pinang. Apa yang saya hendak sebut, adakah kes-kes yang seumpama ini bila dibawa ke mahkamah, dituduh di bawah akta ini juga.

■1750

Seperti yang telah disebut oleh salah seorang daripada kita dan kita berharap pihak kementerian dapat memberi penjelasan. Sejak akta ini tahun 2008 ia berkuat kuasa, sebanyak mana kes ini telah dapat didakwa? Apakah keputusan-keputusan yang telah dibuat?

Ini kerana kita percaya apabila kita luluskan ini terutama sekali dari segi hukuman dan denda yang bertambah - katakan 100% bertambah, hendak menunjukkan bahawa perkara yang semacam ini adalah satu perkara yang kita percaya boleh menjadi *deterrent*, boleh menjadi perkara yang boleh menakutkan orang yang hendak melakukan. Akan tetapi daripada apa yang kita perhatikan dalam surat khabar terutamanya mengenai tangkapan-tangkapan gadis-gadis dari China, Vietnam dan lain-lain menunjukkan bahawa orang yang mengelolakan kerja ini tidak takut. Jadi seolah-olah kes yang dituduh di bawah Akta Antipemerdagangan Orang, barangkali

mungkin berbeza dengan kes yang dituduh dalam kes-kes yang ditangkap seperti yang saya katakan itu.

Jadi saya hendak minta penjelasan, adakah kes ini merupakan kes pelacuran ataupun kes persundalan biasa, tidak termasuk dalam kes antipemerdagangan? Ini kerana perkara yang berlaku perkara yang sama. Perkara yang dijual beli, perkara yang sama Tuan Yang di-Pertua.

Jadi bagaimana satu ini berbeza, yang satu ini berbeza? Sebab saya percaya dengan denda yang begitu besar, orang akan merasa takut hendak terus-menerus membuat perkara yang seumpama ini. Ini kerana ada sesetengah itu kalau saya tidak salah - mungkin tidak semua tempat, tetapi ada beberapa tempat yang pernah diserbu beberapa kali. Itu menunjukkan bahawa pengurus tempat itu tidak serik. Pengurus tempat itu tidak merasa kerugian apa-apa kerana denda tidak begitu besar, mungkin kerana sebarang perolehan daripada kegiatan yang seumpama ini tidak salah.

Tuan Ng Fook Heng: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, adakah kemungkinan tempat yang diserbu berulang-ulang kali tempat yang sama itu, mungkin ada tersembunyi di belakangnya? Mungkin premis-premis ini yang tidak 'bekerjasama' dengan pihak berkuasa. Yang lain itu mungkin terlepas sebab mungkin mereka 'bekerjasama'. Sekian.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, saya bila ia katakan dalam *inverted comma* itu, saya pun payah juga apa yang sebenarnya di dalam itu. Apa yang dimaksudkan ada di belakang itu? Ada kumpulan-kumpulan orang tertentu yang menjadi semacam *Godfather* kepada kegiatan-kegiatan itu? Mungkin. Ataupun mungkin ada semacam bersekongkol yang berlaku yang menyebabkan orang tidak begitu takut? Jadi tegasnya saya hendak minta penjelasan, adakah perkara-perkara yang seumpama ini boleh kita bawa ke mahkamah di bawah undang-undang yang sama. kerana saya berharap perkara yang seumpama itu dibawa di bawah akta ini. Juga saya rasa akta ini lebih keras dendanya, lebih tinggi dendanya daripada akta-akta biasa. Terima kasih. Saya turut menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dayang Madinah Tun Openg.

5.45 ptg.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Akta Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010. Saya terpanggil untuk menyokong akta ini kerana atas dasar perikemanusiaan. Saya bersimpati dengan nasib malang mangsa-mangsa yang diperdagangkan dan yang diseludupkan yang mana majoritinya terdiri daripada wanita dan kanak-kanak, malah bayi di bawah umur enam bulan juga terbabit.

Negeri Sarawak yang bersempadan dengan negara jiran dan mempunyai perairan panjang di Laut China Selatan. Dengan keluasan hutannya yang luas, sudah pasti tidak terkecuali berhadapan dengan cabaran jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan orang. Aktiviti pemerdagangan orang yang pernah terjadi di Sarawak bukan sahaja melibatkan orang dari luar, tetapi juga dilakukan kepada orang-orang tempatan yang dibawa keluar. Ini terutamanya gadis-gadis yang telah dijanjikan dengan pekerjaan-pekerjaan yang kononnya baik dan selamat, dengan gaji lumayan sama ada di Semenanjung Malaysia mahupun di negara-negara luar seperti apa yang telah dibahaskan dan dikemukakan oleh rakan saya, Yang Berhormat Doris tadi. Akan tetapi yang sedihnya, ramai daripada gadis-gadis ini telah ditipu dengan pekerjaan yang tidak bermoral dan membahayakan keselamatan diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat yang cintakan tanah air, kita tidak rela negara kita dibanjiri oleh orang-orang luar yang diperdagangkan dan di seludup masuk sehingga tidak dapat dikawal pada masa akan datang. Dalam masa kita melahirkan modal insan yang berkualiti dan berilmu pengetahuan, kita tidak rela anak-anak muda kita mudah terpengaruh dan terdedah kepada sahsiah ataupun *character* dengan izin, yang tidak bermoral, kegiatan-kegiatan yang tidak sihat dan jijik dan cara berpakaian yang tidak senonoh yang dipamerkan oleh golongan ini.

Setiap bidang atau urusan pemerdagangan itu tentulah ada tauke dan penolong-penolong taukenya.

Justeru saya bersetuju dengan rakan-rakan Yang Berhormat tadi supaya hukuman lebih berat lagi. Kalau boleh dilipatgandakan lagi *once and for all* dengan izin, dikenakan terhadap penjenayah-penjenayah pemerdagangan dan penyeludupan orang. Dalam menangani isu yang amat serius dan berbahaya kepada keamanan serta keselamatan negara dan juga kesejahteraan rakyat Malaysia pada masa akan datang. Dengan hujah yang ringkas tadi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

5.58 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

Yang pertama ialah mengenai bagaimana kita telah mempromosikan atauewartakan Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Saya telah lihat di pintu-pintu negara kita, terutamanya di lapangan-lapangan terbang telah ada diletakkan satu iklan tentang antipemerdagangan manusia.

Yang saya ingin buat teguran di sini ialah bila mana ditunjukkan gambar di situ, seorang ibu mendukung anak dalam keadaan sedih. Kalau kita tengok gambar itu tanpa kita baca dan kita bukan Ahli Parlimen, kita tengok macam itu kita mungkin dapat *impression* bahawa ada anak

yang dilarikan atau ada barang yang diculik dan ibu itu sedih ataupun sekali tengok kita akan anggap ini adalah mangsa penderaan.

Saya mohon kepada pihak kerajaan, khususnya kepada pihak majlis dan pihak yang bertanggungjawab dengan perkara ini. Iklan tadi tolong dipelbagaikan dan tolong beri versi-versi yang pelbagai dan lebih menjurus kepada pemerdagangan orang.

■1800

Ini disebabkan apabila kita lihat itu, *impression* kita terutama macam kita rasa macam ada budak kena dera. Jadi yang kita bercakap tentang pemerdagangan orang pada hari ini majoritinya adalah wanita yang diperdagangkan, wanita yang dieksploitasi. Jadi, kalau boleh contoh yang dibuat dalam iklan itu mestilah lebih realistik dan lebih menjurus kepada perkara yang kita hendak cegah daripada berlaku. Itu yang pertama.

Kedua, seingat saya pada peringkat persidangan antarabangsa banyak disebut tentang antipemerdagangan manusia daripada sudut bukan daripada sudut paksaan tetapi daripada sudut sukarela. Jadi, dalam konteks akta yang pertama dan akta yang kita pinda pada hari ini saya tidak nampak pula di bahagian mana. Kalau orang itu datang secara sukarela, mereka merelakan diri mereka di seludup ataupun mereka merelakan diri mereka diperdagangkan dengan mereka sendiri mendapat keuntungan daripada perdagangan tersebut. Jadi, kalau ada minta pihak menteri nyatakan.

Seterusnya yang ketiga berkaitan dengan *hotspot* yang sebagai mana yang dikatakan oleh Dato' Rashid serta Yang Berhormat Dayang Madinah tadi berkenaan dengan *hotspot* yang berkali-kali dibuka kemudian ditutup, diserbu tetapi masih lagi buat. Saya juga sedang mencari dalam akta ibu dan juga akta ini tentang perkataan permintaan. Kita melihat dalam seksyen yang disebut, banyak seksyen yang menyebut tentang menyediakan perkhidmatan. Kesemua kesalahan ini banyak menyebut tentang bahawa orang tersebut akan didenda ataupun dipenjarakan. Kita tidak nampak, mungkin ada tetapi mungkin saya tidak nampak.

Jadi minta menteri respons semula sama ada kita ada menyebut mana-mana tempat yang pernah kita serbu dan kita tangkap, jadikan tempat pemerdagangan orang, tempat tersebut hendaklah ditutup dan disita sebab ini adalah satu perkara yang saya rasa jadi seperti lucu-lucuan bagi pihak yang buat, banyak kali. Dalam *newspaper* ia ditunjukkan banyak kali, enam kali atau sembilan kali dan saya pernah bawa ke Parlimen, saya tunjukkan kepada pihak menteri, sembilan kali serbuan dibuat. Jadi, apabila macam ini saya rasa kita rugi masa. Anggota polis kita perlu buat 89,411 serbuan sebagai mana yang dikatakan oleh Menteri pada minggu lepas, serbuan untuk mencegah gejala semacam ini. Sebanyak 89,000 kali dalam masa 2003 sehingga 2010. Ini adalah satu pembaziran, tugas PDRM terpaksa. Kalau *hotspot* seperti ini, kelab malam seperti ini, tempat yang kita jumpa, tutup. Tidak perlu buka sudah. Jangan beri peluang kedua.

Seterusnya berkenaan dengan data kemasukan, cadangan daripada Yang Berhormat Datuk Wan Hazani tadi berkenaan dengan data kemasukan DNA. Saya ingin mencadangkan

kepada pihak kerajaan untuk memastikan data kemasukan ini disemak setiap dua minggu sekurang-kurangnya untuk negeri-negeri yang kita khawatir ada berlaku pemerdagangan manusia. Sebagai contohnya, sekiranya mereka masuk ke negara kita sebagai tempat transit atau mereka masuk ke negara kita untuk diperdagangkan, sebelum mereka masuk, mereka datang secara sah. Apabila mereka datang secara sah, kita pohon kalau mereka kata datang ke Malaysia hendak bekerja, mesti ada surat tawaran kerja yang mesti ada *referral letter* dan juga *introducer* seperti kita buka akaun bank. Maknanya kalau tidak ada *introducer*, tidak boleh masuk ke Malaysia.

Untuk negeri-negeri yang kita kategorikan sebagai negeri yang berpotensi untuk ada migran masuk, negeri tersebut datang ke Malaysia kalau hendak buat lawatan, tempat lawatan itu mesti *very clear*. Kalau mereka hendak bekerja, *referral letter* mesti ada sebab perkara ini berulang. Kita pun dari negara yang sama. Saya pergi ke *airport* apabila saya pergi ke *airport*, yang beritahu saya ialah pemandu-pemandu teksi limousin. Dia kata kalau "*Yang Berhormat hendak lihat orang yang didagangkan, tunggu pada hari Jumaat, lihat kepada gadis yang berbeg merah*". *Time* ini akan ada. Setiap minggu macam itu. Saya tanya, "*Setiap minggu?*". Setiap minggu dia kata. Jadi, saya minta pegawai, kita tolong pergi ke *airport* tanya pegawai itu, tanya kepada pemandu-pemandu limousin pukul berapa, jam berapa akan datang gadis yang ditandakan dengan beg merah. Ini adalah orang-orang didagangkan dan dilacurkan.

Jadi, kalau masuk ke *airport*, ini sudah jadi seperti perniagaan rasmi pula. Jadi, kita kalau boleh jangan sampai pemandu limousin boleh menyatakan perkara busuk kerana mereka tidak tahan melihat betapa seksinya orang ini akan datang bawa beg merah dan berniaga di dalam negara kita. Memang mereka boleh tahu. Hari yang mereka banyak buat aktiviti ialah pada hari Jumaat. Saya minta perkara ini pihak kementerian tolong *check* terutama kemasukan melibatkan pintu-pintu masuk melalui udara iaitu di KLIA, LCCT dan juga di pintu-pintu masuk antarabangsa yang lain.

Seterusnya lagi, apabila disebut tentang pemerdagangan orang, kita rasa yang didagangkan ini mungkin datang dalam bentuk yang comot, bodoh, terhina ataupun lemah. Akan tetapi sebenarnya dalam konteks pada hari ini, apabila mereka didagangkan, mereka datang dalam bentuk yang moden yang kita tidak sangka mereka itu adalah mangsa pemerdagangan manusia. Jadi, kita minta ciri-ciri bagaimana klasifikasi orang yang diperdagangkan ini disebar kepada umum, dengan luas dan juga larangan-larangan ataupun iklan-iklan seperti ini dibuat dalam dua bahasa. Satu bahasa Melayu dan juga guna bahasa Inggeris di semua pintu masuk tidak kira darat, udara, laut, semua guna pintu masuk yang ada pegawai kita, ada jabatan kita, letak dua bahasa.

Kita beri peluang sekurang-kurangnya mereka menyedari bahawa mereka mungkin orang yang didagangkan sebab kalau yang datang jumpa mereka memakai baju kot dan *neck tie*,

mungkin mereka percaya dan mereka datang pun bawa beg seperti rasmi. Jadi, mereka tidak terasa bahawa mereka ini didagangkan. Akhirnya, orang seperti ini yang didagangkan.

Begitu juga tentang, apabila kita sebut tentang cara pencegahan perkara ini, saya minta pihak kementerian meningkatkan jumlah kakitangan wanita sebagai pegawai imigresen. Kalau sebelum ini kita sudah ada ramai pegawai untuk kes yang melibatkan anti-pemerdagangan orang, saya minta diramaikan kakitangan wanita sebagai pegawai imigresen. Ini penting untuk kita menyemak, menyoal orang-orang yang kita syaki mungkin akan didagangkan. Ini kerana saya rasa sensitiviti wanita terhadap pemerdagangan orang ini lebih daripada orang lelaki. Jadi, kalau boleh minta ditingkatkan perkara ini.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, sejauh mana kerjasama pihak kerajaan dengan pihak NGO untuk memastikan perkara anti-pemerdagangan orang ini tidak menjadi isu utama terhadap Malaysia. Ini disebabkan kita lihat dalam banyak *international events*, persidangan peringkat antarabangsa antara isu yang paling kerap kita ditanya ialah isu pemerdagangan manusia seolah-olahnya kita Malaysia ini memang suka sangat hendak memperdagangkan orang. Sedangkan kita memang tidak suka. Jadi kalau boleh perkara ini kita pandang serius, kita buat memang betul-betul bersepadu dan kita juga ingin tahu daripada pihak kerajaan sejauh manakah kerjasama kita dengan negara-negara yang dianggap sebagai negara penerima?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan apabila dibuat pindaan kepada seksyen 52, seksyen 51, pihak yang boleh dipanggil ialah pihak majistret, seksyen 52 yang hanya boleh buat ialah pihak hakim Mahkamah Sesyen dengan DPP. Apakah rasionalnya apabila kita pinda daripada majistret kemudian kepada hakim Mahkamah Sesyen sedangkan kita semalam baru sahaja meluluskan satu akta iaitu Akta Mahkamah Rendah 1948 yang memberi kuasa yang lebih luas kepada pihak majistret. Jadi, adakah pindaan ini dibuat sebelum pindaan pada akta yang telah pun saya sebutkan tadi ataupun ada rasional lain mengapa kita perlu buat pindaan untuk seksyen 52 Akta itu tersebut?

Juga apabila disebut Malaysia sebagai satu pusat transit, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan bagaimana cara kita dikatakan transit? Maknanya, kalau orang datang tempat kita, dia pergi ke tempat lain, kita maklumat tentang kita di tempat transit itu mengapa kita lambat tahu ataupun bagaimana kita lambat bertindak? Ini kerana dalam kes-kes lain, saya rasa PDRM kita ini amat cekap. Jadi, mengapa dalam kes yang melibatkan antipemerdagangan orang ini kadang-kadang jumlahnya jadi begitu ramai sekali. Mengapa kita lambat untuk boleh mengesan transit ini ataupun saya tidak faham bagaimana mekanismenya? Kalau transit tiga jam kah ataupun transit tiga hari, bagaimana istilah transit yang digunakan di sini itu, sebab kita kalau boleh perkara ini diselesaikan dengan cara yang paling baik. Saya minta sangatlah kalau boleh pihak menteri jelaskan sedikit bagaimana mekanisme kita yang dikatakan transit tadi sebab saya sebagai orang awam tidak begitu memahami. Sekian, saya akhiri dengan ucapan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali.

6.09 ptg.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu sekarang sudah jam 6.09 petang. Namun begitu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada kedua-dua Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua kerana begitu demokratik dalam menguruskan Dewan ini dan memberikan peluang seluas-luasnya kepada Ahli Dewan untuk berucap dan saya rasa apa yang telah dibuat cukup baik.

Maka yang demikian Tuan Yang di-Pertua, tidak harus timbul ada teguran daripada ahli sendiri yang mungkin tidak senang hati apabila ada ahli lain yang ingin berucap. Mungkin teguran itu suatu yang bersifat dengan izin, *innocent* tetapi pada hemat saya, teguran itu sudah mencabar bidang kuasa Tuan Yang di-Pertua.

■1810

Ini kerana apa yang dibenarkan atau tidak dibenarkan di dalam Dewan ini, itu adalah hak prerogatif Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua membenarkan seseorang itu berucap maka itu hak Tuan Yang di-Pertua dan orang berkenaan bolehlah berucap. Tidak timbul Ahli lain hendak menyekatnya. Jadi saya haraplah sekiranya teguran tadi itu melanggar mana-mana *standing order*, saya harap Tuan Yang di-Pertua memberi perhatian supaya perkara ini tidak berlaku.

Keduanya masalah asas. Kita datang ke Dewan ini, ini merupakan persidangan dan bersidang adalah datang bukan untuk tidur, bukan datang untuk duduk sahaja tetapi datang untuk berucap, berbahas. Jadi adalah tidak kena tempatnya pada saya untuk menyekat mana-mana pihak untuk berucap selagi ia dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua. Yang keduanya pula, ia bukannya berdasarkan sahaja semata-mata kuantiti berapa kali seseorang itu berucap, berapa jam seseorang itu berucap, berapa kali dia bangun tetapi yang lebih penting juga harus dilihat kualiti ucapannya atau kualiti ia mencelah.

Jadi ini juga harus dilihat dan semuanya ini adalah tertakluk pada budi bicara Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua. Maka saya haraplah kita harus memberikan penghormatan yang sewajarnya dan setinggi-tingginya pada kedua-dua Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua kerana kedua-duanya telah dengan penuh bijaksana mengendalikan persidangan Dewan selama kita bersidang sejak 19 hari bulan lalu.

Kemudian izinkan saya terus beralih kepada akta ini. Saya memang menghormatilah Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Timbalan Menteri KDN, ini memang *sifu* saya dari Melaka dan saya cukup kagum kerana beliau memberikan *the personal touch to this bill* dan penuh komitmen

dan juga *enthusiasm* untuk memastikan bahawa undang-undang ini mendapat perhatian kita dan seterusnya akan diuruskan dengan sebaik-baiknya.

Sebelum saya pergi jauh dan sebelum saya hendak mengkritik misal kata. Akan tetapi izinkan saya lebih dahulu merakamkan bahawa kerajaan sesungguhnya telah melakukan terbaik mungkin dalam mengendalikan keselamatan negara termasuk kesejahteraan hidup rakyatnya. Oleh yang demikian, maka dengan keselamatan yang ada kemakmuran yang kita kecapai, keamanan yang kita nikmati maka kalau kita lihat satu indeks sahaja *Human Development Index* (HDI) yang diusahakan oleh UNDP. Maka negara kita telah dapat diangkat daripada tahap peringkat medium kepada di peringkat tinggi atau dipanggil *High Human Development Index*. Ini satu kejayaan besar dan salah satu aspeknya ialah kejayaan menguruskan keselamatan.

Satu lagi baru-baru ini kerana usaha semua jabatan termasuk imigresen yang telah dapat mempercepatkan contohnya, pengeluaran pasport sehingga dalam masa satu jam maka daya saing kita, *competitiveness* kita telah meningkat dan ini telah terbukti melalui indeks India, yang mana kita sudah menjadi *top ten* dengan izin, di dunia ini. Ini adalah kejayaan kita dan kejayaan kita meluluskan dan mengemukakan rang undang-undang ini juga mengangkat kita bersama-sama ke persada antarabangsa, memasuki sebahagian daripada ahli masyarakat antarabangsa.

Sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua, anti ataupun pemerdagangan manusia ini bukanlah suatu perkara baru. Tadi disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus, ini adalah sejak zaman jahiliah. Ini adalah *modern day slavery* dan ini juga *modern day* pelacuran. Kalau saya lihat di bawah seksyen 3, akta ibu dipinda iaitu seksyen 3 akta (a), yang kini meliputi apa jua kerakyatan atau kewarganegaraan pesalah itu maka ianya meliputi bukan warganegara dan juga warganegara Malaysia. Ini adalah selaras dengan definisi antarabangsa, yang mana ia kata meliputi *transnational and locals* seperti mana yang didefinisikan oleh United Nation.

Jadi, di sini kita ingin tahu apakah magnitud masalah pemerdagangan manusia ini. Kalau kita ikut sumber daripada ILO dan juga sumber daripada Amerika Syarikat, dikatakan dalam tempoh 10 tahun, 1995 sehingga 2005, angka yang terlibat dalam pemerdagangan ini antara 4 juta ke 27 juta. Setiap tahun telah meningkat dari 600,000 setahun kepada 900,000 setahun antara tempoh tahun 2005 dengan 2008. Dari segi negara yang terlibat, 127 buah negara yang terlibat dari segi *origin* di mana negara itu bermula mengeksport manusia, 98 buah negara yang merupakan negara transit dan 137 buah negara merupakan negara yang dipanggil destinasi atau penerima.

Malaysia mungkin terdiri daripada negara yang juga transit dan mungkin juga penerima. Dari segi nilainya keuntungan yang dijana ialah RM32 bilion, hasil daripada perusahaan ini yang mana 48% atau US15.5 bilion dijana di negara maju, manakala di Asia kira-kira RM10 bilion. Begitu magnitud *the whole global picture* tentang pemerdagangan manusia ini dan 50% yang

merupakan *victim* adalah kanak-kanak, 80% merupakan wanita dan gadis dan 70% daripada *victim* ini terlibat dalam *sexual crime* dan ini amat menyedihkan.

Jadi berbalik kepada negara kita, ini satu ucapan tahniah, kalungan yang boleh diberikan kepada kerajaan kerana kita sensitif, prihatin terhadap masalah ini maka akta ini dipinda. Tuan Yang di-Pertua, dari segi akta ini, saya lihat seperti mana yang terdapat dalam seksyen 2 yang meliputi empat aspek iaitu:

- (i) pemerdagangan orang migran;
- (ii) orang yang di seludup;
- (iii) penyeludupan migran; dan
- (iv) negara transit.

Yang Berhormat Datuk Wira ya, cuma saya hendak tanya kalau ikut definisi yang diberikan di bawah perkara seksyen 2 yang dipinda, (g) ia melibatkan seolah-olah pemerdagangan orang, ada proses dan yang ini yang diliputi oleh akta. Cuma saya hendak tanya bagaimana ataupun apakah kedudukan jika individu itu sendiri memperdagangkan dirinya. Adakah tertakluk bawah akta ini? Kita biasa dengarlah tetapi tiada bukti. Ramai gadis-gadis cantik daripada Uzbekistan daripada Russia datang ke negara ini, menggunakan sosial visa tetapi dengan tujuan untuk memperdagangkan diri sendiri.

So, dia tidak termasuk pada saya definisi yang ada di sini. Jadi kalau termasuk baguslah, kalau tidak termasuk mungkin dia ditangkap di bawah biasanya yang diserbu oleh pihak polislah agaknya. Saya juga setuju apa yang dibuat, pindaan ke atas akta ini seperti yang menambah dan menjadikan lebih berat hukuman yang dikenakan. Seperti yang tercatat dalam seksyen 63(a), (2), (b), (i) yang mana contohnya, hukuman telah ditingkatkan sehingga RM5 juta.

Apabila saya menarik perhatian Dewan ini bahawa ada 127 buah negara *origin*. Ini bermakna dari global perspektif kita tidak boleh selesaikan masalah pemerdagangan manusia ini secara *standard loan* dengan izin, maknanya kita sendiri selesaikan negara kita, ia tidak dapat menyelesaikan dengan berkesan. Ini bermakna ia perlukan kerjasama antarabangsa, di mana kalau dikatakan oleh kawan-kawan tadi antara sebabnya ialah masalah *the push factor* daripada negara *origin* tadi, Oleh kerana kemiskinan, masalah huru-hara dan sebagainya maka mereka di *push*, ditolak untuk pergi ke negara lain.

Ini bermakna kita mesti menyelesaikan *at the root cause* tetapi memang ia mungkin nampak macam *very ideal* dengan izin. Akan tetapi itulah hakikatnya yang mana jangka panjang perlu ada kerjasama antarabangsa. Bukan sahaja dari segi keselamatan bukan sahaja *enforcement* tetapi dari segi membangunkan negara itu supaya ia juga turut makmur dan penduduk negara itu, rakyat negara berkenaan suka tinggal di negara masing-masing.

■1820

Ini bermakna kita perlu mencergaskan atau melaksanakan dengan lebih penuh komitmen untuk melaksanakan apa yang dipanggil *prosper thy neighbour*. Jadi kalau kita laksanakan ini, maka sebahagian besar yang akar punca masalah tadi dapat diselesaikan.

Seterusnya kita pergi ke negara kita. Secara umum ada tiga *mode of entry*, dengan izin iaitu jalan raya, udara dan juga laut. Jalan raya kita selalu dapati ada jalan yang dikatakan jalan tikus. Kalau udara tadi seperti mana yang sudah disebut oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz, agak hairan bagaimana mereka boleh masuk dengan begitu mudah sedangkan *it is an official entry point*. Jadi di sinilah unsur atau faktor pelaksanaan, faktor *enforcement* penting. Kalau tidak akta ini tidak memberi apa-apa makna. Kita tidak mahu apa yang dikatakan:

Harapkan sungai, sungai berubah,

Harapkan pagar, pagar makan padi,

Harapkan sokong membawa rebah,

Harapkan untung mendapat rugi.

Jadi kita harapkan pihak-pihak yang berkenaan, yang melaksanakan tugas ini melaksanakan dengan penuh komitmen, *enthusiasm, passionately*, dengan izin. Saya ingin menyentuh dengan lebih mendalam lagi pelaksanaan ataupun *enforcement* melalui laut pasal pantai kita luas serta panjang. Di sinilah saya rasa di antara masalah besarnya yang perlu kita tangani.

Dari segi laut Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya sekurang-kurangnya ada tujuh agensi iaitu navy, Penguat Kuasa Maritim Malaysia, Polis Marin, kastam, imigresen, perikanan dan Jabatan Laut, sekurang-kurangnya ada tujuh agensi ini. Tujuh agensi ini seolah-olah macam tujuh kerajaan kerana ia tidak ada kerjasama, agak sukar untuk menjalinkan kerjasama. Jadi kalau kita ada SPAD Yang Berhormat Datuk iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat yang telah ditubuhkan baru-baru ini bertujuan untuk menguruskan, mengendalikan secara bersepadu sistem pengangkutan darat yang terbahagi kepada jalan raya, kereta, bas, lori dan juga kereta api.

Saya mencadangkan untuk meningkatkan keberkesanan, untuk menghapuskan birokrasi, untuk meningkatkan lebih tinggi lagi kerjasamanya, saya ingin syorkan ditubuhkan ala SPAD di kalangan tujuh agensi tadi supaya ia boleh ditangani isu ini. Bukan sahaja hendak menyelesaikan masalah penyeludupan manusia bahkan penyeludupan rokok, ikan dan lain-lain oleh satu agensi yang menguruskan secara holistik, tuntas dan berintegrasi. Dengan demikian saya berharap, saya jangka ia lebih berkesan daripada sekarang kerana sebagai contoh Yang Berhormat Menteri, apabila navy tangkap sama ada rokok atau orang, dia tidak ada kuasa. Mereka hanya ada kuasa tertentu, maka mereka mungkin serah kepada Maritim iaitu APMM. APMM pula ada kuasa terhad dan dia akan serahkan kepada kastam jika barang itu rokok. Jadi

ini semua akan menimbulkan masalah dan banyak kes saya difahamkan akhirnya akan ditulis di dalam *file* 'NFA' iaitu *no further action*, dengan izin.

Jadi ini semua saya rasa perlu diatasi dengan memahami masalah yang dihadapi oleh berlainan agensi dalam mengendalikan serta menjaga keselamatan negara. Pada masa yang sama, saya ingin mencadangkan, kalau ingin meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan, peruntukan yang sewajarnya perlu diberikan kepada agensi-agensi ini.

Saya juga difahamkan oleh kerana pemotongan bajet bagi tahun 2010, banyak kapal tidak boleh ke laut begitu kerap untuk melakukan rondaan kerana tidak cukup wang untuk membeli diesel dan sebagainya. Apabila berlaku kerosakan pula, tidak dapat dibaiki dengan segera. Jadi faktor-faktor ini akan menyebabkan bahawa aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan sekalipun ada akta seperti ini. Oleh itu saya mohonlah isu ini dilihat dengan lebih komprehensif lagi supaya dapat memenuhi apa yang dihasratkan. Namun demikian dengan izin, *I'm mindful* bahawa kita juga perlu kawal bajet kerana kita tidak mahu mengalami fiskal bajet yang tinggi.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, dalam isu sebenar yang saya hadapi. Bagaimana hendak mengatasi kerana ia berkait rapat dengan apa yang kita bincangkan, terlalu ramai peminta sedekah di Malaysia sama ada di Puduraya ataupun kita di Melaka, di Umbai Ikan Terapung. Saya pernah mengadu secara sendiri kepada polis dan bila polis datang, mereka tidak boleh tangkap kerana dia kata, "Datuk, saya tidak boleh tangkap, dia bukan peminta sedekah kerana dia jual tisu". Kita tahu dia menjual tisu itu atau ayat al-Quran sebagai *camouflage*, dengan izin untuk meminta sedekah.

So, dalam keadaan seperti ini, kalau undang-undang yang ada tidak dapat menyelesaikan isu itu, maka ia perlu dipinda supaya masalah yang sebenar tadi dapat diatasi kerana mereka mencari *loophole* yang terdapat dalam undang-undang, yang bukan berkaitan dengan akta ini, tetapi dengan akta lain seperti akta polis dan sebagainya yang ada *loophole* mereka gunakan. Jadi bermakna kita bukan sahaja melihat akta ini, kita perlu lihat akta-akta yang lain, saya bukan peguam, supaya ia menjadi lebih komprehensif.

Seterusnya saya ingin bertanya, ada orang masuk secara sah terutama menggunakan sosial visa, *social visit* 14 hari. Akan tetapi akhirnya mereka tidak balik dan kita dapati ramai yang berkeliaran *floating in the country*, dengan izin termasuk apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Wira sendiri, ada 40,000 orang India yang *floating* di sini dan tidak balik. Selepas kita bising dalam surat khabar, ada persatuan NGO India pula berkata, "*why not legalize them*", benarkan mereka bekerja di restoran-restoran seperti nasi kandar. Jadi apabila benda ini timbul, ini akan memberikan persepsi seolah-olah ada *collusion*, Jadi apakah ini sebenarnya, adakah masalah akta, adakah masalah *enforcement* atau sebenarnya ada masalah lain yang perlu kita tangani.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Minta laluan Datuk.

Datuk Akbar bin Ali: Sila.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Datuk. Saya tertarik dengan apa yang Datuk cakap tadi, 40,000 orang India *is* hilang dan ada NGO yang minta mereka disahkan. Sekarang kita tidak tahu di mana mereka, kalau disahkan kita boleh tahu siapa itu supaya tindakan yang sewajarnya boleh diambil. Apa pendapat Datuk.

Datuk Akbar bin Ali: Yang Berhormat, sebenarnya yang patut jawab ini adalah Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ini belum lagi. *[Ketawa]* Pada saya agak menghairankan apabila syor seperti itu timbul sendiri, ini menghairankan saya Yang Berhormat, dia kata kita boleh cuba halalkan, mana dia kecuali dalam simpanan mereka ataupun yang berkaitan dengannya. Kalau tidak ia tidak boleh timbul syor sebegitu atas sebab Menteri Dalam Negeri, Ketua Pengarah Imigresen berkata di mana mereka, siapa mereka. Jadi syor datang dari ketua NGO-NGO itu sendiri agak menghairankan saya. Saya ingin tahu bukan sahaja 40,000 ini, mungkin ramai lagi, apa jadi kepada mereka dan bagaimana keberkesanan penguatkuasaan kita.

Saya rasa cukuplah saya bercakap, tidak sampai setengah jam cuma saya hendak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada rakan-rakan saya yang baru sahaja tamat tempoh berkhidmat di Dewan ini. Kepada yang bakal bersara tidak lama lagi dan masa saya pun akan sampai, *insya-Allah*.

■ 1830

Kita percaya dan kita yakin bahawa sumbangan mereka kepada Dewan ini memang amat besar sekali dan wajar dihargai kerana tidak ada perkataan yang lebih baik hendak saya rakamkan. Maka saya cuba rangkumkan dalam sebuah pantun.

Dari Bentong pergi ke Rengit,

Sungai rimbun airnya tenang,

Langit tergantung bumi tersenget,

Jasa bertimbun tetap dikenang”.

Sekian, terima kasih. Saya sokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin turut berbahas. Dengan itu diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

6.31 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan Akta Antipemerdagangan Orang yang telah dibentangkan semenjak tengah hari tadi. Daripada pembentangan-pembentangan daripada Ahli-ahli Senator, terdapat seramai 20 orang yang telah mengambil bahagian.

Ini merupakan satu usaha yang begitu baik yang mana terdapat ramai di antara Ahli-ahli Senator yang begitu berminat berkaitan dengan pihak kerajaan untuk mewujudkan

penambahbaikan di atas Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang yang mana pada pokoknya adalah untuk menambahkan peruntukan-peruntukan selain daripada peruntukan-peruntukan yang sedia ada untuk ditambah baik bahawa ia bagi mewujudkan berkaitan dengan isu-isu berkaitan dengan penyeludupan orang.

Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih daripada ucapan-ucapan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mana telah memberi sokongan yang begitu padu terhadap KDN untuk mengemukakan rang undang-undang ini.

Seterusnya, sebelum saya meneruskan dalam penggulangan pembentangan rang undang-undang ini, saya terlebih dahulu ingin menyentuh berkaitan dengan definisi pemerdagangan orang dan juga berkaitan dengan definisi berkaitan dengan penyeludupan migran.

Apa yang saya dapat melihat, ada di antara Yang Berhormat dalam membincangkan berkaitan dengan isu berkaitan pemerdagangan orang dan juga berkaitan dengan penyeludupan migran, terdapat isu-isu dibangkitkan berkaitan dengan pekerja asing dan juga berkaitan dengan PATI dan sebagainya yang mana daripada perbincangan-perbincangan dalam perbahasan itu, tidak ada relevannya dalam isu kita dalam Akta Antipemerdagangan Orang ini. Walau bagaimanapun, saya juga ingin menyentuh apa yang telah dinyatakan sebelum saya membacakan definisi pemerdagangan orang dan juga penyeludupan migran.

Saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu yang telah dikemukakan oleh sahabat saya iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali yang menyatakan apakah impak daripada definisi ini sama ada ia melibatkan orang itu sendiri sama ada boleh diambil tindakan di bawah akta ini sekiranya orang itu dengan sukarela memperdagangkan diri sendiri. Kalau daripada segi penaksiran di bawah pindaan akta ini, yang mana menyatakan bahawa pemerdagangan orang adalah merupakan satu perbuatan yang melibatkan pemulihan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan dan ia ada merangkumi lain-lain perbuatan merekrut dan sebagainya.

Dalam konteks pemerdagangan orang ini, ia mestilah ada elemen eksploitasi yang mana termasuklah segala bentuk eksploitasi berkaitan dengan seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang merupakan perhambaan, pengabdian atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia. Itulah merupakan definisi yang ditakrifkan di bawah akta undang-undang ini.

Berkaitan dengan penyeludupan migran, ia merupakan sesuatu tindakan mengatur, memudah atau merancang secara langsung atau tidak langsung kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau melalui atau pengeluaran seseorang secara tidak sah dari mana negara orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap sama ada dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kemasukan atau pengeluaran orang itu adalah tidak sah.

So, maknanya ia ada melibatkan orang yang ketiga. *It is a third party*. Jadi jika orang atau mangsa atau orang itu sendiri dengan sukarela memperdagangkan diri mereka, maka ia tidak terangkum di bawah Akta Antipemerdagangan Orang ini. Ia akan melibatkan akta yang lain. Mungkin ada akta yang melibatkan *soliciting plan*. So, ia suatu akta yang lain yang tidak ada hubung kait dengan Akta Antipemerdagangan Orang ini.

Jadi dengan penjelasan itu, saya percaya saya telah memperjelaskan berkaitan dengan jenayah pemerdagangan orang ini dan juga jenayah berkaitan dengan penyeludupan migran. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa jenayah ini adalah merupakan satu jenayah yang kompleks yang melibatkan jenayah rentas sempadan dan mempunyai hubung kait dengan jenayah lain. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, eksploitasi yang ada elemen pelacuran dan ini melibatkan sindiket-sindiket dan juga ada melibatkan berkaitan dengan *money laundering* juga.

Jadi rentetan daripada inilah kerajaan menghadapi pelbagai cabaran dan masalah dalam menangani jenayah pemerdagangan manusia ini. Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam menangani jenayah ini adalah seperti berikut:

■1840

- (i) kebanyakan manusia masuk ke negara kita ini secara sah sebagai pelancong tetapi kemudiannya menjadi sasaran sindiket pemerdagangan orang. Jadi ini menyebabkan anggota penguat kuasa menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti mangsa ketika mereka berada di pintu masuk utama negara. Jadi macam apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz supaya ada satu surat *reference* untuk bekerja. Jadi ini tidak praktikal oleh sebab mereka datang ke negara kita ini dengan ada dokumen yang sah sebagai pelancong. Jadi ini menyebabkan dari segi aspek praktikalnya tidak mungkin kita dapat mengenal pasti.
- (ii) masalah yang dihadapi oleh kita adalah berkaitan kurang kerjasama dan penyampaian maklumat daripada orang awam dan juga mangsa yang mana menjadi masalah kepada agensi penguat kuasa untuk mengambil tindakan awal bagi membanteras jenayah ini dan juga untuk menyelamatkan mangsa.
- (iii) terdapat juga situasi di mana sindiket antarabangsa yang mengancam mangsa sehingga menyebabkan mangsa takut untuk membuat laporan. Di samping itu, mangsa berkecemasan juga bimbang akan dikenakan tindakan oleh agensi penguat kuasa kerana telah terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang bersalahan dengan perundangan negara. Malah terdapat

mangsa yang enggan bekerjasama sebagai saksi dalam urusan pendakwaan kes yang diambil oleh kita;

- (iv) ada juga sebilangan kedutaan asing di negara ini yang kurang memberi kerjasama dalam mengesan bangsa sebagai warganegara mereka di atas faktor fahaman politik dan etnik yang berbangsa. Jadi inilah yang menyebabkan urusan penyediaan dokumentasi mangsa mengambil tempoh masa yang panjang dan seterusnya berlaku kelewatan dalam proses penghantaran pulang mangsa ke negara lain.

Jadi selain daripada isu seperti yang saya nyatakan ini, terdapat juga daripada masalah jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Majlis Antipemerdagangan yang telah mengambil inisiatif untuk menangani jenayah pemerdagangan manusia ini yang mana faktor-faktor dalaman dan luaran yang menyebabkan masalah ini masih berterusan. Antara faktor dalaman dan luaran yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:-

- (i) jenayah pemerdagangan manusia merupakan jenayah global yang berlaku di kebanyakan negara di dunia. Ini termasuk di negara-negara maju dan mempunyai jaringan hubungan yang begitu luas. Ia terjadi kerana jenayah ini mudah dilakukan di samping memberikan pulangan hasil yang amat lumayan. Jadi prinsip permintaan dan bekalan (*supply and demand*) yang tinggi dalam pemerdagangan manusia juga menyebabkan jenayah ini berterusan berlaku. Jadi negara kita tidak terkecuali seperti mana yang berlaku di negara barat;
- (ii) begitu juga daripada kedudukan ekonomi negara yang terus berkembang baik telah menarik minat warga asing untuk datang ke negara ini bagi mencari pekerjaan;
- (iii) di samping itu iklim politik dan ekonomi yang kurang selesa di negara asal mangsa menyebabkan ramai di kalangan mereka sanggup memperjudikan nasib di negara ini untuk mencari kehidupan yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah melaksanakan pelbagai mekanisme dalaman bagi membendung jenayah ini. Namun ketidakupayaan dan terdapat kelemahan-kelemahan yang serius di negara asal mangsa itu mencegah atau mendidik rakyat mereka mengenai risiko pemerdagangan manusia menyebabkan mereka mudah diperdaya oleh sindiket. Jadi inilah daripada segi senario ini, maka kita lihat bukanlah satu perkara yang mudah bagi negara kita Malaysia untuk mengatasi masalah-masalah ini. Jadi dalam keadaan inilah, maka kita perlu berusaha untuk mengambil tindakan yang lebih aktif, yang lebih tepat yang mana beberapa pelaksanaan perlu kita laksanakan. Oleh itu apa yang kita lihat dan kita pernah diletakkan di

bawah ketiga-tiga Department United States of America disebabkan kita tidak mematuhi minimum standard yang ditetapkan oleh Amerika Syarikat.

Di antara minimum standard yang telah dikenakan kalau mengikut standard yang telah diletakkan oleh Department of United States iaitu antaranya, saya baca *which is in* bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. "*Minimum Standard for Purpose of This Chapter: The minimum standard for the elimination of trafficking applicable to the government of a country of origin, transit, or destination for victims of severe forms of trafficking are the following:*

- (i) *The government of the country should prohibit severe forms of trafficking in person and punish acts of such trafficking.*
- (ii) *For the knowing commission of any act of sex trafficking involving force, fraud, coercion, and in which the victim of sex trafficking is a child incapable of giving meaningful consent, or of trafficking which includes rape or kidnapping or which causes a death, the government of the country should prescribe punishment commensurate with that for grave crimes, such as forcible sexual assault.*
- (iii) *For knowing commission of any act of a severe form of trafficking in person, the government of the country should prescribe punishment that is sufficiently stringent to deter and that adequately reflects the heinous nature of the offense.*
- (iv) *The government of the country should make serious and sustained efforts to eliminate severe forms of trafficking in person.*

Jadi, inilah syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak United States of America yang meletakkan sesebuah negara itu di tahap *tier-tier* yang berkaitan. Jadi kerana itulah oleh sebab kita merupakan negara yang melaksanakan berkaitan jenayah anti pemerdagangan ini dan juga jenayah penyeludupan manusia, baru kita memperkenalkan seperti mana yang telah saya bentangkan tadi pada tahun 2007 dan diimplementasikan dalam tahun 2008, maka banyak kekangan yang masih belum dapat kita atasi. Jadi oleh sebab itulah pada peringkat awalnya kita diletakkan di *tier* tiga dan kemudiannya diletakkan kepada *tier* dua. Walau bagaimanapun, masalah kita tidak dapat meneruskan dalam *comply in a more stringent way*. Jadi, kita akhirnya diturunkan balik ke *tier* tiga selepas kita dinaikkan ke *tier* dua.

■1850

Jadi selepas kita menunjukkan usaha-usaha yang begitu serius dalam mengatasi masalah-masalah ini, maka akhirnya kita telah diletakkan kepada *Tier 2 Watch List*. Jadi inilah untuk memastikan bahawa usaha-usaha kita menepati seperti *minimum standards* yang telah ditetapkan oleh *US State Department's Trafficking in Persons*. Maka usaha-usaha yang telah kita laksanakan banyak yang mana di antaranya, langkah-langkah utama yang kita laksanakan untuk

membanteras jenayah pemerdagangan orang adalah dengan mewujudkan Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

Hari ini kita memantapkan lagi dengan ada pindaan yang kita laksanakan, yang kita bentang hari ini, yang mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi saya percaya bahawa akta ini adalah salah satu yang boleh memberi satu kesan yang begitu positif terhadap syarat *minimum standards* ini. Selain daripada itu di bawah Akta Antipemerdagangan Orang 2007, kita telah menubuhkan jawatankuasa yang mana di bawah jawatankuasa ini kita mewujudkan lima buah jawatankuasa di bawahnya. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Penguatkuasaan, Jawatankuasa Perlindungan dan Pemulihan, Jawatankuasa Media dan Publisiti, serta Jawatankuasa Pemerdagangan Buruh.

Jadi berkaitan dengan penguat kuasa tadi, bahawa ada di antara Yang Berhormat telah mempersoalkan bahawa di bawah pelaksanaan untuk melaksanakan akta ini, terdapat lima agensi-agensi yang berlainan. Yang mana ada kebimbangan di antara Yang Berhormat semasa membahaskan tadi, kononnya ada kemungkinan dalam tindakan kita untuk mengatasi masalah ini ada pertindihan tindakan yang akan dilakukan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab di bawah akta ini. Apa yang pihak KDN berpandangan bahawa oleh kerana kita mempunyai Majlis Antipemerdagangan Orang (MAPO) yang ada kuasanya di bawah seksyen 7, yang mana kita telah menyenaraikan kuasa-kuasa ini.

Maka dari segi anggotanya melibatkan beberapa kementerian-kementerian yang lain, yang terlibat dan juga agensi-agensi lain yang terlibat yang merupakan di antara ahli-ahli jawatankuasa di bawah majlis ini. Jadi di sinilah segala penyelarasan dapat dibuat dan di bawah persetujuan majlis ini, maka Jabatan Polis Diraja Malaysia telah diberi fungsi sebagai *lead agency* dalam melaksanakan usaha-usaha dalam mengambil tindakan di bawah akta ini.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: [*Bangun*]

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Jadi untuk setakat ini apa yang kita lihat daripada tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan - saya habis dahulu Yang Berhormat.

Apa yang kita lihat di atas akta ini, maka kita dapat melaksanakan usaha-usaha dalam kita mengambil tindakan. Tidak ada masalahnya. Setakat ini daripada segi tindakan kesan yang telah kita peroleh, dari segi tangkapan dan juga daripada segi pendakwaan, daripada mula akta ini dilaksanakan - daripada segi pendakwaan telah terdapat kes-kes yang dituduh di mahkamah sebanyak 154 kes. Kes yang telah dibicarakan – 127 kes, dan kes yang selesai – 16 kes, dan kes dilepaskan tanpa bebas dua kes, dan kes sabitan sembilan kes. Jadi inilah antara tindakan-tindakan yang telah kita ambil.

Kategori-kategori kes seperti mana Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid ingin mengetahui tadi jenis kes-kes yang telah diambil oleh agensi penguat kuasa adalah di bawah seksyen 12, iaitu kesalahan pemerdagangan orang sebanyak 109 kes. Kes di bawah seksyen 13, iaitu kesalahan pemerdagangan orang dengan cara ancaman sebanyak 37 kes. Di bawah

seksyen 14, kesalahan pemerdagangan kanak-kanak 19 kes. Di bawah seksyen 15, kesalahan mendapatkan keuntungan daripada eksploitasi sebanyak tiga kes. Di bawah seksyen 23(2), iaitu obligasi sebagai pemunya, operator atau nakhoda penguat kuasa sebanyak lima kes. Ini di antara kejayaan-kejayaan yang telah kita dapat laksanakan.

Walaupun kita ada kekangan, walaupun kita dalam mengimplementasikan akta ini baru dalam tiga tahun, sedikit sebanyak kita juga dapat menjayakan dalam tugas yang telah diamanahkan ini. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat, kerana seperti mana yang kita semua sedia maklum Kuala Lumpur telah pun diumumkan sebagai 'Bandar Kebudayaan Islam' yang telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 2009 yang lepas.

Jadi kerana itu kita melihat apa yang berlaku sekarang ini - pemerdagangan manusia telah melibatkan keseluruhan Kuala Lumpur ini. Kalau kita lihat pusat-pusat hiburan, tempat perjudian berlaku semuanya, dan juga tempat *massage* - rumahurut juga banyak wanita-wanita yang dibawa daripada luar. Pemerdagangan manusia ini dibawa daripada luar dan dijadikan mereka ini yang paling memalukan negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya ini tidak dapat kita laksanakan? Kerana Kuala Lumpur telah diumumkan - jadi apa yang akan berlaku memalukan Kuala Lumpur sebagai sebuah kota kebudayaan Islam yang diumumkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin. Sehubungan dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, bagi pihak kementerian memang mengambil pandangan yang serius. Itu sebabnya dengan ada kerangka akta kita yang telah dapat kita mantapkan, saya percaya bahawa tindakan-tindakan yang kita akan laksanakan ia lagi memudahkan untuk kita mengambil tindakan ini.

■1900

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan senario keadaan sebagaimana yang telah saya nyatakan. Seterusnya saya ingin menyentuh isu-isu yang telah ditimbulkan secara spesifik oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bermula daripada Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam yang bertanya. Mengapa berlakunya aktiviti pemerdagangan orang dan punca-punca berlaku? Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam bahawa faktor-faktor yang menyebabkan berlaku pemerdagangan orang;

- (i) kurang kesedaran mengenai perkara-perkara ini di kalangan masyarakat dan juga mangsa yang berpotensi untuk dieksploitasi oleh individu atau sindiket yang tidak bertanggungjawab;

- (ii) majoritinya berpindah daripada tempat asal kerana berlakunya faktor-faktor dalaman seperti peperangan, bencana alam, konflik politik negara dan lain-lain.

Jadi inilah isu sebagaimana yang saya nyatakan tadi masalah kekangan dalam kita menghadapi membanteras kes-kes jenayah pemerdagangan orang.

Kedua isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. Malasingam adalah berkaitan dengan clause 10 - denda dinaikkan sehingga RM500,000. Dalam pindaan akta telah diperuntukkan dengan denda minimum sebanyak RM500,000 dan tidak melebihi RM1,000,000. Juga boleh dilucutkan keuntungan daripada kesalahan pemerdagangan orang itu. Ini adalah termaktub di dalam akta pindaan di bawah seksyen 15 ini. Sehubungan dengan hukuman ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa sehubungan dengan hukuman ianya adalah merupakan sebagai satu *deterrent* kepada penjenayah-penjenayah berkaitan dengan hukuman-hukuman yang dikenakan di bawah undang-undang.

Walaupun ada di antara peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan di bawah perundangan yang mana meletakkan sehingga tidak melebihi 30 tahun. Jadi pelaksanaan hukuman itu apabila disabitkan kesalahan pada umumnya ianya tidak diletakkan sampai ke maksimum sekali. Akan tetapi apa yang penting bahawa ianya boleh memberi satu impak *deterrent* kepada potensi-potensi yang melakukan kesalahan seperti itu. Jadi kalau kita melihat walaupun ada di antara peruntukan-peruntukan yang melibatkan hukuman mati. Ianya juga kalau daripada *deterrent* hukuman mati umpamanya dalam kes dadah kita masih lihat walaupun terdapat di bawah Akta Dadah itu yang mana disabitkan kesalahan sehingga membawa maut. Akan tetapi sehingga hari ini kita lihat dalam masalah dadah masih lagi berlaku.

Jadi apa yang lebih penting saya ataupun KDN merasakan bahawa tindakan-tindakan pendekatan untuk membanteras atau untuk memastikan bahawa aktiviti-aktiviti atau jenayah itu dapat kita laksanakan melalui cara yang lain. Seperti pencegahan maka itu adalah di antara salah satu pendekatan yang mana kita boleh menangani masalah daripada berlakunya berleluasa dalam kejadian-kejadian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan isu yang dibangkitkan oleh Datin Paduka Datuk Nor Hayati yang mana di antaranya kelewatan dalam proses kehakiman. Sehingga kini sebagaimana yang saya nyatakan tadi itulah jumlah kes-kes yang telah kita bawa yang telah diselesaikan. Jadi daripada segi mahkamah malam dan juga mahkamah khas yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka tadi, bahawa mahkamah malam itu adalah merupakan mahkamah yang menguruskan berkaitan dengan kes-kes yang melibatkan kes-kes di bawah NKRA. Juga kes-kes yang dilaksanakan oleh mahkamah-mahkamah khas yang khususnya berkaitan dengan kes-kes imigresen. Jadi kes-kes di bawah antipemerdagangan orang ini ianya dilaksanakan di bawah mahkamah biasa.

Isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati adalah sejauh mana keberkesanan Pelan Tindakan Kebangsaan Majlis Antipemerdagangan Orang 2010-2012 yang telah dilancarkan baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyatakan bahawa Pelan Tindakan Kebangsaan ini adalah merupakan satu pelan yang menggariskan sembilan bidang program. Di mana matlamat strategik yang menentukan setiap langkah yang bakal diambil. Jadi sembilan matlamat strategik tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Mempertingkatkan tindakan terhadap jenayah pemerdagangan orang dengan memperkukuhkan kerangka perundangan seperti mana yang kita laksanakan dalam pindaan akta kita ini;
- (ii) melaksanakan tindakan bersepadu di kalangan agensi-agensi penguat kuasa;
- (iii) meningkatkan tahap kesedaran awam melalui penyaluran maklumat kepada masyarakat;
- (iv) memberi perkhidmatan perlindungan dan pemulihan yang mematuhi standard antarabangsa;
- (v) membanteras pemerdagangan buruh;
- (vi) merancang dan melaksanakan latihan secara bersepadu untuk personel yang terlibat dalam melaksanakan Akta Antipemerdagangan Orang 2007;
- (vii) membangunkan sistem pengurusan maklumat untuk agensi-agensi kerajaan dalam menangani jenayah pemerdagangan orang;
- (viii) mengadakan kerjasama dalaman dan antarabangsa;
- (ix) mempertingkatkan tadbir urus.

Berdasarkan kepada matlamat-matlamat strategik tersebut Majlis Antipemerdagangan Orang dan jawatankuasa di bawahnya akan menentukan program-program dan aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tahun. Selain itu pendekatan yang diambil di bawah Pelan Tindakan Kebangsaan ini adalah secara holistik melalui kerjasama pintar di antara kerajaan dengan masyarakat umum, pertubuhan bukan kerajaan, badan antarabangsa dan serantau. Dengan matlamat yang sama setiap aktiviti yang dilaksanakan akan memberi kesan dalam usaha membanteras jenayah itu.

■1910

Pelan Tindakan Kebangsaan Anti Pemerdagangan Orang juga merupakan salah satu instrumen dalam usaha menangani kegiatan perdagangan orang. Di mana tanggungjawab kerajaan adalah untuk memastikan setiap perkara yang akan dilaksanakan akan tercapai dengan adanya kolaborasi di antara masyarakat setempat, agensi-agensi di peringkat kerajaan dan di luar negara dan layanan yang adil dan saksama kepada mangsa-mangsa yang mendapat perlindungan di sini. Jadi, mulai 28 Februari 2008 sehingga 11 Julai 2010, seramai 1643 mangsa

diselamatkan dan diberikan perintah perlindungan sementara di bawah Seksyen 44(1) Akta Antipemerdagangan Orang, manakala seramai 471 diselamatkan dan diberi perintah perlindungan di bawah seksyen 51(3), akta yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati juga, berkaitan dengan sindiket penyeludupan manusia di Pulau Ketam. Sejauh mana tindakan pemantauan oleh pasukan marin dan APMM dalam hal ini. Di sini saya ingin menyatakan bahawa Polis Diraja Malaysia melalui Pasukan Gerak Marin sentiasa membuat pemantauan rapi terhadap sebarang aktiviti penyeludupan manusia melalui jalan laut, terutamanya di kawasan sekitar Pulau Ketam yang dikesan menjadi transit bagi warga negara Indonesia untuk pulang ke negara asalnya melalui jalan tidak sah. Pasukan Gerak Marin sentiasa membuat rondaan 24 jam di kawasan tersebut.

Hasil rondaan dan risikan yang dijalankan secara intensif bagi tahun 2009 hingga 31 Julai 2010, sebanyak 3 kes telah diambil tindakan di bawah... di mana seramai 3 orang tekong telah ditangkap dan seramai 18 orang mangsa, warganegara Indonesia tiga orang, Pakistan lima, Afghanistan 10 telah berjaya diselamatkan. Di samping itu, bagi tangkapan PATI pula, direkodkan sebanyak tiga hingga empat kes sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat, isu yang dibangkitkan ialah program untuk meningkatkan kesedaran awam. Dalam hal ini, antara program kesedaran awam yang telah dilaksanakan terutamanya menyiarkan iklan di media cetak dan juga elektronik berkaitan dengan pemerdagangan orang. Keduanya, memasang *billboard* di laluan KLIA, yang mana Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz memberi komen berkaitan dengan penyiaran iklan itu.

Sehubungan dengan komen itu, saya akan membawa ke pengetahuan pihak yang berkuasa supaya memberi satu imej yang lebih baik, daripada apa yang telah dipamerkan seperti terdapat di kawasan laluan KLIA itu. Ketiganya, pengumuman udara di dalam penerbangan tempatan dan juga taklimat-taklimat kepada golongan sasaran seperti kaum wanita dan kanak-kanak. Seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Senator Zaitun adalah sama ada MAPO mempunyai kuasa untuk mendakwa. Bagi jawapan itu, saya ingin menyatakan bahawa majlis menjalankan fungsi-fungsi menyelaraskan pelaksanaan serta merumuskan dasar dan program bagi mencegah dan menghapus pemerdagangan orang.

Majlis tidak mempunyai kuasa dalam hal pendakwaan. Kuasa mendakwa masih kekal dengan pendakwa raya, sesuai dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 376, Kanun Tatacara Jenayah. Untuk memulakan pendakwaan di bawah akta ini, memerlukan keizinan bertulis daripada pihak pendakwa raya. Sehubungan dengan isu berkaitan dengan konvensyen PBB, mengapa ianya lewat dibuat *ratification protocol*. Bagi menjawab isu ini, ingin saya memaklumkan bahawa polisi kerajaan Malaysia untuk mengadakan undang-undang domestik terlebih dahulu sebelumnya meratifikasikan serta menyertai mana-mana konvensyen

protokol antarabangsa. Oleh itu, Malaysia hanya menyertai TIP Protokol selepas ATIP dibuat dan diluluskan oleh Parlimen.

Ini adalah prinsip di mana Malaysia adalah negara dualis. Berkaitan dengan impak *ratification protocol* kepada jenayah pemerdagangan orang. Bagi jawapan ini, impak daripada menjadikan negara ahli kepada TIP Protokol ialah semua obligasi di bawah TIP Protokol tersebut contohnya, menjadikan sesuatu kesalahan pemerdagangan orang di bawah undang-undang domestik haruslah dipatuhi dan dilaksanakan oleh Malaysia. Jika obligasi di bawah protokol tidak dilaksanakan oleh Malaysia, Malaysia boleh dikenakan tindakan mengikut protokol tersebut. Sehubungan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun juga, berkaitan dengan apakah rasional menambah dua keahlian NGO dalam ahli majlis.

Bagi jawapan isu ini, keahlian tambahan dua lagi NGO adalah khusus untuk penyeludupan *migrant* terutama mereka yang mempunyai kepakaran dalam mengendalikan isu-isu *migrant* ini. Isu selanjutnya yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Senator Zaitun adalah tindakan kerajaan dalam meningkatkan imej dalam aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan *migrant*. Ini telah saya sebutkan tadi. Berkaitan dengan program untuk meningkatkan kesedaran, saya pun telah maklumkan tadi.

Jadi, saya seterusnya menyentuh berkaitan dengan isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Doris Sophia. Isu pertama yang dibangkitkan adalah isu antarabangsa, Australia. Setakat manakah kerjasama dengan Australia dalam memperdagangkan orang ini. Di sini saya ingin menyatakan bahawa di antara Australia dengan Malaysia bahawa kita telah mewujudkan satu *working group*, yang mana kita telah mengadakan mesyuarat di antara delegasi Malaysia dengan Australia, sebanyak dua kali setahun.

■1920

Jadi dalam perjumpaan-perjumpaan ini, maka kita berbincang masalah-masalah bersama dan juga dalam perbincangan berkaitan dengan pertukaran maklumat dan lain-lain lagi. Untuk ketika ini dari segi perjalanannya kerjasama di antara Australia dengan Malaysia dalam konteks *working group* ini ianya dapat dilaksanakan dengan licin dan lancar.

Isu seterusnya adalah berkaitan dengan kenapa tempoh pelantikan NGO singkat iaitu selama dua tahun sahaja. Dalam isu ini untuk makluman Yang Berhormat mana-mana ahli Majlis yang telah tamat tempoh layak untuk dilantik semula seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang 2007 di bawah seksyen 6(iii). Berkaitan dengan kriteria penilaian *a tier report* di mana saya telah memaklumkan tadi, jadi saya tidak perlu ulang lagi.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Doris iaitu perlukah Malaysia mengadakan satu perbincangan dengan negara-negara luar yang aktif menangani jenayah ini. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat – Malaysia mempunyai kerjasama antarabangsa yang mana melibatkan negara-negara luar seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Belanda, Australia di mana kerjasama merangkumi dari aspek bina upaya, perkongsian

maklumat serta kerjasama antara agensi penguat kuasa dan juga di samping itu negara turut bekerjasama dengan pertahanan antarabangsa seperti International Organization for Migration dan The Centre for Protection of Children's Rights Foundation (CPCR) untuk berkongsi pengalaman dan mendapatkan latihan dalam bidang penguatkuasaan, pendakwaan, penggunaan perlindungan rumah mangsa pemerdagangan orang.

Sehubungan dengan isu penghantaran pulang mangsa yang mana Yang Berhormat Senator Puan Doris ingin mengetahui siapa yang menanggung dari segi kos penghantaran pulang. Sebenarnya kos penghantaran pulang mangsa adalah bergantung kepada kes. Terdapat mangsa yang dihantar pulang dengan ditanggung oleh kedutaan negara berkenaan. Terdapat juga pertubuhan antarabangsa yang menanggung kos penghantaran tersebut. Sekiranya tidak ada pihak yang ingin menanggung kos tersebut ianya akan ditanggung oleh Kerajaan Malaysia. Kos yang ditanggung oleh Kerajaan Malaysia untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2009 sebanyak RM10,309 dan bagi tahun 2010 sebanyak RM4,942.

Untuk makluman Yang Berhormat juga jumlah warga asing yang telah diusir ke negara asal daripada tahun 2005 sehingga tahun 2009 adalah seramai 237,790 orang, manakala jumlah yang masih ditahan dalam depot imigresen adalah seramai 5,994 orang pada 31 Mac 2010.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim yang mana menimbulkan berkaitan dengan kes pekerja asing yang tidak dibayar gaji sama ada termasuk dalam pemerdagangan orang. Berkaitan dengan isu ini kes tidak dibayar gaji semata-mata tidak mencukupi untuk dikategorikan kerja paksa. Ianya bergantung kepada fakta dan keadaan sesuatu kes. Ianya mesti wujud elemen paksa bagi menunjukkan eksploitasi seperti pasport dipegang oleh majikan, tidak diberi rehat yang mencukupi, tidak diberi cuti, tidak bebas bergerak dan sebagainya.

Sehubungan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali berkaitan dengan penjelasan tentang fungsi dan peranan MAPO, tetapi tidak keahliannya. Senarai keahlian boleh dirujuk di dalam seksyen 6 Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Sehubungan dengan isu yang ditimbulkan pula oleh Puan Usha Nandhini yang mana memohon bagaimana menangani pemansuhan data-data pemerdagangan orang. Sehubungan dengan ini dengan mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan dokumen perjalanan dan juga dengan kerjasama negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan isu yang dibangkitkan oleh Puan Hajah Noriah binti Mahat yang mana ingin mengetahui, apakah program dan strategi NAP atau *National Action Plan*. Setiap program yang dikenal pasti adalah berdasarkan kepada matlamat dan strategi seperti berikut:-

- (i) mempertingkatkan tindakan terhadap jenayah pemerdagangan orang dengan memperkukuhkan kerangka perundangan;

- (ii) melaksanakan tindakan bersepadu di kalangan agensi-agensi penguat kuasa;
- (iii) meningkatkan tahap kesedaran awam melalui penyaluran maklumat kepada masyarakat;
- (iv) memberi perkhidmatan perlindungan dan pemulihan yang mematuhi standard antarabangsa;
- (v) membanteras pemerdagangan buruh;
- (vi) merancang dan melaksanakan latihan secara bersepadu;
- (vii) membangunkan sistem pengurusan maklumat;
- (viii) mengadakan kerjasama dalaman dan antarabangsa; dan
- (ix) mempertingkatkan tadbir urus.

Seterusnya cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah adalah cadangan supaya lebih ramai wanita menjadi ahli MAPO. Bagi jawapan atas saranan itu, ingin saya mengatakan bahawa MAPO tidak berhasrat untuk menetapkan wanita untuk menjadi ahli MAPO. Walau bagaimanapun pandangan-pandangan mereka sangat dialu-alukan oleh MAPO.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagikah Yang Berhormat?

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tinggal sedikit sahaja lagi. Yang lain itu saya akan menjawab melalui jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya bersetuju kalau buat begitu.

■1930

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: *Last one.* Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz berkaitan rasional untuk meminda seksyen 52(1) berkaitan dengan menggantikan Mahkamah Majistret kepada Mahkamah Sesyen. Rasional untuk pindaan tersebut dibuat bagi tujuan menyegerakan proses perbicaraan kes-kes di bawah Akta Antipemerdagangan Orang di mana perakaman keterangan mangsa pemerdagangan orang tidak perlu lagi dibuat di hadapan Mahkamah Majistret.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah isu-isu pokok yang dapat saya sentuh. Isu-isu lain yang mana yang tidak disentuh dalam Dewan yang mulia ini, saya akan memastikan ia dijawab secara bertulis. Sekian, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ke dalam perbahasan Akta Antipemerdagangan Orang dan penyeludupan migran. Sekian, saya sudahi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 15(3)**

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Pemeriksaan Bahasa Kebangsaan

7.34 mlm

Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum dan salam 1Malaysia.* Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara sekalian. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana diberi peluang melafazkan ucapan penangguhan ini. Dalam keadaan masa yang terbatas dan hari yang semakin malam, tentu saya hanya akan dapat membincangkan judul ini secara am dan pada peringkat mikro sahaja.

Pesanan atau mesej utama yang hendak saya sampaikan ialah bahawa bahasa Kebangsaan kita yang pada suatu masa dahulu dirujuk sebagai bahasa jiwa bangsa tetapi pada masa sekarang berada dalam keadaan yang bukan sahaja memalukan malah juga memilukan. Kita merasa malu kerana pada masa ini bahasa Kebangsaan itu seakan-akan hanya berfungsi untuk perkara-perkara yang remeh temeh – untuk membeli sayur di pasar atau hot dog dan hamburger di kaunter-kaunter kedai makanan segera. Sedangkan untuk komunikasi perkara-

perkara yang lebih akademik dan konseptual, kita meninggalkan bahasa Kebangsaan dan beralih kepada bahasa Inggeris.

Setelah lebih 50 tahun kita merdeka dan mempunyai bahasa Kebangsaan kita sendiri, namun sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan-dewan legislatif di negara kita baik pada peringkat Dewan Undangan Negeri mahupun peringkat Parlimen, masih lagi tidak dapat berbahasa kebangsaan dengan fasih dan terpaksa berbahasa dengan menggunakan bahasa pasar atau menggunakan teks ucapan yang disediakan oleh orang lain.

Sebahagian besar tokoh-tokoh utama dalam masyarakat kita, baik yang berketurunan Melayu mahupun yang berketurunan bukan Melayu, baik tokoh-tokoh politik dan birokrat mahupun tokoh-tokoh korporat dalam dunia perniagaan, sama ada kurang fasih berbahasa Melayu atau sengaja hendak berlagak menggunakan bahasa Inggeris dalam majlis-majlis yang 90% daripada khalayak atau *audience* nya lebih faham bahasa kebangsaan.

Semenjak akhir-akhir ini semakin banyak taman perumahan, pasar raya, dan pusat membeli belah yang diberi nama dengan istilah-istilah asing yang tidak berbau atau tidak bernada dan bernuansa kebangsaan. Papan-papan iklan dan sesetengah tanda nama kedai semakin banyak menggunakan bahasa yang bukan bahasa kebangsaan.

Setelah sekian lama kita merdeka dan mempunyai bahasa kebangsaan sendiri, namun majalah-majalah berkualiti dan buku-buku ilmiah dalam bahasa kebangsaan masih sangat sedikit bilangannya. Demikianlah senarai perkara-perkara yang memalukan mengenai status bahasa Kebangsaan itu yang boleh dipanjangkan dengan banyak contoh yang lain.

Semua perkara yang memalukan itu sekali gus juga telah menyebabkan kita merasa pilu, kesal dan terkilan kerana di suatu waktu dahulu kita mempunyai mimpi indah bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan menjadi satu bahasa ilmu dan bahasa pengucapan budaya tinggi. Kita mengimpikan bahasa Melayu itu akan menjadi bahasa moden yang lengkap, dapat menggarap konsep-konsep abstrak dan canggih, menjadi bahasa persatuan yang menjadi jiwa bangsa dan kebanggaan negara, menjadi sastera yang bermutu, bersih daripada pencemaran loghat dan nahu, menjadi bahasa komunikasi yang berkesan pada setiap strata sosial dan dalam semua bidang.

Akan tetapi sekarang ternyata bahawa mimpi-mimpi indah itu telah bertukar menjadi igauan yang mengganggu tidur di malam hari dan mengacau fikiran di waktu siang. Hakikat pahit yang terpaksa kita terima ialah bahawa kejayaan kita dalam memperkasakan bahasa Kebangsaan itu dan memodenkannya adalah jauh daripada memuaskan.

Kira-kira 10 tahun yang lalu, seorang cendekiawan ulung negara ini, Allahyarham Rustam A. Sani telah menulis dalam salah satu makalahnya yang antara lain kata Rustam, *“Projek memodenkan budaya dan bahasa Melayu kurang berhasil, bukan sahaja kerana gangguan yang berterusan dari golongan-golongan yang terus menerus menentangnya tetapi juga oleh golongan menengah dan atasan Melayu sendiri. Golongan menengah dan atasan*

Melayu secara menyeluruh tidak pernah menjadi agen yang teguh lagi berkesan terhadap proses pemodenan budaya dan bahasa Melayu, sebaliknya golongan inilah yang paling meragukan kemampuan unsur-unsur budayanya itu menjadi sebahagian daripada unsur-unsur pengucapan moden.”

■1940

Secara ringkas saya melihat langkah memperkasa bahasa kebangsaan ini sebagai memenuhi tanggungjawab moral kita untuk berterima kasih kepada bahasa Melayu yang telah sangat banyak jasanya menghidupkan pelbagai tamadun di Asia Tenggara ini. Bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan kita ini juga sangat besar jasanya dalam menggelorakan semangat nasionalisme di masa lalu yang akhirnya telah memerdekakan negara ini dari belenggu penjajahan.

Untuk masa sekarang serta masa yang akan datang bahasa kebangsaan itu sewajarnya diterima, dihayati dan disemarakkan sebagai bahasa perpaduan untuk sekali gus menepati maksud dan semangat slogan “Bahasa Jiwa Bangsa”. Untuk mengatasi rasa malu dan pilu itulah saya mencadangkan supaya langkah dan tindakan memperkasa bahasa kebangsaan itu dirancang dan diremajakan kembali, digerakkan dengan sungguh-sungguh untuk mencapai lima matlamat berikut:

- (i) menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa perpaduan yang benar-benar menepati semangat dan slogan “Bahasa Jiwa Bangsa”;
- (ii) menjadikan bahasa Melayu itu bahasa komunikasi yang berkesan pada setiap strata sosial dan dalam semua bidang kehidupan;
- (iii) menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengucapan budaya tinggi;
- (iv) menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa moden yang lengkap, dapat menggarap konsep abstrak dan canggih; dan
- (v) menjadikan bahasa Melayu itu sebagai bahasa persuratan atau bahasa sastera yang bermutu, bersih daripada pencemaran loghat dan nahu.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab moral kita bersama untuk memastikan bahasa Melayu, bahasa kebangsaan itu menjadi perkasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Diminta Menteri menjawab.

7.42 mlm.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Dato' Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua bagi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia saya amat menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap usaha untuk memperkasakan bahasa Melayu di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, usaha memperkasakan bahasa Melayu telah dirancang dan digerakkan oleh Kementerian Pelajaran melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sejak DBP ditubuhkan pada tahun 1956 yang mana

Yang Berhormat Dato' Senator sendiri pernah menerajui DBP untuk satu tempoh yang agak panjang.

Usaha ini digerakkan dengan lebih bersungguh-sungguh melalui agenda membina negara bangsa yang menjadi agenda penting atau petunjuk prestasi utama atau KPI Kementerian Pelajaran Malaysia. Lebih-lebih lagi dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Untuk mencapai matlamat ini usaha pertama yang menjadi fokus Kementerian Pelajaran Malaysia adalah memperkasakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perpaduan dan bahasa berilmu.

Perkara 152(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan itu bahasa Melayu. Ini bererti bahasa Melayu berfungsi sebagai alat perpaduan semua kaum di Malaysia dan tidak lagi sebagai alat perpaduan atau kesatuan bangsa Melayu sahaja. Bahasa Melayu bertugas sebagai pembentuk jati diri negara bukan jati diri bangsa Melayu lagi sejajar dengan slogan "Bahasa Jiwa Bangsa".

Sesuai dengan ini, kerajaan telah melaksanakan usaha membina dan mengembangkan bahasa kebangsaan sehingga bahasa ini diterima sebagai bahasa kepunyaan bersama semua rakyat dan berjaya menyatupadukan rakyat pelbagai kaum. Sebagai langkah menggalakkan perpaduan kaum, kosa kata dialek dan bahasa sukuan dari Sabah dan Sarawak telah diserapkan ke dalam bahasa kebangsaan di samping kata daripada bahasa Cina dan Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, usaha membina dan mengembangkan bahasa kebangsaan harus menjadi tanggungjawab semua orang tanpa mengira bangsa. Dalam konteks Malaysia, bahasa Melayu dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan kita yang bertujuan menjadi bahasa penyatuan dan perpaduan antara kaum supaya dapat memainkan peranan sebagai bahasa komunikasi dan bahasa perpaduan di negara kita. Lantaran itu, kini bahasa Melayu menjadi milik semua kaum di bumi Malaysia dan wajar menjadi bahasa komunikasi yang berkesan dalam setiap strata sosial dan dalam semua bidang kehidupan, seperti kata pepatah Melayu "*di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung*".

Tuan Yang di-Pertua, ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan juga diminta agar mewujudkan mekanisme dalam jabatan masing-masing untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan menggunakan bahasa kebangsaan yang baik dan betul dalam semua urusan dan majlis rasmi. Perkara ini telah pun dinyatakan dengan jelas dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2006 bertarikh 22 Disember 2005 tentang langkah-langkah memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam.

Bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengucapan budaya tinggi kerajaan telah mengambil langkah untuk menanam sikap mencintai bahasa Melayu terutama dalam kalangan generasi muda seawal dari peringkat sekolah lagi. Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah kerajaan mulai tahun 1970 selepas Akta Bahasa Kebangsaan 1967 iaitu Akta 32 diwartakan.

Bahasa Melayu diajar sebagai mata pelajaran wajib di institusi pendidikan. Perkara ini diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1996 iaitu Akta A550. Pelajar yang melalui sistem pendidikan kebangsaan sudah sedia terdedah kepada penggunaan bahasa Melayu. Bagi pelajar yang memilih belajar di institusi pendidikan swasta, mereka tertakluk kepada Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 iaitu Akta 555, bahasa Melayu diajar sebagai satu mata pelajaran wajib.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran juga telah memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris atau dalam nama singkatannya MBM-MBI. Kementerian Pelajaran telah merancang beberapa program untuk menyebarkan dan memartabatkan bahasa Melayu. Antaranya projek dan program yang boleh memupuk kesedaran dan membina kefahaman tentang dasar bahasa melalui program pemupukan, penggalakan dan perantaraan bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah menyediakan pelbagai bahan rujukan seperti kamus istilah dan juga buku pedoman dan panduan bahasa yang dapat membantu semua pihak menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan betul. Orang ramai juga boleh mendapatkan khidmat nasihat bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka melalui laman web Dewan Bahasa dan Pustaka, telefon, faksimili, e-mail ataupun datang sendiri ke Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sejajar dengan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa moden dan lengkap yang dapat menggarap konsep-konsep abstrak dan canggih, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menggubal lebih daripada satu juta istilah dalam pelbagai bidang ilmu dan sebanyak 865,702 istilah telah dibukukan dalam 141 daftar istilah, 46 kamus istilah dan 85 glosari istilah. Istilah bahasa Melayu digubal berdasarkan panduan dan kaedah yang piawai dengan penglibatan pakar-pakar bidang dari jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan dengan penasihat bahasa dapat pengistilahan daripada pakar bahasa dan pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa persuratan atau sastera yang bermutu, bersih daripada pencemaran loghat dan nahu, Dewan Bahasa dan Pustaka mengambil langkah membakukan ejaan dan sebutan dan membentuk istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan dan menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul. Bagi memenuhi keperluan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan tatabahasa Dewan pada tahun 1986 dan pedoman ejaan dan sebutan bahasa Melayu pada tahun 1996.

Di samping itu Dewan Bahasa dan Pustaka juga sentiasa mengadakan pemantauan dan memberi teguran kepada mana-mana pihak yang tidak menggunakan bahasa Melayu yang baik dan betul khususnya dalam semua urusan dan majlis rasmi. Dari semasa ke semasa, pemantauan dilakukan terhadap penamaan syarikat, bangunan, kawasan perumahan, tempat awam, jalan, papan iklan, majalah dan buku. Selain itu, Dewan Bahasa dan Pustaka juga terus memantau penggunaan bahasa pada media elektronik, media cetak, sektor Kerajaan

Persekutuan dan badan berkanun, sektor perdagangan dalam negeri, sektor industri khusus dan sektor kewangan. Dengan demikian, kerajaan berharap rakyat dapat pendidikan bahasa yang secukupnya dan dapat menggunakan dalam urusan seharian.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan terus berusaha untuk meningkatkan penggunaan bahasa kebangsaan dengan mengadakan kempen-kempen penggunaan bahasa kebangsaan seperti “Gerakan Cintailah Bahasa Kita”, “Bulan Bahasa Kebangsaan”, “Kembara Bahasa” dan sebagainya.

■1950

Kempen ini melibatkan penyertaan daripada pelbagai peringkat, kaum, sektor dan profesion dari seluruh negara. Kegiatan kebangsaan dan persuratan ini dilaksanakan untuk memupuk rasa cinta terhadap bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum selaras dengan konsep 1Malaysia. Terima kasih.

AUKU dan Penglibatan Politik Mahasiswa

7.51 mlm.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana peluang untuk memberikan ucapan penangguhan ini. Tajuk ucapan saya ialah ‘AUKU dan Penglibatan Politik Mahasiswa’. Semasa Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor baru-baru ini, empat orang mahasiswa jurusan Sains Politik di UKM telah ditahan oleh sebab mempunyai risalah sebuah parti dalam kenderaan mereka. Mereka ialah Hilman Idham, Woon King Chai, Azlin Shafina Adzha dan Ismail Aminuddin yang merupakan antara pelajar terbaik dalam pelajaran mereka.

Selepas disiasat mereka dilepaskan oleh pihak polis tanpa apa-apa tuduhan, akan tetapi selepas itu mereka didakwa oleh UKM dan mungkin dihukum di bawah Seksyen 15(5)(A), Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) yang melarang mahasiswa menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan, atau bingkangan terhadap mana-mana parti politik sama ada di dalam atau di luar Malaysia. Yang menarik berkenaan kes ini ialah ketika Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor berlangsung, keempat-empat pelajar sedang menduduki Kursus Analisa Pilihan Raya di Jabatan Sains Politik UKM. Mereka pergi ke sana untuk memerhati proses perjalanan pilihan raya kecil tersebut dengan tujuan untuk meninjau bagaimana kempen pilihan raya di negeri ini dijalankan. Malangnya apa yang sepatutnya dipuji sebagai inisiatif yang baik dijadikan jerat untuk memerangkap mereka.

Golongan mahasiswa mempunyai kebebasan yang terbatas berbanding rakan-rakan sebaya yang gagal melanjutkan pelajaran. Kenapa? Ini kerana kebolehan mereka untuk menuntut ilmu di universiti, mereka dinafikan kebebasan untuk menyertai kegiatan politik. Bukankah ini mencabul hak asasi mereka? Mahasiswa sudah lama berjuang menentang AUKU, akan tetapi buat sekian lama perjuangan ini agak sunyi kerana tiada mahasiswa yang didakwa di bawah akta ini. Kali terakhir ialah kes di Universiti Malaya, seramai sembilan orang mahasiswa daripada Persatuan Universiti Mahasiswa Islam, PMIUM dan Kelab Debat Bahasa Cina yang membawa masuk ahli politik ke dalam kampus.

AUKU hari ini adalah satu warisan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pada tahun 1975 selaku Menteri Pelajaran ketika itu, beliau mengemukakan pindaan kepada akta ini selepas berlakunya demonstrasi besar-besaran anjuran Gerakan Mahasiswa pada tahun 1974. Demonstrasi tersebut dianjurkan bagi membela nasib petani-petani miskin di Baling, Kedah. Mengikut akta ini, mahasiswa berhak mengundi tetapi tidak boleh melahirkan sokongan ataupun bangkangan terhadap mana-mana parti politik. Mereka tidak boleh menjadi sukarelawan parti politik, tidak boleh hadir ceramah politik dan tidak boleh menyimpan risalah politik. Ini tidak masuk akal sama sekali. Bukankah perbuatan mengundi itu sendiri satu bentuk sokongan ataupun bangkangan?

Hak berpolitik wujud bersama hak mengundi, tidaklah wajar untuk kita menghalang pelajar-pelajar yang layak mengundi daripada menyokong atau membangkang mana-mana parti, bahkan dalam pilihan raya. Jika mereka mahu menerajui negara dan dapat meyakinkan rakyat bahawa mereka dapat menyumbang kepada pembangunan negara, maka mengapakah harus kita menghalangnya? Anehnya pelajar-pelajar kita di luar negara di Britain, Australia, Mesir dan lain-lain bebas untuk melibatkan diri dalam politik negara kita. Mereka boleh menganggotai Kelab Penyokong UMNO dan menghadiri Perhimpunan Agung UMNO. Kenapakah pelajar dalam negara tidak boleh diberikan hak serta kebebasan yang sama? Apa perbezaan mereka? Mengapa rakyat kita di tanah air sendiri di rampas kebebasan mereka? Hakikat bahawa AUKU tidak boleh dikuatkuasakan di luar negara tidak harus menjadi alasan. Soalnya kenapakah perlu akta ini?

Undang-undang mengikut akta ini dilihat bertentangan sama sekali dengan amalan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan yang melindungi hak dan kebebasan warganegara untuk rakyat berpersatuan, bersuara dan mengundi. Masa depan sesebuah negara sebahagiannya tergantung kepada anak muda, khususnya mahasiswa sebagai masyarakat terpelajar. Tidakkah kita semua bersetuju golongan ini mempunyai peranan besar untuk menentukan masa depan negara dan bangsa kita? Malangnya akibat AUKU, keadaan dan budaya dalam kampus pada hari ini tidak akan melahirkan pemimpin yang kita kehendaki. Kata Tun Abdul Razak pada bulan Ogos 1970, "*Universiti mempunyai tugas mengajarkan*

kebijaksanaan dan bukan sekadar kemahiran, membentuk sahsiah dan bukan sekadar mengajarkan pengetahuan teknikal.” Itu dari Tun Abdul Razak.

Sebagaimana kita tahu mengembalikan kegemilangan Dewan Negara yang mulia, kita perlu mengembalikan kegemilangan mahasiswa. Pihak kerajaan juga perlu sedar bahawa masa depan negara adalah di tangan pelajar-pelajar kita yang mempunyai idealisme, sifat yang baik dan matang dalam membuat sebarang keputusan. Kita tidak harus mengongkong perkembangan minda dan sahsiah mereka. Hak dan kebebasan mereka yang asasi tidak harus di kekang. Peranan dan falsafah universiti itu harus dikembalikan dengan perubahan seperti mana yang seharusnya. Justeru itu, adalah wajar jika AUKU dimansuhkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.57 mlm.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang dikenali sebagai AUKU, yang dikuatkuasakan pada 30 April 1971 adalah merupakan satu akta yang telah diwujudkan bagi maksud menubuhkan, menyegerakan, mentadbir universiti dan kolej universiti awam di Malaysia. Susulan daripada penguatkuasaan AUKU pada tahun 1971, telah meletakkan universiti dan kolej universiti awam di Malaysia sebagai sebuah Badan Berkanun Kerajaan yang tertakluk kepada kuasa-kuasa yang ditetapkan di dalam akta tersebut.

Sejak AUKU digubal dan dikuatkuasakan, ia telah dipinda sebanyak lima kali iaitu pada 24 September 1971, 13 Mei 1975, 29 Februari 1983 dan 1 Oktober 1996. Pindaan terbaru AUKU telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 2009. Pindaan-pindaan AUKU tersebut dibuat untuk mengekalkan kerelevanan AUKU dalam memantapkan urus tadbir universiti mengikut perkembangan dan kehendak semasa. Pindaan AUKU yang terbaru dibuat bagi menangani cabaran-cabaran semasa dan di masa hadapan, terutama dalam usaha untuk memenuhi keperluan pengantarabangsaan, mempertingkatkan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi serta usaha-usaha pembangunan modal insan untuk mempertingkatkan daya saing negara di peringkat global.

Pindaan AUKU kali ini dilaksanakan dengan lebih komprehensif dan menyeluruh semula, dengan pelantikan satu jawatankuasa menyemak dan mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 pada akhir tahun 2005 yang dipengerusikan oleh seorang profesor undang-undang di UiTM, yang pakar dalam undang-undang perlembagaan, undang-undang pentadbiran dan hak-hak asasi manusia.

■2000

Selain perbincangan sesama ahli, jawatankuasa turut mengadakan sesi konsultasi dengan pelbagai *stakeholders* seperti Ahli Parlimen daripada parti pemerintah dan parti pembangkang, pegawai kementerian dan agensi pusat, pengerusi lembaga pengarah universiti,

naib cancellor universiti, persatuan kakitangan akademik IPTA, dan Majlis perwakilan Pelajar IPTA. Jawatankuasa juga turut meneliti idea dan saranan yang dikemukakan oleh pertubuhan bukan kerajaan termasuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Kementerian sememangnya turut mengambil kira aspek pengurusan kebajikan dan hak asasi pelajar dalam pindaan terbaru ini yang merupakan hasrat dan harapan setiap pelajar di universiti negara ini. Pelajar merupakan *stakeholders* utama kepada sesebuah universiti. Mereka juga merupakan bakal pewaris kepada kepimpinan negara. Justeru, kebajikan dan hak asasi pelajar hendaklah sentiasa dipelihara mengikut Perlembagaan Persekutuan dan amalan terbaik antarabangsa.

AUKU sedia ada memperuntukkan bahawa mana-mana pelajar yang mahu menganggotai mana-mana persatuan atau organisasi di luar universiti hendaklah mendapat kebenaran pihak universiti terlebih dahulu atau dengan izin *permission*. Peruntukan ini dilihat oleh sesetengah pihak sebagai agak negatif dan tidak memberi kebaikan kepada pelajar dalam peningkatan ciri-ciri kepimpinan dan sahsiah diri.

Justeru, AUKU (Pindaan) 2009, telah membenarkan pelajar untuk bersekutu atau menjadi ahli sesuatu pertubuhan, persatuan atau organisasi sama ada di dalam atau luar negara. Walau bagaimanapun, pelajar adalah dilarang untuk terlibat dengan entiti-entiti berikut:

- (i) parti politik sama ada di dalam atau luar negara;
- (ii) pertubuhan yang menyalahi undang-undang sama ada di dalam atau luar negara; dan
- (iii) pertubuhan badan atau kumpulan yang dikenal pasti oleh Yang Berhormat Menteri sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.

Mesti pun terdapat larangan ke atas pelajar untuk berpolitik, AUKU (Pindaan) 2009 masih memberikan sedikit pengecualian. Kuasa untuk memberi pengecualian ini akan dilaksanakan oleh naib cancellor. Dalam menjalankan kuasa tersebut naib cancellor atas permohonan pelajar boleh memberi kebenaran untuk terlibat dalam parti politik. Ini bagi membolehkan seseorang ahli politik yang bergiat dalam mana-mana parti politik mendaftar sebagai pelajar di universiti tanpa perlu melepaskan kerjaya politiknya.

AUKU (Pindaan) 2009 juga memberi kebebasan kepada pelajar untuk bersuara dalam hal yang berkaitan dengan perkara akademik yang diikuti dan dilakukannya. Pelajar adalah dibenarkan untuk memberi pendapat dalam seminar simposium dan sebagainya. AUKU (Pindaan) 2009 juga menggantikan kesalahan dan hukuman jenayah yang di peruntukan dalam AUKU dengan prosiding dan hukuman tatatertib. Pindaan AUKU juga turut memantapkan lagi tatacara pengendalian kes tatatertib pelajar oleh pihak berkuasa tatatertib universiti supaya lebih telus dan adil.

AUKU (Pindaan) 2009 turut membolehkan dua orang wakil Majlis Perwakilan Pelajar dilantik menganggotai Jawatankuasa Kebajikan Pelajar yang ditubuhkan. Ini akan memastikan hak dan kebajikan pelajar disampaikan melalui saluran yang tepat dan betul kepada pihak pengurusan tertinggi universiti. Kementerian sememangnya sedar ada pendapat yang menyatakan mahasiswa sepatutnya dibenarkan terlibat secara langsung dalam politik kepartian.

Dalam sesi konsultasi dengan pelbagai pihak yang telah dilaksanakan sebelum AUKU dipinda, pelbagai pandangan telah diteliti dan diambil kira supaya pindaan AUKU akan lebih bersifat sezaman, komprehensif dan dapat diterima oleh semua pihak di samping mengambil kira dasar dan polisi negara yang sedia ada. Dalam sesi konsultasi tersebut terdapat banyak pihak yang tidak bersetuju dengan pendapat yang membenarkan politik kepartian dibawa ke kampus terutama ibu bapa yang mengharapkan anak mereka keluar universiti menjadi insan yang berilmu, berakhlak, dan mempunyai nilai-nilai kemanusiaan bagi mencapai kesejahteraan diri di samping memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Mereka risau melihat suasa berpolitik pada masa ini yang menjurus kepada keadaan berpuak-puak yang mungkin boleh mengganggu keharmonian dan boleh menimbulkan suasana yang tidak kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran. Kementerian selaku pemegang amanah rakyat harus meneliti dan perlu mengkaji dengan mendalam semua pandangan sebelum membuat sesuatu keputusan dan akhirnya AUKU (Pindaan) 2009 telah dipinda sedemikian rupa yang memberi seluas-luasnya kebebasan kepada pelajar kecuali terlibat dengan entiti parti politik.

Berkenaan kes-kes yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali sebenarnya kebebasan luas yang diberikan kepada pelajar oleh AUKU (Pindaan) 2009 dipercayai cuba melangkaui batas-batas yang telah ditetapkan. Autonomi telah diberikan kepada pihak universiti untuk mengambil langkah-langkah yang difikirkan perlu bagi memastikan ketenteraman suasana pembelajaran di kampus dapat dikekalkan. Di sebalik kebebasan yang semakin luas diberikan kepada pelajar, mereka seharusnya menyedari batas-batas berpolitik selayaknya sebagai seorang pelajar supaya ia tidak mengganggu prestasi pelajaran yang menjadi matlamat utama mereka berada universiti.

Justeru, tidak kena apabila pelajar sepenuh masa menjawat jawatan dalam mana-mana parti politik atau cuba menubuhkan cawangan atau bahagian parti tertentu di dalam kampus yang jelas bercanggah dengan matlamat mereka untuk menuntut ilmu. Tidak dinafikan semangat berpolitik yang menebal dalam diri pelajar merupakan mekanisme yang baik ke arah demokrasi, ciri-ciri kepimpinan yang cuba ditonjolkan itu bagaimanapun sewajarnya disalurkan menerusi medium yang betul. Mengambil contoh, pilihan raya di kampus misalnya. Mahasiswa sewajarnya menggunakan kesempatan tersebut untuk membina semangat politik yang betul dengan mengangkat demokrasi sebagai cara hidup masyarakat bertamadun.

Pada 15 Januari 2010, kementerian telah memperkenalkan semula sudut pidato bermula di Universiti Kebangsaan Malaysia dan disusuli dengan IPTA lain. Ini membuktikan kerajaan bersifat terbuka dalam memberi peluang kepada mahasiswa untuk meluahkan pandangan secara bebas selara dengan semangat AUKU (Pindaan) 2009. Kerajaan telah berusaha mewujudkan ekosistem yang kondusif yang mengutamakan budaya kreatif dan inovasi dengan memberi lebih hak kebajikan dan asasi pelajar universiti seperti kebebasan berpersatuan, kebebasan bersuara, tatacara pengendalian kes, tatatertib, perwakilan dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar dan penglibatan pelajar dalam senat.

Akhir kata, saya ingin menyeru kepada semua mahasiswa, gunalah ruang dan peluang yang terbuka luas setelah AUKU (Pindaan) 2009 dikuatkuasakan. Salurkanlah semangat berpolitik yang menebal dalam diri pelajar ke tempat yang sepatutnya. Gunalah ruang seperti sudut pidato, Majlis Bimbingan Pelajar Kebangsaan dan pelbagai platform untuk menyuarakan pandangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli yang Berhormat yang saya muliakan, saya dan timbalan saya Yang Berhormat Datuk Armani ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, yang juga aktif dan bertanggungjawab darai mula-mula sesi kita bermula sehingga pada malam ini jam 8.09 minit.

Selaku Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini, sukacita saya secara peribadi dan juga mewakili semua Ahli Dewan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga khususnya kepada rakan-rakan kita yang akan bersara atau mengundurkan diri pada sesi ini dan mungkin mereka semua tidak akan menyertai dalam sesi yang akan datang. Kepada mereka-mereka semua, jutaan ribuan terima kasih. Jasa mu tetap dikenang selamanya. *[Tepuk]* Kita juga berharap janganlah segan silu, datanglah kunjung ke Dewan ini apabila sesi bersidang. Kita sentiasa menghulurkan tangan terbuka.

Seterusnya Yang Berhormat, saya berharap dan mendoakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat setelah bersidang lebih kurang dua minggu, saya percaya telah meninggalkan keluarga tersayang. Apabila kembali nanti, jagalah dalam perjalanan untuk selamat sampai ke pangkuan keluarga. Akhir sekali, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat di dewan ini hari ini ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak dapat ditetapkan. Sekian, Wabillahitaufik walhidayah *wassalamualaikum* warahmatullaahi wabarakaatuh.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.12 malam.